

*Naskhah belum disemak*

## **PARLIMEN KETIGA BELAS PENGGAL KEEMPAT MESYUARAT KETIGA**

---

---

Bil. 25

Isnin

19 Disember 2016

---

### **K A N D U N G A N**

#### **USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan  
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 1)

#### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

#### **RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016 (Halaman 36)
- Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016 (Halaman 84)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

Isnin, 19 Disember 2016

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**10.32 pg.**

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan Rang Undang-undang Pentadbiran Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016 serta Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016 sebagaimana yang tertera di nombor satu dan dua *dalam Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 20 Disember 2016.”

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apa strategi Malaysia terhadap perancangan perjanjian TPPA berikutan kemenangan Donald Trump sebagai Presiden Amerika baru-baru ini.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah kerana bertanya tentang strategi Malaysia berkaitan dengan TPPA setelah Donald Trump memenangi pilihan raya Amerika Syarikat menjadi Presiden, telah menang pilihan raya pada 8 November yang lalu. Sebelum itu saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Saya menganggap beliau sebagai salah seorang pakar dalam Dewan inilah mengenai TPPA. Apabila soalan berkaitan perkara ini beliau selalu bertanya dan saya tahu beliau banyak membaca tentang perkara ini, tahniah kita ucapkan.

Sebelum saya pergi kepada jawapan iaitu strategi Malaysia berkaitan dengan perjanjian ini saya hendak beri sedikit latar belakang kerana sudah lama perkara ini tidak dibicarakan dalam Dewan ini, elok saya mengimbas kembali apa yang telah berlaku. Pertamanya, pada 28 Januari tahun ini saya telah berada dalam Dewan ini untuk bentang usul mohon kelulusan Ahli Yang Berhormat membolehkan saya ke Auckland pada masa itu untuk tandatangan TPPA bagi pihak Malaysia. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah, ramai lagi lah, Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap pada masa itu. Ada yang menyokong, ada yang menyemburkan pelbagai kebimbangan.

Akhir sekali saya ucap terima kasih kerana 28 Januari lalu Dewan yang mulia ini telah meluluskan satu usul yang saya bentangkan untuk membolehkan saya tandatangan bagi pihak negara kita Malaysia. Maka pada 4 Februari 2016 tahun ini saya telah ke Auckland New Zealand untuk tandatangan bagi pihak Malaysia. Sejak itu kita telah mengadakan beberapa persiapan termasuklah saya tubuhkan tiga Jawatankuasa, mengambil kira kebimbangan dan pandangan Ahli Yang Berhormat tentang perjanjian ini yang penuh kontroversi. Maka tiga Jawatankuasa telah ditubuhkan.

Satu, Jawatankuasa peringkat kebangsaan; kedua, Jawatankuasa untuk mengadakan perbincangan dengan sektor swasta; dan ketiga, Jawatankuasa berkaitan dengan perusahaan

kecil dan sederhana (PKS) dan juga bumiputera. Jadi ketiga-tiga jawatankuasa telah ditubuhkan.

*National committee* ini kita menghimpunkan wakil-wakil kerajaan termasuklah juga pihak Peguam Negara, Kementerian Kewangan dan jabatan berkaitan untuk membolehkan kita merangka pelan tindakan untuk laksanakan TPPA ini. Jawatankuasa melibatkan swasta adalah *feedback* bagaimana kita boleh pastikan kita mendapat manfaat daripada TPPA. Jawatankuasa bumiputera dan PKS ialah untuk pastikan bahawa keimbangan bumiputera khususnya dan PKS dapat ditangani. Jadi saya telah mengadakan mesyuarat seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Kabinet.

Apa yang berlaku akhir-akhir ini iaitu apabila Trump memenangi pilihan raya maka kita tahu apa pandangan beliau. Antaranya Trump menyatakan bahawa *TPPA will be a disaster to America*, dengan izin, malapetaka besar bagi Amerika kerana Trump berpendapat bahawa TPP ini akan merugikan Amerika. Ia menguntungkan negara seperti Malaysia, Vietnam. Antara lain beliau berpendapat bahawa dengan TPP beberapa buah syarikat dan pekerja akan berpindah dari Amerika ke Mexico, Malaysia dan Vietnam, itu pandangan Trump. Maknanya dia kata TPP akan merugikan Amerika malapetaka besar akan menimpa Amerika apabila TPP dilaksanakan. Itu pendirian Trump.

Pada 19 November yang lalu Ketua-ketua Negara APEC bersidang di LIMA Peru. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri kita mewakili Malaysia, diadakan pertemuan di kalangan 12 orang pemimpin TPP. Jadi APEC ini 21 buah negara, TPP 12 maka kesemua negara TPP merupakan anggota APEC. Setiap kali kami mesyuarat APEC ini maka akan ada mesyuarat TPP. Maka diadakan perbincangan mengenai TPP pada 19 November lalu, Obama masa itu telah menyatakan pendirian beliau bahawa beliau akan cuba meneruskan walaupun banyak tantangan. Abe dari Jepun dan lain-lain telah memberi taklimat tentang persiapan untuk melaksanakan TPP.

#### ■1010

Umumnya pada 19 November, semua negara termasuk Amerika Syarikat yang diwakili oleh Presiden Obama, menyatakan bahawa walau apa pun kenyataan oleh Trump, mereka akan terus dengan proses untuk ratifikasi TPP, itu 19 hari bulan. 21 November, dua hari kemudian, Trump buat pengumuman bahawa hari pertama beliau jadi Presiden iaitu 20 Januari, maka beliau akan keluarkan Amerika daripada TPP.

Jadi 19 hari bulan, 12 buah negara semuanya bertekad termasuklah Jepun dan semua negara, Malaysia menyatakan bahawa walau apa pun kenyataan daripada Trump, kesemua 12 buah negara ini akan meneruskan TPP tetapi 21 hari bulan, dua hari kemudian Trump keluar

kenyataan bahawa tindakan pertama yang beliau akan buat ialah untuk keluarkan Amerika daripada TPP. Itu senarionya. Jadi ini penting untuk Ahli Yang Berhormat faham sebelum kita pergi lebih lanjut lagi.

Jadi yang kedua, saya maklumkan, di Parlimen New Zealand, TPP sudah pun diluluskan walaupun Amerika menentang, Parlimen New Zealand sudah luluskan. Parlimen Jepun sudah luluskan iaitu *Lower House* dan juga *Upper House*. *Upper House* 9 Disember, baru, hari ini 19 hari bulan, sebelas hari lalu Parlimen Jepun, *Upper House* sudah meluluskan TPP. Maknanya di Jepun selesai semua dah. Di New Zealand, dua buah negara sudah selesai. Negara lain umpamanya pada hujung tahun ini di Mexico dan juga Kanada akan bentangkan laporan TPP kepada Parlimen. Australia dijangka bulan Februari ataupun Mac tahun depan akan dibentangkan di Parlimen. Itu keadaannya.

Jadi sekarang ini persoalannya, apa hala tuju kita dengan kenyataan Trump bahawa beliau akan keluar daripada TPP dan tindakan Jepun untuk teruskan rancangan untuk tandatangan TPP. Apa strategi Malaysia, seperti mana yang ditanya oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi. Yang pertamanya, kita sebelum ini buat keputusan untuk meminda 18 undang-undang yang ada kaitan TPP. Kita sudah bahagikan undang-undang ini kepada dua bahagian.

Yang pertamanya undang-undang yang spesifik kepada TPP. Undang-undang yang kita perlu pinda jika Malaysia menjadi ahli TPP. Satu lagi ialah undang-undang yang memang Malaysia sudah pun merancang untuk pinda. Tidak ada kaitan dengan TPP tetapi ada kaitan secara tak langsung. Jadi bagi Malaysia, kita telah bermesyuarat Kabinet yang terkini Rabu lalu membuat keputusan bahawa kita akan teruskan pindaan kepada undang-undang, khususnya yang ada kaitan dengan TPP tetapi tidak secara langsung.

Umpamanya undang-undang yang melibatkan Kementerian Sumber Manusia, *Children and Young Persons (Employment) Act* umpamanya. Ini ialah untuk menghalang kanak-kanak daripada bekerja. Jadi kita rasa ini bagus untuk Malaysia. Kadang-kadang budak-budak umur 6 tahun atau 7 tahun pergi kerja, tidak sekolah umpamanya. Ini perkara yang penting, *the right to basic education*, dengan izin. Maka undang-undang ini yang ada mungkin ada dekat sedikit dengan TPP. Jadi yang ini kita akan teruskan. Contohlah 18 semua sekali, jadi kita akan bahagi dua. Satu, yang memang ada kaitan langsung dengan TPP. Yang kedua yang memang kita sudah berhasrat untuk pinda. Jadi *insya-Allah* pada bulan Mac akan datang kalau diluluskan Kabinet, kita akan bentangkan dalam Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Itu perancangan kita.

Seterusnya yang kedua ialah sekiranya TPP tidak ditandatangani, apa perancangan kita. Satu, ada kemungkinan kita menjalin ataupun berunding dengan beberapa buah negara yang mana kita belum ada FTA untuk perjanjian perdagangan bebas. Umpamanya Mexico dengan Kanada yang kita belum ada lagi perjanjian. Mungkin kita akan memulakan usaha bagi mengkaji kemungkinan tandatangan FTA dengan negara tersebut kerana salah satu sebab kita masuk TPP ialah untuk mendapat akses pasaran lebih baik kepada negara-negara seperti Amerika, Kanada dan juga Mexico.

Mexico ini sebuah negara yang besar yang berkembang pesat. Petronas umpamanya baru mendapat dua konsesi minyak *offshore* Mexico, negara ini sedang dibuka. Kanada juga kita ada kepentingan perniagaan di sana. Jadi itu satu strategi yang mungkin kita ambil iaitu untuk mengkaji kemungkinan mengadakan perjanjian dengan beberapa buah negara.

Yang keduanya, beberapa buah negara telah mencadangkan kepada kita bahawa kita ada TPP tolak satu, 12-1, jadi 11 buah negara. Ada beberapa buah negara yang berpendapat bahawa kita dah lima tahun berunding, sudah mencapai satu kompromi yang kita rasa boleh kita teruskan. Maka ada berpendapat bahawa mengapa tidak kita bincang satu pakatan perjanjian perdagangan tanpa melibatkan Amerika Syarikat. Ini antara kemungkinan-kemungkinan yang mungkin berlaku. Jadi, yang ringkasnya daripada segi strategi Malaysia, kita belum buat keputusan. Kita akan tengok apa yang akan kita pantau, apa yang akan berlaku daripada segi kita Malaysia. Kita merupakan sebuah negara yang *pro trade* kerana kita banyak bergantung pada perdagangan.

Yang terkini kita telah tandatangan perjanjian dengan Turki. Tahun lepas perdagangan Turki meningkat 45 peratus, peningkatan yang ketara. Baru ini Presiden Sri Lanka melawat Malaysia pada hari Jumaat, Perdana Menteri kita dan juga Presiden Sri Lanka memutuskan bahawa kita nak kaji kemungkinan nak tandatangan perjanjian dengan Sri Lanka. Kita juga sedang mengkaji kemungkinan tandatangan dengan Iran. Ini antara negara-negara, daripada segi strateginya sebagai sebuah negara terbuka yang banyak bergantung pada perdagangan. Kita sebuah negara yang *pro trade*, maka antara perjanjian-perjanjian yang kita sedang kaji kemungkinan untuk tandatangan, perjanjian perdagangan ialah dengan Sri Lanka dan juga Iran.

Satu lagi mungkin bergantung pada apa yang berlaku bulan Januari atau Februari ini di Amerika Syarikat. Salah satu kemungkinan, dua kemungkinan.

Yang pertama kita ada bilateral FTA ataupun dua hala mungkin dengan Kanada, dengan Mexico.

Satu lagi kemungkinan ialah untuk bincangkan hala tuju TPP tanpa penyertaan Amerika Syarikat. Maknanya sebelas buah negara, bukannya dua belas. Kalau itu merupakan opsyen

kita, maka sudah pasti ini akan memerlukan *renegotiation*, perlu dikaji semula, runding semula dan sudah pasti ini mengambil masa yang agak lama pula.

Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Suhaimi, tanya soalan yang cukup penting kerana 5 tahun kita berbahas perkara ini, panas di dalam Dewan ini. Di luar mereka adalah wajar- kerajaan memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari semasa ke semasa tentang perkembangan terkini berkaitan dengan TPP. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana walaupun sibuk dengan kerja-kerja kementerian, tetapi sudi datang ke Dewan yang mulia ini untuk menjawab [*Tepukj*] Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah, soalan tambahan.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, seperti mana Yang Berhormat Menteri sedia maklum dalam *The Economist* dan *Diplomat* menyatakan bahawa *TPPA without America is a dead agreement*, dengan izin. Juga dalam kalau kita melihat dan tentu sekali Yang Berhormat Menteri lebih maklum, *Chapter 30* ataupun Artikel 30 ada menyatakan bahawa, sekiranya 6 buah negara di dalam TPPA ini, kombinasi GDPnya melebihi 85 peratus, mereka boleh lagi menyambung perjanjian ini ataupun sekiranya selepas dua tahun perjanjian ini ditandatangani, maka termeterailah perjanjian tersebut. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri memberi sedikit penerangan berhubung dengan *Chapter 30* ini.

Juga saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sekiranya Amerika daripada bacaan-bacaan kita malah di *Observer last week also* menyatakan bahawa kemungkinan TPPA ini hendak dilanjutkan adalah tipis sekali kerana perjanjian politik dan juga perbahasan-perbahasan Trump semasa kempen pilihan raya beliau, nampaknya beliau tidak begitu bersetuju dengan TPPA ini. Jadi saya hendak bertanya, sekiranya Amerika tidak mahu menyertai TPPA, adakah kemungkinan 11+2? Campur dua ini adalah bersama dengan Rusia dan China. Apakah kemungkinan ini akan berlaku Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Suhaimi. Memang tepatlah apa yang saya katakan tadi bahawa Yang Berhormat Dato' Suhaimi ini seorang pakar TPP. Beliau baca *Diplomat*, baca *Economist* dan lain-lain majalah untuk mengetahui apa yang berlaku dalam arena antarabangsa termasuklah perdagangan, tahniah saya ucapan.

**■1020**

Jadi bab 30. TPP ada 30 bab seperti sedia maklum ada 6,000 lebih muka surat termasuk lampiranlah. Teksnnya kira-kira 600 muka surat teks. Lain-lain itu, 6,000 itu lagi *appendix*. Jadi teksnnya 600 muka surat. Dia ada 30 bab. Bab terakhir bab 30 seperti mana kata Yang Berhormat tadi berkaitan dengan bila TPP dikuatkuasakan.

Jadi pertama dia kata TPP akan berkuat kuasa sekiranya semua 12 buah negara dalam tempoh dua tahun. Dalam tempoh dua tahun ialah 4.2.2018. Kenapa 4 Februari kerana saya tandatangan dengan rakan-rakan pada 4 Februari 2016. Perjanjian berkata bahawa TPP akan mula berkuat kuasa sekiranya dalam tempoh tersebut, 4 Februari dua tahun 4 Februari 2018 kesemua negara akan tandatangan.

Jadi persoalan sekarang, Amerika ada kata oleh sebab Trump kata TPP is a *disaster*, malapetaka bagi Amerika Syarikat, rugi Amerika Syarikat. Dia kata tidak cerdiklah Amerika Syarikat kalau tandatangan TPP. Jadi sudah jelas kepada kita, kita tahu apa dia cakap tentang China, tentang Mexico cukai barang-barang daripada China, Mexico. Baru-baru ini Trump telah berjaya untuk mengelak sebuah syarikat *carrier* ini dia buat *air cond* dan lain-lain. Amerika hendak pindah daripada Indiana pergi ke Mexico. Beliau telah berjaya untuk menahan syarikat itu pindah dengan menyediakan *cash* insentif syarikat tersebut.

Jadi memang beberapa tindakan yang akan dilakukan itu ataupun kenyataan menunjukkan bahawa kalau dia teruskan dengan kenyataan sebelum ini hendak laksanakan, maka Amerika tidak akan tandatangan TPP. Itu yang pertama iaitu TPP berkuat kuasa dua tahun selepas semua negara tandatangan.

Sekiranya selepas dua tahun, selepas 4 Februari 2018 tidak ada siapa tandatangan. Kita ada enam buah negara yang menyumbang 85 peratus kepada output TPP, maka TPP boleh juga berfungsi tanpa enam buah negara. TPP akan boleh juga berjalan sekiranya enam buah negara tetapi yang menyumbang 85 peratus GDP. Jadi Amerika ini 60 peratus. Jadi kalau Amerika tidak ada, 40 peratus tidak ada lah. Kita hendak 85 peratus.

Jadi maknanya andaiannya ialah kalau Trump mengotakan apa yang beliau nyatakan, maka TPP tidak akan berkuat kuasa. Jadi kalau itulah persoalan Yang Berhormat.

Yang kedua ialah apakah 11 *plus* 2 tadi. 11 buah negara tolak Amerika, Kanada, Mexico, Peru, Chili semualah. Malaysia, Singapura, Vietnam, Brunei, Australia, New Zealand. Jadi tolak satu, 11 dengan Rusia dan juga dengan China.

Mula China saya hendak maklumkan bahawa China kita ada satu proses lagi bernama RCEP iaitu *Regional Comprehensive Economic Partnership* 16 buah negara. Asian 10 dan

enam buah negara lain termasuk China, Korea Selatan, Jepun, India, Australia, New Zealand. Jadi itu dalam perundingan. Kita baru habis seminggu lalu perbincangan di Jakarta dan bulan dua tahun depan di Kobe, Jepun. Rundingan RCEP yang melibatkan China. Jadi saya hendak maklumkan Yang Berhormat bahawa memang satu perjanjian bernama RCEP sedang dirundingkan antara negara Asian dengan China tetapi tidak melibatkan bukan semua negara TPP.

Satu lagi ialah berkaitan dengan cadangan Rusia. Baru ini, pertengahan tahun ini diadakan Russia ASEAN Summit. Presiden Putin daripada Rusia mencadangkan supaya *Asian* tandatangan perjanjian perdagangan dengan Rusia dipanggil *Eurasian Union*. *Eurasian Union* ini ada empat, lima buah negara termasuklah Rusia, Kazakhstan. *Eurasian Union* ini sudah pun berkuat kuasa 29 Mei 2015. Armenia, Belarus, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Rusia lima buah negara.

Jadi Presiden Putin jemput ASEAN untuk ada perjanjian ASEAN dengan *Eurasian Economic Union*. Jadi memang ada cadangan. Akan tetapi ini semua Rusia dengan China masih lagi dalam perbincangan. Akan tetapi saya hendak maklumkan bahawa ia bukan melibatkan bukan semua negara TPP. Kedua-duanya terlibat cuma negara-negara *Asian*- 10 buah negara ASEAN dengan Rusia, 10 buah negara ASEAN dalam RCEP bersama dengan China. China dengan ASEAN sudah ada perjanjian tetapi hendak tambah baik lagi perjanjian perdagangan melalui ASEAN. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Goonasakaren A/L Raman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan saya, saya ingin mengalu-alukan kedatangan MIC Negeri Johor dan MIC Negeri Pahang ke Dewan Negara... [Tepuk] Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesatuan sekerja, *union*, dengan izin, merupakan badan yang sentiasa berjuang hak asasi pekerja di tempat bekerja. Pekerja tempatan menjawat jawatan sebagai badan penggerak atau ahli jawatankuasa kesatuan peringkat ladang negeri mahupun nasional. Pekerja asing hanya mengambil bahagian sebagai anggota atau keahlian dalam kesatuan. Selepas pelaksanaan TPPA, pekerja asing boleh bertanding dan boleh menjawat jawatan dalam badan induk kesatuan pekerja asing umumnya yang datang bekerja di sini atas permit pekerja dengan tempoh yang tertentu.

Jika mereka menjawat jawatan dalam badan induk kesatuan, kesatuan mungkin menghadapi masalah pengurusan apabila memegang jawatan, orang yang memegang jawatan itu terpaksa balik ke negeri kerana tempoh permitnya telah pun tamat. Soalan saya, apakah pandangan kementerian dalam isu ini?

Keduanya, adakah ketetapan yang diambil oleh kementerian bagi mengatasi isu ini? Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, walaupun *premature*, kalau boleh hendak jawab.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Dato' Goonasakaren A/L Raman orang kuat Pahang. Ya tahniah pada rombongan dari Pahang di belakang kita. Saya juga mengalu-alukan rombongan MIC dari Pahang datang untuk menyokong Yang Berhormat Dato' Goonasakaren A/L Raman dan saya juga menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Jadi memang benar, TPP ini skopnya luas. Bukan sahaja akses kepada perdagangan tetapi juga berkaitan dengan undang-undang buruh, Tuan Yang di-Pertua. Secara umumnya TPP ini satu perjanjian yang hendak memberi hak yang lebih kepada pekerja secara umumnya kerana pekerja dilihat di beberapa buah negara tidak mempunyai hak tertentu yang sepatutnya ada pada mereka. Hak untuk berpersatuan umpamanya di beberapa buah negara begitu susah hendak tubuhkan *union*.

Jadi secara umumnya, TPP satu perjanjian antara lainnya ialah untuk memberi hak yang lebih kepada pekerja. Kalau tidak, teorinya kalau majikan terlalu berkuasa maka majikan akan menekan pekerja. Itu teorinya. Jadi TPP ini memberi ruang lebih sedikit supaya ada kuasa itu seimbang sedikit. Jadi kalau majikan terlalu berkuasa, maka kenaikan gaji, hak pekerja tidak akan dipelihara.

Jadi itulah sedikit sebanyak falsafah undang-undang buruh yang kita lihat semula dalam TPP ini ialah untuk memberi ruang yang lebih. Benar, antara lainnya ialah untuk memberi hak kepada pekerja asing bagi menjadi ahli kesatuan sekerja dan juga menjawat jawatan dalam persatuan sekerja secara umumnya. Akan tetapi ini bukan bermakna bahawa kita tangkap muat sahaja. Ada syarat-syaratnya dia kena tinggal di sini beberapa tempoh, selepas itu dia kena pekerja yang tertentu, ada syarat-syaratnya. Sudah pasti sebelum dipilih itu biasanya *union* ini bukan sahaja *foreigners*, orang tempatan sahaja. Kalau orang tempatan hendak pilih orang luar apakan daya.

Jadi *union* ini bukan terdiri daripada orang-orang luar, orang asing sahaja. Orang Malaysia pun ada. Jadi maknanya benar kerajaan telah bersetuju TPP ini antara lain memberi hak yang lebih kepada buruh termasuklah buruh asing tetapi ada syarat-syaratnya. Syarat-syarat ini telah pun dibincangkan antara Kementerian Sumber Manusia dengan pihak kesatuan pekerja dan apa kompromi yang telah dicapai itu kita difahamkan boleh diterima oleh pekerja dalam negara kita.

Apa pun ini semuanya spekulasi, ini semua ialah andaian kerana pada hari ini kita tidak tahu lagi ke mana TPP ini. Sekiranya berkuat kuasa maka ini akan berjalan tetapi kalau tidak terlaksana perjalanan ini, maka yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini tidak relevanlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1030

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menanya dengan Yang Berhormat Menteri. Setelah sekian lama kita menjalankan usaha dan bagi saya, usaha ini sangat baik tetapi kita nampak macam kita akan berhadapan dengan kegagalan. Dato' Sri Mustapa ini orangnya kerja kuat, fokus tetapi ada kemungkinan TPPA tidak menjadi kenyataan. Saya hendak tanyakan ini ialah apa kata oleh sebab Malaysia ada kekuatan untuk menerajui dan menjadi pemimpin di hadapan dalam negara ASEAN, kita perkuatkan ataupun kita memperkasakan hubungan dagang dengan negara ASEAN dan kemudian kita melakukan pakatan antara China dan Rusia. Itu sebagai keutamaan kita kerana saya percaya secara jangka panjangnya kemudian sudah tentulah Amerika akan sedikit sebanyak tunduk kepada kekuatan yang kita ada. Saya ingin bertanya komen Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, saya ingat sudah jawab dah tadi.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Adam yang memang salah seorang yang aktif semasa perbahasan 28 Januari lalu, menyertai perbincangan Pakatan TPP dan saya tahu beliau juga banyak membaca tentang TPPA.

Pertamanya, saya hendak tekankan bahawa memang dasar kita hari ini, dasar luar negara, perdagangan, nombor satu ialah ASEAN. Daripada segi kerja-kerja kita sama ada Kementerian Luar, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, banyak kita tumpu kepada ASEAN. Saya sendiri ditugas banyak memberi perhatian kepada ASEAN, Singapura, Indonesia- 10 hari lepas saya berada di Vietnam untuk promosikan Malaysia di Vietnam. Vietnam ini berkembang pesat dan di Vietnam kita ada empat, lima buah bank Malaysia, yang terkini bank CIMB mendapat buka cawangan.

Saya pergi sana hari Khamis minggu lepas untuk merasmikan cawangan baru bank CIMB. CIMB ini ia ada bank di semua negara ASEAN kecuali Filipina. Filipina dalam proses. Kesemua, Brunei, Singapura, Myanmar. Jadi, ini melambangkan betapa ASEAN, betapa pentingnya. Jadi, jawapan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Adam, memang nombor satu ialah ASEAN dan perdagangan kita pun yang paling banyak ASEAN- 27 peratus perdagangan kita ialah dengan ASEAN. Ini kerana kita tak ada tarif, tiada cukai dengan ASEAN. Indonesia

penting, Singapura penting, Brunei, semua sekali. Kedua, China Yang Berhormat sebut tadi. China pun nombor satu, *for a single country, 15.7 percent* perdagangan dengan China. ASEAN is a group, 27 peratus, yang terbesar Singapura tetapi bagi satu buah negara, China nombor satu, 15.7. Jadi, kita pun ada perjanjian perdagangan dengan China. Jadi, memang ASEAN, China menjadi tumpuan kita. Rusia kita berdagang juga. Jadi, dasar kita ialah kita berdagang dengan semua. Walaupun kita kuat dengan ASEAN, kuat dengan China, kita mahu juga berdagang dengan Amerika, Kanada perlu, itu dasar kita.

Jadi, *insya-Allah* kita akan teruskan. Maknanya, walaupun tidak ada TPP, bukan bermakna kita tidak akan beri perhatian kepada- walaupun dengan TPP, kalaupun berlaku, bukan bermakna kita ketepikan ASEAN. ASEAN memang nombor satu. China memang penting untuk kita.

Jadi, dengan tidak ada TPP ini seperti saranan Yang Berhormat, memang lagi perlulah. Kalau sekarang saya selaku Menteri dan rakan-rakan saya yang lain banyak bagi tumpuan kepada ASEAN, maka kalau TPP tak berjalan ini, lagi mustahaklah kita tingkatkan hubungan perdagangan, pelancongan, pelaburan dengan negara ASEAN, China. Perdana Menteri ke China enam minggu yang lalu. Kita sedia maklum, tandatangan banyak perjanjian yang melibatkan RM144 bilion kesemuanya sekali. Ini melambangkan bahawa memang ASEAN dan China memang sudah menjadi perhatian kita. Cuma kalau ada Amerika, Mexico, Kanada, ini akan melengkapkan lagi hubungan dagangan kita dengan seluruh dunia. Terima kasih.

**2. Tuan Isa bin Ab Hamid** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, usaha-usaha untuk mempaten produk herba Orang Asli oleh FRIM. Bolehkah FRIM menjelaskan jumlah produk yang telah dipatenkan dan adakah produk-produk tersebut telah dikomersialkan.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab Hamid. Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 2007, FRIM telah mendokumentkan pengetahuan tradisi bagi 17 daripada 18- sub etnik Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan merekodkan 500 spesies tumbuhan ubatan. Aktiviti dokumentasi ini adalah satu daripada inisiatif bagi memelihara pengetahuan tradisi Orang Asli berkaitan tumbuhan ubatan yang mempunyai nilai ekonomi dan juga bagi menghalang daripada kecurian bio dan juga salah guna oleh pihak tertentu.

Usaha ini juga dapat menyokong polisi kepelbagai biologi kebangsaan. Sebanyak 82 daripada 500 spesies ini dipilih untuk analisa makmal yang melibatkan ujian fitokimia dan

penentusan aktiviti biologi anti diabetes, anti oksidan, anti mikrob, anti kanser, anti protozoa dan tahap keselamatan. Daripada jumlah ini, 25 spesies dikenal pasti mempunyai potensi untuk dibangunkan menjadi produk prototaip. Berdasarkan projek *pilot* pada tahun 2013-2014, dua jenis produk prototaip Semelai Secret daripada kaum durian atau pengetahuan tradisi Semelai ini telah berjaya dibangunkan dan bagi projek *pilot* kedua tahun 2014-2016, tiga jenis produk prototaip penrosnai daripada kaum kekacang, ada kaum kekacang, berjaya dibangunkan setakat ini.

Di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD), Malaysia dituntut untuk berkongsi faedah dengan komuniti Orang Asli dan masyarakat setempat secara adil dan saksama. Perundingan bagi perkongsian faedah sedang dijalankan bersama komuniti Orang Asli sebagai pemilik pengetahuan dan kerajaan negeri sebagai pemilik tanah atau sumber. Disasarkan pada tahun 2017, perjanjian akses dan perkongsian faedah ABS ini akan dimuktamadkan sebelum pemfailan paten serta komersialisasi produk boleh kita teruskan. Jadi, itu di antaranya.

Lagi Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ini penting, hendak sebut juga iaitu usaha mematenkan pengetahuan tradisi ubat-ubatan juga memerlukan kewujudan dan penguatkuasaan Akta ABS. Memandangkan akta belum dikuatkuasakan, pemfailan paten oleh sebab akta belum diwujudkan ataupun belum dikuatkuasakan, pemfailan paten akan mendedahkan maklumat kepada umum atau pun *public domain* dan menyebabkan tiada perlindungan kepada hak Orang Asli, terutamanya daripada segi perkongsian faedah.

Dari sudut komersialisasi, bahan mentah merupakan info utama. FRIM di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas sedang melaksanakan inventori di negeri Pahang dan Johor, manakala pada tahun 2017 pula, inventori akan dijalankan di negeri Perak dan Kedah bagi mengetahui keberadaan sumber 25 spesies terpilih dalam hutan asli. Walau bagaimanapun, sekiranya bahan mentah diperlukan secara berterusan, penanaman secara ladang merupakan pilihan yang terbaik. Ketika ini FRIM sedang berusaha menghasilkan bahan tanaman secara *tissue culture*, dengan izin, dan pembiakan tampang bagi kaum durian, kaum kekacang, kaum halia dan kaum pakis untuk mempromosi dan menarik pelabur serta peladang menanam secara ladang akan dijalankan secara serentak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Isa bin Ab Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apakah pihak kerajaan bercadang untuk mengkomersialkan penanaman herba Orang Asli di perkampungan Orang Asli yang terpilih dengan melibatkan usahawan dan koperasi-koperasi Orang Asli? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Isa. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, potensi itu ada.

■1040

Cuma, ada dua kekangan. Pertamanya, seperti saya sebutkan tadi, kita perlu pelihara sumber inovasi kita sebelum kita boleh komersialkan. Sebab yang berlaku sekarang, hak milik ataupun pemilik *knowledge*, pengetahuan ialah orang kita khususnya Orang Asli sebab mereka menemukan beberapa spesies bagi tujuan tertentu seperti ubatan dan sebagainya, tetapi yang berlaku sekarang ialah dipatenkan oleh pihak luar, maknanya negeri-negeri lain. Dan kita kehilangan hak paten dan ini sekali gus kita kerugian nilai.

Justeru, sebelum kita boleh ke arah perladangan dan pengkomersialan yang lebih besar untuk produk-produk herba, kita mesti selesaikan satu peringkat dulu iaitu seperti yang saya sebutkan, kita mestilah menyediakan satu akta yang penting iaitu akta ABS atau *access benefit sharing* seperti yang saya sebutkan tadi. Ini di antara yang perlu kita selesaikan dulu.

Akan tetapi untuk tujuan domestik, saya fikir tidak ada masalah bagi tujuan herba biasa, tidak ada masalah. Maksud saya tadi kalau kita ada atau kita berhasrat untuk eksport bagi tujuan komersial di peringkat antarabangsa dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu, saya mengalu-alukan kehadiran tetamu Yang Berhormat Datuk Abbas daripada bahagian Batu. Jadi, beri tepukan... [Tepuk] Bagi markah Yang Berhormat Datuk Abbas sikit.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah untuk kita komersialkan seperti yang disebut tadi? Kita tahu bahawa produk herba pelbagai biologi ini telah lama dibangunkan. Penemuan yang pertama ini adalah daripada Orang Asli. Kita ini menumpang Orang Asli. Cari tongkat ali, kita pun kata kafe tongkat ali. Kafe tongkat ali pun termasyhur di kawasan. Ubi jaga dan sebagainya. Macam-macam. Dan juga kacip fatimah. Kadang-kadang tersalah makan, lelaki pun makan kacip fatimah. Itu yang macam-macam terjadi itu.

Jadi produk ini ataupun sumber herba ini di hutan makin hari makin berkurangan. Sampaikan mereka ini tidak lagi dilihat sebagai mengambilnya untuk sesuatu kuantiti, sebaliknya menggunakan kenderaan berat dan sebagainya. Cabut tongkat ali, akhirnya tongkat ali pun tidak ada. Jadi adakah pihak FRIM ataupun kementerian memikirkan tadi soal kita membuat tisu kultur dan sebagainya? Jadi ini, berapa tahun untuk kita mengeluarkan sumber ataupun produk ini dapat diguna pakai?

Yang kedua, sejauh mana *medicalnya* menentukan bahawa *content* yang kita gunakan tidak terlebih? Kadang-kadang makan lebih, akhirnya hendak bangun, langsung tidak bangun.

Pun ada. Ini pun kita kena jaga. Kadang-kadang hendak terlebih. Ini pun *supply* kita punya tongkat ali, Yang Berhormat Tuan Isa pun *supply* ini. Serbuk saja *supply* dekat kita. Jadi sebahagian Yang Berhormat Senator ini pun dah dapat ini, sudah rasa. Tapi diam saja, tak tahu jadi tak jadi.

Jadi, apakah langkah kementerian menjaga kepentingan Orang Asli? Kalau ikut, Orang Asli jual tongkat ali ini sudah kaya raya sudah. Kenapakah mereka ini akhirnya dipergunakan oleh pihak tertentu untuk kepentingan syarikat mereka tanpa ada pembelaan kepada Orang Asli? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat Senator. Saya juga mengalu-alukan kehadiran penyokong-penyokong Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya, bahagian Batu. Ramai itu [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, soalan tersebut sebenarnya panjang jawapannya sebab lebih ke arah langkah-langkah. Yang penting saya sebutkan tadi, pemunya ilmu iaitu di kalangan Orang Asli perlu dipelihara. Makna, mereka ada hak sebab kalau kita hendak paten sesuatu produk herba khususnya biodiversiti, ada tiga pihak. Pertamanya sudah tentulah pemunya ilmu iaitu Orang Asli itu sendiri, kalau kita menyebut tentang Orang Asli. Kalau Sabah dan Sarawak, kaum asal. Dan juga kerajaan negeri sebagai pemunya sumber dan sudah tentulah pemunya teknologi seperti FRIM dan sebagainya.

Jadi, ada tiga langkah besar yang perlu diberi perhatian atau yang perlu kita tepati, penuhi. Pertamanya sudah tentulah kita hendak pelihara hak tiga-tiga parti ini. Itu satu kemestian, tidak boleh kita elak. Makna, ada bahagian masing-masing. Peratus saham, itu boleh bincang kemudian. Biasanya antara satu hingga tiga peratus, biasanyalah.

Kedua, seperti yang saya sebutkan tadi, sebelum kita komersialkan, kita perlu paten supaya kita ada hak di situ. Walau bagaimanapun, sebelum kita paten, kita mesti pelihara segala sumber biodiversiti ini supaya kita ada hak di luar. Kadang-kadang kita boleh paten tetapi kita mungkin kita tidak ada hak kalau kita tidak pelihara sumber kita. Sebab itulah kita perlu ada akta yang berkaitan dengan *access benefit sharing*. Maknanya setiap sumber kita, kita dokumentkan, kita pelihara dalam akta. Dan pihak luar, maknanya pihak lainlah, kalau mereka hendak *innovate* ataupun hendak buat kajian tentang sumber produk kita, sumber herba kita, mereka mestilah dengan kebenaran kita dan terpelihara akta tersebut di mana kita ada hak. Makna kita ada *share* di sana. Mungkin nilainya bilion dan sebagainya. Itu kedua.

Sudah tentulah langkah-langkah penting seperti kajian makmal itu merupakan satu keutamaan sama ada sesuatu sumber herba dibuat satu proses inovasi menghasilkan produk berkualiti, selamat digunakan atau selamat dimakan dan sebagainya. Contohnya, FRIM

sentiasa bekerjasama dengan pihak lain seperti Kementerian Kesihatan, SIRIM dan lain-lain. Ada proses GMP dan sebagainya seperti mana yang selalu dilaungkan oleh pihak MITI dan sebagainya. Ini penting, maknanya proses itu penting. Itu proses makmal. Kemudian sama ada *viable* atau tidak. Sama ada- pertamanya berdaya maju, keduanya lestari. Sebab kadang-kadang ia tidak berdaya maju. Mungkin kuantiti tidak cukup, perlu proses perlادangan.

Dan juga yang paling penting ialah sumber itu daripada sumber yang betul. Kadang-kadang kita sebut- tadi disebut tongkat ali, ubi jaga dan sebagainya. Mungkin betul itu tongkat ali tetapi kadang-kadang ada waktunya oleh sebab tidak melalui proses kajian yang lengkap, mungkin setakat nama saja tongkat ali tetapi tidak ada khasiatnya. Maknanya sumber spesies tongkat ali itu biar betul. Kemudian kaedah makmal bagaimana. Kadang-kadang kita hendak keluarkan, kita hendak ekstrak bahan daripada tongkat ali untuk tujuan kesihatan, ada kaedahnya, ada kaedah di makmal bila patut diekstrak, di bahagian mana dan sebagainya.

Tidak semestinya kalau kita sebut tentang sebarang tongkat ali mempunyai khasiat, di seluruh bahagian tongkat ali tersebut. Dia ada bahagian-bahagiannya. Sebab itu pentingnya proses makmal dan ini sudah tentulah memerlukan suatu pelaburan yang besar. Ada prototaip dan sebagainya. Itu antara langkah-langkah besar yang perlu diambil sebelum proses sesuatu produk berasaskan herba dapat dibangunkan. Sekian, terima kasih.

#### ■1050

**3. Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, senarai kawasan perumahan PPR di Parlimen Batu, Wilayah Persekutuan. Jumlah baki kekosongan rumah PPR yang masih boleh dipohon oleh penduduk di Parlimen Batu. Nyatakan tempoh maksimum untuk maklum balas bagi sesuatu permohonan.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kawasan Parlimen Batu, terdapat lima buah kawasan perumahan melibatkan PPR Pekan Batu, PPR Wahyu, PPR Batu Muda, PPR Beringin dan PPR Intan Baiduri. Jumlah unit bagi lima buah kawasan perumahan ini adalah berjumlah 7,442 unit yang merangkumi 5,978 unit sewa dan 1,464 unit jual.

Secara keseluruhannya, sehingga November 2016 pada tahun ini, jumlah unit PPR di kawasan Parlimen Batu belum ditawarkan sebanyak 74 unit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DBKL juga merizabkan sebahagian unit ini untuk kes-kes bencana alam dan kebakaran. Bagi setiap permohonan yang diterima, tempoh maksimum maklum balas secara bertulis dijawab adalah dalam tempoh tiga hari. Seterusnya,

permohonan awam ini diproses melalui Mesyuarat Jawatankuasa Peruntukan Rumah Awam. Dalam hal ini, makluman keputusan mesyuarat dikeluarkan dalam tempoh dua minggu daripada tarikh keputusan mesyuarat jawatankuasa diadakan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang saya kasihi.

Di Parlimen saya ini, Yang Berhormat Menteri, ada yang sudah bertahun-tahun, dari tahun 2000 saya kira masih menanti tidak dapat rumah. Saban hari saya kira hari ini di pejabat saya khususnya ada sahaja tetamu ataupun rakyat yang hadir untuk memohon, untuk menanya khabar tentang permohonan yang dibuat. Saya hendak maklum kepada Yang Berhormat Menteri bahawasanya di Parlimen Batu ini ramai orang susah. Ramai orang yang berpendapatan bawah RM2,000 sebulan dan sudah tentu ia amat memerlukan penempatan di kota raya.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah garis panduan ataupun syarat yang sebenarnya yang ditetapkan oleh pihak kementerian dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk membolehkan rakyat khususnya di dalam Parlimen saya untuk memperoleh rumah PPR yang kadar sewanya kita tahun RM124 sebulan yang sudah tentu menjadi rebutan rakyat Kuala Lumpur hari ini. Jadi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, syarat-syarat utama. Kadang-kadang rakyat datang ke pejabat kita, dia pun tidak tahu dan kita tengok hari ini di rumah PPR, untuk makluman Yang Berhormat Menteri, ramai di kalangan orang yang berada pun ramai. Berada, dapat penempatan di sana. Kalau kita tengok satu buah rumah PPR itu, ada dua ASTRO pun ada. Kereta tiga empat buah pun ada, yang mempunyai pendapatan tinggi yang tidak layak untuk diberi rumah PPR sebab rumah PPR adalah untuk golongan miskin.

Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri bagi penjelasan apakah syarat-syarat utama untuk mendapat rumah-rumah tersebut. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, memang saya faham apa yang Yang Berhormat katakan tadi. Kekangan yang paling besar ataupun masalah paling besar ialah kekurangan unit rumah PPR yang kita dapat tawarkan kepada rakyat.

Ketiga, disebabkan masalah rakyat yang mementingkan diri dan tidak melepaskan rumah itu bila mereka sudah berkemampuan. Mereka masih memegang rumah itu dan masih menggunakan rumah itu. Ada pula yang menyewakan kepada orang ketiga dan sebagainya.

Syarat-syarat yang dikeluarkan untuk memastikan seseorang itu layak mendapat rumah PPR adalah seperti berikut:

- (i) bilangan isi rumah. Adakah bilangan ini memang patut diberi seperti dia ada ramai anak, dia ibu tunggal dan sebagainya;
- (ii) jumlah pendapatannya. Adakah pendapatannya dapat memberi dia kelayakan untuk menjadi penyewa rumah PPR; dan
- (iii) berdasarkan merit. Kadang-kadang merit ini kita ambil bila kita ada sesuatu kes-kes khas seperti tiba-tiba dia kehilangan segala-galanya dan sebagainya. Kita juga memberi mereka. Kita ada sistem merit di mana kita masuk log in dia punya *merit point*. Memastikan dia dapat dan bila dia telah capai lebih daripada 60 peratus, kita tawarkan rumah PPR tetapi bersyarat kepada keupayaan atau *validity*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk rumah-rumah ini.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Saya bersetuju dengan soalan sahabat saya tadi, Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya ataupun lebih dikenali sebagai Yang Berhormat Abbas. Memang kita tengok di kebanyakan negeri, benda ini berlaku. Ada yang sepatutnya dapat rumah PPR tetapi tidak dapat dan ada yang macam Yang Berhormat Abbas cakap, orang yang sudah ada duit banyak. Kereta dua tiga buah, Astro dua tiga. Jadi soalan saya. Bukan daripada Parlimen Batu sahaja. Semua negeri rasa saya berlaku ini terutama di bandar-bandar.

Apakah langkah-langkah kementerian apabila dapat tahu yang dapat rumah PPR itu yang telah menyewakan kepada orang lain? Apakah langkah-langkah yang kementerian akan buat untuk diberi kepada orang yang lain sepatutnya mendapat rumah PPR? Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, di Wilayah Persekutuan ini, bila kita dapati seseorang penyewa utama yang kita sewakan rumah ini telah menyewakannya kepada pihak ketiga, kita akan terus sita.

Kita akan sita dan kita akan tutup dengan sea/tempat itu dan kita akan panggil dia untuk beritahu kita kenapa dia masih kena diberi penyewaan. Kebanyakan kali ini kita tidak tanya. Kita terus sita, kita ambil balik. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Saya cuma hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Bagaimana penguatkuasaan tentang penghuni PPR ini yang tidak menjaga kebersihan mereka kerana kalau kita teliti, beberapa isu yang melibatkan PPR ini, isu jenayah,

isu kebersihan, isu lif rosak dan sebagainya. Akan tetapi daripada segi kebersihan itu, bagaimana penguatkuasaan dibuat yang mana-mana penghuni PPR ini yang tidak menjaga kebersihan, tidak membayar kepada yuran kebersihan sebagaimana yang diteliti. Adakah penguatkuasaan boleh dibuat untuk keluarkan mereka ini seandainya mereka tidak menjaga kebersihan di kawasan itu kerana ia melibatkan keseluruhan flat, keseluruhan penghuni dan bukan sahaja dia seorang yang tinggal di kawasan itu.

Jadi saya hendak tanya daripada segi penguatkuasaan di peringkat kementerian bagaimana penghuni-penghuni yang tidak menjaga kebersihan di flat kediaman mereka itu dilayan bagaimana daripada segi undang-undangnya. Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, berkenaan dengan kebersihan PPR ini, pada pertamanya, PPR ini diselenggarakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dia tidak ada yuran penyelenggaraan dan sebagainya. Bila kita dapati sesuatu unit yang tidak menjaga kebersihan dan sebagainya, pertamanya kita keluarkan notis. Notis kepada penyewa untuk menyatakan bahawa beliau telah melakukan sesuatu yang melanggar syarat penyewaan.

#### ■1100

Apabila notis ini dikeluarkan dan masih enggan, kita akan panggil penyewa itu kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk memberitahu beliau ataupun isi rumah itu berkenaan dengan masalah yang mereka memberi kepada orang ramai kalau selepas ini juga beliau tidak membetulkan keadaan, maka kita akan ambil tindakan menyita dan mengeluarkannya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih. Sebagai *compliment* kepada Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kehadiran sahabat-sahabat saya Ketua-ketua MIC dari negeri Johor dan juga negeri Pahang... [Tepuk] Salam Barisan Nasional.Kerja kuat, kita menang pilihan raya kali ini dengan cemerlang.

Soalan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai projek perumahan rakyat di Wilayah Persekutuan tetapi fokus kepada generasi muda sebab saya memerhatikan di wilayah ini, di samping kita ada generasi kedua daripada penduduk wilayah yang kita tahu apabila mereka tinggal di serumah dengan ibu bapa, tidak selesa dan mereka hendak penempatan yang baru.

Yang kedua, transmigrasi belia-belia dari tempat lain datang ke wilayah yang juga sangat memerlukan perumahan dan mereka ini baru berkahwin.

Saya ingin mengetahui rancangan kementerian untuk jangka panjang tentang PPR belia dan bagaimana sistem. Bolehkah kita mencadangkan kalau ia dibuat secara sewa beli iaitu di peringkat awal menyewa dan daripada sewaan itu dijadikan deposit untuk dia membeli rumah tersebut. Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Adam. Berkennaan dengan masalah belia-belia yang baru kahwin dan juga belia-belia yang datang ke Kuala Lumpur ataupun ibu kota untuk mencari penghidupan, boleh kita katakan bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada masa sekarang melaksanakan beberapa projek yang dikenali sebagai Projek Perumahan Rakyat Generasi Muda. Satunya di bawah KPKT, sediakan rumah transit di Bukit Jalil dan lagi pula bagi cadangan DBKL sendiri iaitu di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri, kita sedang dalam usaha menyediakan rumah kaunsel atau *council home* untuk orang-orang muda menyewa atau orang-orang muda yang datang sini bekerja dalam sektor perkhidmatan.

Kita berikan mereka ini satu buah tempat khas untuk menyewa di mana kita mungkin letakkan enam atau lapan orang menyewa satu unit di mana kita ada bilik dan sebagainya, *common toilet, common bathroom*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini rancangan dan kita sudah dalam proses iaitu satu, sedang dibuat di Sungai Udang dan lagi satu pula sedang dirancang untuk dibuat di sebelah Razak Mansion. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**4. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yassin** minta Menteri Kewangan menyatakan, punca kejatuhan nilai Ringgit walaupun *fundamental* (asas) ekonomi negara ini kukuh dan nyatakan langkah kerajaan bagi mengatasi kejatuhan secara berterusan nilai Ringgit.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan oleh Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh, Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Harun dan Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff bertarikh 19 dan 20 Disember 2016 memandangkan kesemua soalan tersebut menyentuh isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Lee Chee Leong:** Terima kasih. Penyusutan nilai mata wang bukanlah unik pada Malaysia sahaja. Keadaan ini turut dialami oleh mata wang serantau di mana 123 daripada 149 buah negara mengalami penyusutan nilai berbanding Dolar Amerika Syarikat pada tahun 2015 disebabkan terutamanya oleh pengukuhan Dolar Amerika Syarikat. Pada tahun 2016, nilai Ringgit telah menyusut sebanyak 4.1 peratus berbanding Dolar Amerika Syarikat hingga 16

Disember 2016. Penyusutan nilai Ringgit disebabkan oleh perubahan aliran dana yang didorong oleh faktor luaran. Faktor-faktor tersebut termasuklah kemungkinan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat, ketidaktentuan dalam harga minyak mentah dunia dan kebimbangan terhadap kadar pertumbuhan ekonomi serta ketidaktentuan pasaran kewangan di China.

Tambahan pula, keputusan pilihan raya Presiden Amerika Syarikat pada November 2016 telah menyebabkan pengukuhan Dolar Amerika Syarikat. Keadaan ini telah memberi kesan negatif terhadap kebanyakan mata wang global dan serantau termasuk Ringgit. Sepanjang tahun 2016, nilai Ringgit meningkat sehingga 11 November 2016 dengan paras tertinggi pada 13 April 2016 pada kadar 3.8650 dan paras terendah pada 7 Januari 2016 iaitu pada kadar 4.4140. Namun selepas keputusan pilihan raya Presiden Amerika Syarikat, nilai Ringgit telah mula menyusut sehingga 16 Disember 2016 dengan mencatat paras terendah sebanyak 4.4755.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah terkini yang diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk menstabilkan Ringgit melalui penggalakan pembangunan pasaran kewangan Malaysia. Pasaran kewangan yang membangun menjana aliran pertukaran asing dua hala serta dapat mengurangkan pendedahan kepada arena spekulasi. Antara inisiatif yang diambil oleh Bank Negara Malaysia bagi memacu pembangunan pasaran kewangan meningkatkan penggunaan mata wang Ringgit melalui polisi-polisi berikut. Pengeksport dibenarkan untuk mengekalkan hanya 25 peratus daripada perolehan eksport dalam akaun mata wang asing yang diselenggarakan dengan bank tempatan berlesen dengan bakinya ditukar kepada Ringgit.

Namun, pengeksport bebas untuk menukar semula Ringgit kepada mata wang asing bagi memenuhi obligasi pembayaran import dan pinjaman sehingga enam bulan. Bagi memastikan pengeksport tidak terbeban, polisi ini disokong dengan insentif-insentif berikut:

- (i) membenarkan pertukaran Ringgit kepada mata wang asing secara serentak sehingga nilai enam bulan pembayaran import dan pinjaman mata wang asing pada kadar pertukaran mata wang asing yang sama;

#### ■1110

- (ii) menawarkan faedah yang lebih tinggi iaitu 3.25 peratus setahun kepada pengeksport bagi penempatan hasil penukaran eksport dalam deposit ringgit;
- (iii) memudahkan proses perlindungan nilai mata wang asing oleh pemastautin dengan membenarkan pembatalan kontrak lindung nilai secara bebas;

- (iv) semua bayaran antara pemastautin termasuk pembayaran oleh pengekspor dibuat hanya dalam ringgit; dan
- (v) menyelaraskan polisi pelaburan aset mata wang asing tempatan dan luar negara pemastautin.

Memberi fleksibiliti perlindungan nilai dalam pasaran mata wang asing tempatan bagi menggalakkan pengurusan risiko yang efektif seperti berikut:

- (i) pemastautin boleh melindung nilai pendedahan mata wang asing dengan bank tempatan berlesen sehingga had RM6 juta bagi setiap pelanggan;
- (ii) setiap bank hanya melalui deklarasi sekali sahaja; dan
- (iii) pengurus dana pemastautin dan bukan pemastautin untuk boleh melaksanakan pengurusan pendedahan pertukaran asing secara aktif sehingga 25 peratus daripada aset yang dilaporkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu baru-baru ini aktiviti spekulatif dalam pasaran luar negeri, kontrak ataupun tanpa serahan dengan izin, *non-deliverable forward* (NDF) telah membawa kesan negatif terhadap pasaran pertukaran asing dalam negara. Oleh itu Bank Negara Malaysia telah memperkuuh semula peraturan sedia ada bagi meningkatkan ketelusan dan integriti dalam pasaran kewangan untuk menghalang pemudahan NDF bagi ringgit oleh institusi kewangan berlesen dalam negara.

Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia juga telah menyediakan mudah tunai di pasaran tempatan bagi memastikan keadaan pasaran yang stabil dan teratur. Selain itu Bank Negara Malaysia turut memberi penjelasan mengenai isu-isu berkaitan NDF kepada peserta pasaran secara berterusan. Tambahan pula Malaysia telah berjaya mengurus episod penyusutan nilai Ringgit pada masa lalu. Pada ketika itu sebahagian besar kesan penyusutan nilai Ringgit terhad kepada pasaran kewangan dengan kesan limpahan yang minimum terhadap ekonomi benar. Ini hasil daripada pembentukan penampang dan penambahbaikan struktur dalam ekonomi dan pasaran kewangan sejak krisis kewangan Asia pada tahun 1997.

Ini telah meletakkan ekonomi serantau termasuk Malaysia dalam keadaan yang lebih bersedia untuk mengurus risiko ketidaktentuan pasaran kewangan, kesan daripada faktor luaran. Dalam jangka masa panjang, nilai Ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Dalam hal ini, usaha kerajaan untuk melaksanakan Program Transformasi Ekonomi termasuk mempelbagaikan sumber pertumbuhan pembaharuan fiskal dan langkah untuk memastikan sistem kewangan yang kukuh dan stabil akan dapat mendorong pengukuhan nilai Ringgit.

Dari semasa ke semasa, Bank Negara Malaysia memperkenalkan lebih banyak langkah liberalisasi yang menjurus ke arah memperkembangkan pasaran pertukaran wang asing, bon dan pasaran wang dalam negara untuk memenuhi permintaan peserta pasaran dan membolehkan peniagaan tempatan mengurus dedahan, dengan izin, *exposure* kadar pertukaran mereka dalam negara.

Selain itu juga dalam menangani cabaran semasa, kerajaan akan sentiasa memastikan pasaran pertukaran mata wang asing dan pasaran saham tidak terjejas bagi memastikan kegiatan ekonomi kekal mapan. Pada masa yang sama, jumlah *reserve* Bank Negara Malaysia yang mencecah RM96.4 bilion pada 30 November 2016 berada pada kedudukan yang kukuh untuk memastikan sistem kewangan beroperasi dengan lancar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih kerana memberi jawapan yang terperinci. Mudah-mudahan dengan langkah-langkah ini, mata wang kita akan stabil. Soalan tambahan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab secara seperti mana yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, secara terperinci walaupun lemah lembut tetapi terperinci. Jadi saya faham dan saya ucapkan terima kasih. Kemudian ada sedikit lagi soalan tambahan saya mengenai kejatuhan nilai Ringgit ini daripada 13 Ogos 2015 ke paras RM4.40 berbanding USD1. Itulah pertama kali terendah sejak 1998. Nilai ini terus merosot ke paras RM4.40 berbanding *US Dollar* dan soalan tambahan saya, apa langkah kerajaan bagi menangani kenaikan kos harga barang berikutan kenaikan kos pengeluaran berpunca daripada kenaikan kos bahan seperti mana bahan-bahan import.

Setakat mana kerajaan dapat mengawal keadaan ini, terutamanya spekulasi dagangan ringgit di luar pesisiran (*offshore*) termasuk daripada segi peruntukan undang-undang dalam mengatasi kejatuhan nilai Ringgit, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah sebut tadi bahawa Bank Negara telah buat beberapa langkah tetapi kita hendak tahu juga apakah langkah kalau berlaku spekulasi dalam perdagangan mata wang di peringkat *offshore*, luar pesisir pantai.

Sejauh mana kejatuhan nilai Ringgit ini telah memberi kesan kepada simpanan rizab antarabangsa Malaysia. Memang ada kesannya saya nampak dan ia mendorong dari tahun 2013 iaitu USD140 bilion kepada USD100 bilion tahun 2015, dan pada tahun 2016, turun lagi kepada USD98.3 bilion. Apa langkah dan kesan kepada negara kita dan pelan-pelan yang berikutnya, seperti mana pernah dibuat pada tahun 1997-1998 dalam krisis kewangan dulu ialah *pegging system* ataupun tambatan Ringgit.

Adakah kerajaan tidak buat dan kenapakah kerajaan tidak melaksanakan langkah tersebut pada krisis kali ini. Saya berterima kasihlah, saya pun tidak berapa tahu seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa 123 daripada 149 buah negara terlibat dalam krisis atau kejatuhan nilai mata wang masing-masing ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih untuk soalan tambahan. Soalan yang pertama itu Yang Berhormat, langkah untuk memastikan harga barang di bawah kementerian Yang Berhormat atau KPDKKK? Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman telah menanya empat soalan. Mengenai soalan kenaikan kos sara hidup itu memang kendalian kementerian lain tetapi ada sedikit mengenai kalau kenaikan kos bahan input, ada kaitan dengan bidang saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, bila nilai Ringgit menyusut, sebahagian sektor ekonomi akan menerima manfaat manakala terdapat juga sebahagian sektor ekonomi yang akan terjejas.

#### ■1120

Pengeksport akan menerima manfaat daripada segi hasil eksport yang lebih tinggi dalam nilai Ringgit atau peningkatan dalam permintaan bagi barang buatan Malaysia. Namun begitu, penyusutan nilai Ringgit akan menyebabkan kenaikan kos input, kos import dan kenaikan kos pengeluaran tetapi kesan ini akan diserap oleh harga bahan mentah yang lebih rendah, susulan kejatuhan harga komoditi global. Bagi menangani kenaikan kos input, pihak kerajaan terus mengambil langkah menaikkan jumlah pengeluaran domestik bagi barang keperluan dan mengurangkan kebergantungan kepada bahan import. Mengenai soalan Yang Berhormat tanya tentang spekulasi *offshore*. Aktiviti *speculative* dagangan ringgit di luar posisi atau *offshore* adalah di luar bidang kuasa dan peruntukan perundangan sistem pasaran kewangan Malaysia.

Namun begitu, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah memperkuatkan peraturan sedia ada *non-deliverable forward* (NDF) bagi mengawal aktiviti *speculative* ke atas ringgit. Mengenai soal rizab antarabangsa Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jawab tadi, jumlah rizab Bank Negara Malaysia mencapai USD96.4 bilion pada 30 November 2016. Purata pada kedudukan yang kukuh untuk memastikan sistem kewangan beroperasi dengan lancar. Mengenai soalan tentang *pegging* atau tambatan nilai Ringgit, kerajaan sehingga kini tidak bercadang untuk menambat semula mata wang atau *pegging* Ringgit seperti yang pernah

berlaku pada tahun 1998. Keadaan masa kini adalah amat berbeza dan setiap langkah kalau diambil memang ada kosnya. Kos untuk mengubah rejim mata wang adalah lebih tinggi berbanding dengan hasil yang boleh didapati. Di samping itu, kos untuk melaksanakan rejim *pegging system* adalah amat besar kepada negara.

Reputasi Malaysia sebagai destinasi pelaburan akan terjejas kerana *pegging* hanya boleh dilaksanakan dengan *capital control*, dengan izin, atau pengawalan modal dan perkara ini adalah tidak mesra pelabur atau ia akan menjelaskan FDI. Peranan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa juga mungkin menerima kesannya. Kedudukan negara dalam penarafan antarabangsa juga boleh diturunkan oleh agensi penarafan antarabangsa. Selain itu, *pegging* nilai Ringgit juga mungkin akan memberikan kesan terhadap aktiviti ekonomi negara, apabila mengalami kejutan luaran tambatan ringgit, tidak bermakna kedudukan ekonomi domestik akan terpelihara sepenuhnya, sektor eksport akan lebih terjejas. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu kita patut mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dalam suasana ekonomi yang tidak menentu pada hari ini, kerajaan telah bersungguh-sungguh untuk memastikan nilai mata wang kita dapat dipertahankan. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan penjelasan yang cukup baik.

Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya percaya usaha kerajaan ini mestilah dibantu sepenuhnya oleh pihak rakyat jelata. Kita sebagai rakyat jelata mestilah memahami suasana pada hari ini dan berusaha untuk membantu pihak kerajaan, kerana saya bimbang pada hari ini sekiranya nilai mata wang Ringgit ini tidak dapat kita perbaiki, implikasi cukup negatif. Bukan sahaja daripada segi ekonomi, tetapi juga daripada segi persepsi rakyat kepada kerajaan yang sedia ada. Persoalan saya, walaupun saya katakan terima kasih, tahniah kepada pihak kerajaan telah berusaha dengan sedaya upaya. Persoalan saya, adakah kemerosotan nilai mata wang ringgit pada hari ini tidak banyak sedikit membayangkan atau pun memberi bayangan akan berlaku krisis ekonomi seperti yang berlaku pada tahun 1998. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato'.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, memang nilai Ringgit Malaysia telah merosot sehingga sekarang pada masa kini. Akan tetapi asas ekonomi negara kita memang kukuh, so, ini yang mana punca-puncanya kebanyakannya tadi pesisir luar, dari luar negara tetapi asas ekonomi negara masih kukuh. Jadi, saya rasa itu hanya kalau asas ekonomi negara kita kukuh, itu akan mengatasi segala cabaran. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Dr. Johari.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah memberi penjelasan tadi. Saya tengok kalau kita turun di peringkat kampung atau pekan kecil. Kita tengok pergerakan ekonomi slow. Sebagai contoh pasar malam, pasar minggu tidak seperti sebelumnya. Tidak seperti sebelum kejatuhan nilai Ringgit dan ia mengganggu sebenarnya kehidupan masyarakat.

Sebagai contoh, semalam saya mendengar penerangan orang yang selalu bermiaga bawa barang masuk ke Thailand-Malaysia. Dia kata, turunnya sangat teruk Malaysia sehingga mereka tidak lagi dapat menerima Ringgit Malaysia sebagaimana dulunya. Kalau dulu mereka mengalu-alukan malah mereka mahu Ringgit Malaysia berbanding dengan mereka. Akan tetapi sekarang mereka tidak terima dan malah katakan sampai 40 persen sebagaimana yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi. Dan perkara ini walaupun pengawalan harga kembali kepada KPDKKK tetapi persoalan, mereka yang ingin membawa masuk barang atau mengimport itu sudah tidak lagi mampu untuk membayar kos yang tinggi sebab mereka rasa terlalu mahal, kerana itulah kita tengok kuasa beli kita pun semakin menurun berbanding dengan sebelum ini.

Jadi saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri kita, dalam suasana ini kita nak tahu jangkaan kedudukan ringgit kita, keadaan ini berapa lama lagi akan terus berlaku begini dan bila akan dijangka baik pulih. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa lama lagi kemerosotan mata wang kita? Anggaran.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita memang satu buah negara yang mempraktikkan ekonomi terbuka. Negara kita terdedah kepada ketidaktentuan ekonomi global. Jadi kalau soalan bertanya, bila jangkaan nilai Ringgit akan terkawal, memang kita kena tengok keadaan ekonomi global juga. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Tuan yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup sudah Yang Berhormat. Menteri Kementerian Dalam Negeri jarang datang. Bila dia datang, kita kena bagi dia peluang pula. Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

■1130

5. **Datin Rahimah binti Haji Mahamad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) pandangan kementerian terhadap hasil dakwaan bahawa setiap 10 orang warga asing yang mempunyai permit, tujuh pekerja asing tanpa permit sah merangkumi 41 peratus dari jumlah keseluruhan pekerja asing di negara ini; dan

- (b) apa langkah terbaik mengekang kemasukan pendatang asing tanpa izin yang seolah-olah tiada kesudahan dan jalan penyelesaian.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini saya akan menjawab secara serentak soalan nombor satu dan soalan nombor 36 untuk hari ini.

Bagi menjawab soalan nombor 1(a), ada perbezaan sedikit antara persepsi jumlah pekerja asing tanpa izin dalam negara. Akan tetapi apa yang akan saya bentang pada hari ini adalah statistik daripada Jabatan Imigresen Malaysia mengenai isu pendatang asing tanpa izin (PATI) ini di mana aktiviti penguatkuasaan telah mencatatkan ataupun telah menganggarkan bahawa PATI dalam negara ini adalah pada kadar 3:1. Manakala empat orang yang diperiksa tiga sah dan satu tidak sah. Maknanya satu itu PATI dalam operasi yang dilaksanakan oleh JIM.

Jadi daripada 1 Januari ke 18 Disember 2016 sebanyak 10,554 operasi telah dijalankan secara berterusan di mana seramai 165,944 orang warga asing telah diperiksa dan 49,222 orang PATI telah berjaya ditangkap kerana melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengaruhi Mesyuarat]*

Untuk makluman juga, sehingga 23 November 2016, JIM hanya merekodkan seramai 1,856,869 orang pekerja asing yang sah iaitu mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).

Untuk mengatakan bahawa 41 percent orang PATI daripada jumlah tersebut, pekerja asing tanpa permit sah adalah kurang tepat. Ini kerana sehingga ini iaitu 18 Disember 2016, Jabatan Imigresen telah berjaya menangkap seramai 49,222 PATI untuk direkodkan dan merekodkan 169,712 orang PATI yang menyertai program 3+1, iaitu program penghantaran pulang secara sukarela untuk pulang ke negara asal. Jumlah keseluruhan, iaitu 218,934 orang PATI atau 11.79 peratus daripada jumlah pekerja asing yang sah direkodkan di dalam negara.

Bagi menjawab soalan 1(b) dan juga soalan 36, ada banyak langkah yang telah diambil oleh JIM dan juga KDN untuk mengawal kemasukan pekerja asing tanpa Izin. Pertama sekali adalah untuk mengadakan proses tapisan awal melalui pengeluaran visa di kedutaan dan Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara. Di mana tapisan akan dibuat untuk mengenal pasti sama ada butiran warga asing berkenaan telah dimasukkan dalam senarai syak atau *suspect list* jabatan. Sekiranya nama mereka tersenarai dalam senarai syak, warga negara asing berkenaan tidak akan diberikan visa untuk datang ke Malaysia.

Seterusnya, kita mengenakan Sistem Penguatkuasaan dan Pendaftaran Warga Asing iaitu dengan nama singkatannya, NERS, iaitu kita menggunakan proses pengecaman data biometrik, pesalah imigresen yang telah direkodkan dalam senarai syak jabatan. Jadi maknanya setiap kali mereka cuba masuk ke dalam negara kita, kita sudah ada rekod cap jari mereka kalau mereka pernah membuat kesalahan di Malaysia. Jadi kita boleh terus saring mereka dan ketepikan mereka sebagai pekerja asing tanpa Izin, tanpa permit. Jadi kita boleh buat tindakan selanjutnya seperti menghantar pulang dan sebagainya.

Selain itu, daripada segi operasi penguatkuasaan kerajaan menggunakan pendekatan prinsip Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi di peringkat Persekutuan, negeri dan seterusnya pihak berkuasa tempatan. Pelan ini bertujuan untuk mengoptimumkan sumber penguatkuasaan yang ada di semua peringkat pentadbiran negara supaya ia akan dapat digunakan dengan lebih efektif untuk mengesan pekerja asing tanpa Izin.

Selain itu kerajaan juga melaksanakan Program Pendatang Asing Tanpa Izin Serah Diri Sukarela untuk kembali ke negara asal. Program ini dipanggil program 3+1 yang telah bermula pada 22 Julai 2014 sehingga 2016, di mana 452,779 orang PATI telah menyerah diri untuk balik ke negara asal. Langkah seterusnya PATI yang menyerah diri melalui program ini akan disenaraihitamkan oleh pihak imigresen sebelum dihantar pulang ke negara asal.

Kerajaan juga melaksanakan program pengajian dan penempatan semula PATI, iaitu Program *Rehiring*, dengan izin, yang juga dilaksanakan untuk memberikan peluang kepada PATI yang sedia ada dalam negara kita, yang bekerja secara haram di negara kita untuk diberikan permit kerja yang sah bagi memenuhi sektor pekerjaan yang dibenarkan. Dari bulan Februari 2016 sehingga 15 Disember 2016, seramai 232,845 orang PATI telah mendaftar di bawah program tersebut. Program ini diharapkan akan dapat berhasil dengan memberikan permit yang sah kepada pekerja asing tanpa izin yang berada atau bekerja di negara ini selama ini.

Selain itu, aktiviti naziran dijalankan oleh Jabatan Imigresen Malaysia ke atas premis yang menggaji pekerja asing, iaitu majikan supaya kita Jabatan Imigresen akan dapat daripada semasa ke semasa mengesan warga asing yang bekerja di negara kita tanpa izin dan juga mengenakan tindakan kepada majikan sekiranya mereka melanggar undang-undang negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi soalan? Sila.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab begitu baik dengan angka-angka yang

agak baik diberi jawapannya. Soalan tambahan saya, sejauh mana kerjasama dengan negara jiran berkaitan aktiviti kawalan sempadan ini termasuk kos pengeluaran visa sementara bagi membolehkan PATI dihantar pulang serta langkah *cost sharing*, dengan izin, menghantar pulang yang saya difahamkan negara jiran ini kurang memberi kerjasama menyebabkan Malaysia terpaksa menanggung kos ini termasuklah kos makanan dan lain-lain dalam tempoh tahanan di mana PATI ini perlu menunggu lama.

Soalan saya yang kedua Yang Berhormat Menteri, apakah implikasi arahan Kerajaan Myanmar yang mengeluarkan kenyataan tidak akan menghantar lagi rakyatnya bekerja di Malaysia? Sekian, terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam kita menguruskan hal pekerja asing ini memang tidak boleh dinafikan bahawa Malaysia merupakan negara yang menarik kepada pekerja-pekerja asing yang datang daripada negara jiran di Asian dan sekarang ini pula daripada negara di rantau Asia lain seperti, Bangladesh, Nepal dan India. Dalam menguruskan pekerja asing ini memang kalau rakyat negara-negara ini nak datang ke sini, susah untuk kita hendak menghalang mereka datang. Mereka akan mencari banyak cara untuk memasuki negara kita.

Kalau kita menyusahkan mereka untuk masuk pun, mereka akan cuba masuk cara lain, iaitu melalui jalan-jalan yang tidak sah dan akhirnya menjadi pekerja asing tanpa izin di negara kita ini. Antara sebabnya adalah juga kerana permintaan daripada majikan yang mahukan pekerja asing dengan alasan bahawa rakyat Malaysia tidak mahu bekerja.

#### ■1140

Ini menimbulkan masalah kepada kita bahawa sekarang ini seperti saya maklumkan tadi dalam angka yang telah saya sebutkan tadi, ada satu juta lapan ratus lebih ribu orang pekerja asing yang telah berdaftar sebagai pekerja yang sah di negara kita. Akan tetapi ada juga jumlah tersebut, beratus ribu juga jumlahnya yang tak nak berdaftar. Mereka ini juga tidak mahu bekerja atau tidak mahu membayar levi untuk bekerja. Termasuk majikan juga kerana dia mengatakan bahawa untuk mengajikan pekerja asing di negara kita ini mahal. Soal kerjasama di antara negara sumber yang menghantar pekerja asing ini juga nampaknya mereka sekarang menerima banyak laporan bahawa majikan di negara kita ini menganiayai rakyat negara mereka.

Jadi, makin banyak negara yang mahukan perjanjian *government-to-government* (G-to-G) seperti yang telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Bangladesh. Ini kerana Kerajaan Bangladesh khuatir rakyat mereka di aniyai sewaktu mereka bekerja di negara kita. Jadi, untuk penyelesaian jangka panjang, itulah dia matlamat daripada kerajaan, di

mana kita hendak mengadakan kerjasama iaitu G-to-G di antara negara sumber dengan mereka yang hendak datang bekerja di Malaysia. Selain itu, kos tadi Yang Berhormat sebutkan tadi mengenai kos menahan pekerja asing tanpa izin, memang itu masalah yang dihadapi oleh KDN sekarang ini, oleh Jabatan Imigresen, di mana jumlah tangkapan yang saya sebutkan tadi beratus ribu itu tetapi tempat yang hendak ditahan itu tak banyak.

Di seluruh negara pun pusat tahanan kita hanya boleh menempatkan lebih kurang 12,000 orang sahaja pada setiap satu masa. Jadi, kita terpaksa mempercepatkan proses untuk menghantar pulang pekerja asing tanpa izin ini selepas mereka ditangkap supaya ia tidak membebankan pusat tahanan kita. Kos pembinaan pusat tahanan itu sudah satu hal lah, berbilion-bilion. Apabila mereka di tahan di pusat tahanan ini, dianggarkan satu hari kita kena belanja lebih kurang RM7 ke RM8 untuk makanan mereka sahaja. Belum lagi kos-kos lain, penguatkuasaan dan sebagainya. Selepas itu, kita hendak hantar mereka pulang. Sekarang ini memang kerajaan tidak menanggung kos untuk mereka pulang. Itu ditanggung oleh PATI tersebut.

Seperti contoh, dalam Program 3+ 1, dia bayar denda RM300 dan selepas itu dia bayar RM100 untuk hendak balik ke negara asal mereka. Kos dan sebagainya. Jadi, daripada segi tanggungan kos untuk menghantar pulang PATI ini, PATI bayar sendiri. Akan tetapi cuma kos untuk menahan mereka dalam pusat tahanan, itu memang kerajaan kena tanggung.

Soalan tambahan tadi ada isu mengenai Myanmar yang baru-baru ini mengeluarkan kenyataan bahawa mereka tidak akan membernarkan rakyat mereka untuk datang bekerja di Malaysia. Setakat ini, Kementerian Dalam Negeri belum lagi mendapat surat rasmi tetapi perkara tersebut telah dimaklumkan oleh media.

Akan tetapi tak apa, kita pun tak ada masalah kerana banyak negara sumber yang ada. Kalau orang Myanmar tak nak datang, orang Bangladesh hendak datang. Kalau orang Myanmar tak nak datang, orang Indonesia nak datang sini. Jadi, soal mereka hendak mengugut kita, Kerajaan Myanmar hendak mengugut kita untuk tidak hendak menghantar pekerja mereka untuk datang untuk bekerja di Malaysia, itu untuk saya tidak penting, tak hairanlah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan, jawapan yang baik.

**6. Datuk Jamilah Sulaiman** minta Perdana Menteri menyatakan, kedudukan terkini pencerobohan tanah kerajaan di Cameron Highlands. Adakah masih terdapat lagi kes-kes pencerobohan baru di kawasan tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih. Sebenarnya saya banyak soalan dalam sesi Parlimen kali ini. Akan tetapi oleh sebab ia berada di bawah, tidak dapat menjawab.

Saya ingat Tuan Yang di-Pertua simpati dengan saya, ini adalah antara soalan-soalan yang masih ada dan kalau tak dapat jawab hari ini, bererti saya tak dapat menjawab langsung. Jadi, kawan-kawan banyak bertanya tentang banyak perkara yang berlaku dan saya jawab secara bertulis. Saya harap Yang Berhormat yang menerima secara bertulis supaya dapat hantar kepada pihak media untuk digahkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan Senator, saya ucapkan terima kasih soalan nombor 6 daripada Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman. Pada masa ini, Operasi Gading 2 dilancarkan bagi tujuan pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kegiatan pencerobohan tanah kerajaan di Cameron Highlands.

Ops Gading 2 dianggotai oleh 17 buah agensi, termasuk agensi setempat iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands. Dalam operasi ini, terdapat pencerobohan semula tapak-tapak yang telah dirobohkan semasa Ops Gading 1 pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, pencerobohan semula ini telah dikenal pasti dan dibuat pemantauan secara menyeluruh dan sedang diambil tindakan penguatkuasaan oleh agensi-agensi setempat seperti Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Daerah Bahagian Tanah, Majlis Daerah Cameron Highlands, Jabatan Hutan dan Jabatan Alam Sekitar.

Dalam Ops Gading 2 ini juga penguatkuasaan terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia dilaksanakan bagi memastikan Cameron Highlands sebagai pusat pelancongan dikekalkan kelestariannya. Pada masa ini, Ops Gading 2- sedang mengemas kini *standard operation procedure* (SOP) untuk dilaksanakan oleh agensi-agensi yang terlibat pada masa akan datang. Terima kasih.

**Datuk Jamilah Sulaiman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan. Soalan saya ialah berapa orangkah yang terlibat dalam pencerobohan ini yang telah didakwa dan dibawa ke mahkamah?

Kedua, apakah kekangan kepada Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan penguatkuasaan sedangkan kuasa tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, berapa orang, saya akan bagi jawapan secara bertulis. Akan tetapi apa yang saya hendak maklumkan di sini ialah kedudukan ini perlu dilihat bagaimana tindakan kita ambil. Pada masa sekarang, saya sudah dapat jawapan iaitu 96 kes yang kita dakwa. Akan tetapi kedudukan tanah yang diterokai ialah

tanah kerajaan 4,106 ekar, hutan simpan kekal 1,314, kemudian penempatan orang asal Orang Asli 38 ekar, rizab sungai 94 ekar, rizab jalan 26 ekar. Jadi, jumlahnya 5,580 ekar. Baki tanah hutan yang belum kita buat operasi ialah 255 ekar dan tanah kerajaan ialah sebanyak 599 ekar.

Kedudukannya ialah tanah ialah hak negeri tetapi Jawatankuasa Memulihkan Cameron Highlands dan Kerajaan Negeri Pahang sebagai pengurus bersama timbalan pengurus dan pengurus ialah Timbalan Perdana Menteri. Melalui jawatankuasa ini kita telah mengambil tindakan untuk memulihkan semula Cameron Highlands. Banyak pihak melihat bahawa ini tidak mungkin terjadi kerana kawasan ini telah pun diteroka dengan teruknya. Sehingga Cameron Highlands kalau kita pergi Cameron Highlands, sejuknya kurang, alatnya banyak sebab penggunaan baja organik, tahi ayam dan sebagainya, itu menyebabkan kawasan itu tidak berapa bagus daripada segi pelancongan.

Akan tetapi kalau kita pulihkan semula hutan, sudah pasti kawasan ini akan jadi pelancongan yang cukup baik. Jadi, kita berusaha sedaya upaya, sekurang-kurangnya habis 2017 ini kita dapat melihat sedikit perubahan di Cameron Highlands. Akan tetapi masalah besar kita sekarang ini ialah apabila kita robohkan, agensi yang patut mengambil alih itu kena serta-merta ambil alih dan tanam pokok tetapi banyak tempat yang mereka tak tanam pokok.

#### ■1150

Jadi kita berusahalah secara kecil-kecil supaya tempat itu ditumbuh pokok semula. Akan tetapi, ada pihak tertentu yang datang untuk membuka semula tempat yang kita robohkan. Kekangan kita dapat diselesaikan bila kerajaan negeri duduk bersama dalam *committee* yang berkenaan.

Akan tetapi, walaupun tanah kerajaan negeri, kerajaan negeri tidak boleh melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu tanah yang bercerun tertentu tidak boleh dibuat apa-apa pembangunan termasuk pertanian. Jadi yang itu, Jabatan Alam Sekitar yang akan mengambil tindakan kepada tanah yang telah ditetapkan kecerunannya supaya tidak melebihi kecerunann tersebut untuk mereka ambil tindakan.

Jadi yang pertama tadi, tindakan telah pun kita ambil seperti yang saya sebutkan angka tadi. Keduanya, kekangan itu dapat diatasi. Akan tetapi yang ketiganya, saya sebagai orang yang terlibat secara langsung dalam penguatkuasaan ini, bila kita ambil tindakan, banyak pihak menghantar senarai nama-nama minta kita jangan ambil tindakan. Dari pelbagai pihak, dari parti-parti politik terutamanya. Dari parti politik kerajaan, daripada pembangkang, dari semua pihak datang menghantar nama, jangan mengambil tindakan dan sebagainya.

Akan tetapi, saya mengambil pendirian tegas. Kalau kita bertolak ansur, kita tidak dapat pulih lagi Cameron Highlands. Bila Cameron Highlands hilang daripada usaha kita untuk

memulihkannya sebagai kawasan pelancongan, ia akan juga mendatangkan kesan kepada alam sekitar dan lain-lain lagi. Jadi, apa-apa yang terjadi, Ops Gading 2 akan diteruskan, tindakan akan diambil dan usaha untuk memulihkan Cameron Highlands mesti dibuat sebab ini merupakan sesuatu yang cukup bermakna kepada negara dan juga alam sekitar.

**Dato' Goonasakaren a/l Raman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 24 Disember 2014, Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin berkata akan mengkaji kemungkinan besar menempatkan satu pasukan komander secara kekal di Tanah Tinggi Cameron Highlands sebagai salah satu strategi mengekang kegiatan pencerobohan tanah secara haram.

Soalan saya, adakah pasukan komander sedang bertugas mengawasi Tanah Tinggi Cameron Highlands seperti yang dikatakan oleh Panglima ATM pada 24 Disember 2014? Kalau ada, setakat manakah pasukan ini berjaya mengekang kegiatan pencerobohan tanah secara haram? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih. Yang Berhormat pun sebagai orang Pahang suka melihat apa yang kita buat ini.

Sekarang ini PAT menjadi Ketua Pengarah kepada Majlis Keselamatan Negara. Sudah pasti apa yang disebut semasa dia jadi PAT akan diteruskan. Akan tetapi, semasa kita buat operasi sekarang ini, kita menggunakan komando bersama. Dahulu Cameron Highlands, kita ada komando, kita ada Unit Komando di sana tetapi telah dipindahkan. Semasa Unit Komando berada di sana, kita lihat Cameron Highlands dapat distabilkan.

Kita kena ingat bahawa kenapa Cameron Highlands jadi macam ini? Dia ada sejarahnya Yang Berhormat, ada sejarahnya. Bila komando berada di sana, jadi kita dapat stabilkan. Sebab, Cameron Highlands dan juga beberapa buah bandar yang dijadikan tempat buangan orang-orang yang melakukan kesalahan besar ini, dia akhirnya orang ini dan sesetengah daripada mereka sebelum ini pernah menjadi anggota pertubuhan haram komunis dan juga lain-lain lagi, mereka meletak senjata tetapi mereka tidak meletak cangkul. Jadi bila dia tidak berperang, dia akan memotong pokok. Jadi itu menyebabkan tempat-tempat yang diletakkan orang-orang yang bersalah ini menjadi tempat penerokaan haram yang terbesar di negara ini. Yang Berhormat, sebut sahaja Cameron Highlands, Lipis, Rompin, Jerantut, termasuk juga di Gerik, tempat-tempat ini, orang-orang yang melakukan kesalahan ini, mereka membuka hutan dan ini menimbulkan masalah kepada kita.

Jadi, bila pasukan komando kalau ditempatkan di tempat-tempat begini, ia adalah cukup baik. Cadangan PAT itu sama ada ditempatkan semula ataupun tidak, dia belum lagi tetapi unit mereka memang menjalankan tugas menguatkuasakan undang-undang di Cameron Highlands.

Saya cuma berharap supaya Unit Komando itu diletakkan balik sebab bangunan mereka pun ada di sana, kawasan mereka pun ada di sana. Kalau mereka ditetapkan di sana terus, sudah pasti kita akan kembalikan balik keindahan Cameron Highlands. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada? Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan yang telah memberi jawapan yang paling tepat yang kita yakin, kita percaya semua bahawa penerangan itu sentiasa diperkatakan. Pagi ini kita dapat bahawa Yang Berhormat Menteri telah menerangkan kita dengan terang dan nyata. Saya hendak pergi kepada soalan nombor 7, Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian.

**Datuk Jamilah binti Sulaiman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama-tamanya bagi pihak Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim, mohon maaf kerana beliau berada di luar negara dan mewakilkan saya untuk mengemukakan soalan nombor 7. Terima kasih.

**7. Datuk Jamilah binti Sulaiman [Di bawah Peraturan Mesyuarat 23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan statistik tentang isu dan masalah penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar serta inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan bagi mendidik pelajar menjauhi dadah.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua pertanyaan yang menyentuh isu dadah dalam kalangan murid dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah satu daripada Yang Berhormat Kui Hian pada hari ini dan juga Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng pada 21 Disember 2016. Oleh sebab perkara yang dibangkitkan adalah saling berkaitan, izinkan saya menjawab kedua-dua pertanyaan tersebut secara serentak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sehingga 15 Disember 2016, seramai 1,728 orang murid iaitu 1,716 orang lelaki dan 12 orang perempuan telah dikesan terlibat mencuba dadah. Data ini diperoleh hasil ujian urin yang dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan tangkapan yang dibuat oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Murid-murid yang dikesan terlibat mencuba dadah telah melalui sesi kaunseling dan program intervensi dengan kerjasama pihak AADK.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di semua sekolah seluruh negara bagi memastikan murid-murid tidak terjebak dadah. Program PPDa dilaksanakan menerusi empat strategi yang melibatkan bidang pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan pembangunan sahsiah. Program Pendidikan Pencegahan Dadah ini dilaksanakan secara

menyeluruh dan bersepada dengan melibatkan AADK, KKM, PDRM dan PEMADAM serta NGO yang berkaitan.

Semua sekolah mempunyai Jawatankuasa PPDA di peringkat sekolah yang bertindak merancang program-program pencegahan dan intervensi dadah sepanjang tahun di sekolah. Murid-murid dibimbing dan didedahkan akan bahaya dadah melalui mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah rendah dan menengah. Mesej bahaya dadah juga disampaikan kepada semua murid menerusi sisipan pencegahan dadah dan penerapan nilai-nilai murni dalam semua mata pelajaran di sekolah.

Manakala melalui bidang kurikulum, murid-murid dilatih supaya menghindari dadah menerusi aktiviti pasukan beruniform, kelab dan persatuan. Murid-murid yang menyertai Kelab Pencegahan Dadah dan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) juga dilatih untuk membantu guru melaksanakan program PPDA di sekolah.

Di samping itu, sebagai langkah intervensi awal, murid-murid yang berisiko kepada pengaruh dadah akan mengikuti program pembangunan sahsiah yang dilaksanakan secara bersepada dengan melibatkan AADK, KKM, PDRM dan PEMADAM. Ibu bapa juga digalakkan terlibat dalam program pembangunan sahsiah yang akan membimbang dan memantau anak-anak di luar sekolah. Pada masa yang sama, murid-murid tersebut akan mengikuti sesi kaunseling individu dan kelompok secara berterusan yang dikendalikan oleh kaunselor sekolah. Terima kasih.

#### ■1200

**Datuk Jamilah binti Sulaiman:** Soalan tambahan daripada Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim ada dua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Tuan Yang di-Pertua, isu penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar ini bukanlah satu masalah yang baru dan ia memerlukan perhatian serius daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat soalannya?

**Datuk Jamilah Sulaiman:** ...Pihak sekolah. Soalannya Tuan Yang di-Pertua ialah, sejauh manakah pihak sekolah tampil berkongsi maklumat dengan pihak berkuasa jika terdapat pelajar yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah dan apakah terdapat hukuman yang dikenakan kepada pihak sekolah jika mereka menyorokkan maklumat tersebut?

Kedua, adakah kementerian bercadang untuk menempatkan seorang pakar dalam bidang pemulihan kes dadah khasnya di sekolah-sekolah kategori 'B' dan kategori 'C' yang manakah peranannya adalah bertindak sebagai kaunselor bagi membantu memulihkan pelajar yang terlibat dalam dadah? Terima kasih.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan tambahan. Yang pertama, kita memang berkongsi maklumat dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, seperti mana yang telah saya sebut Agensi Antidadah Kebangsaan, PDRM, PEMADAM dan PIBG.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, mereka yang terlibat mencuba dadah ini biasanya dikesan melalui *urine test* yang dilakukan oleh AADK di sekolah sepanjang tahun ataupun tangkapan-tangkapan yang dilakukan oleh PDRM yang disahkan melibatkan pelajar-pelajar di sekolah. Maka apabila kita mendapat senarai nama mereka yang mencuba dadah, satu proses bantuan kepada murid yang disyaki itu akan dimulakan dengan perjumpaan bersama dengan ibu bapa atau penjaga dan kita akan terus membuka rekod kaunseling dan memulakan sesi kaunseling selama tiga bulan.

Program intervensi ini akan juga kita sediakan laporan itu kepada PPD dan ibu bapa. Dan sekiranya selepas tiga bulan pelajar itu masih tidak dapat dibantu, maka perbincangan itu akan dirujuk terus kepada AADK dan tidak lagi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Soalan yang kedua tentang penempatan seorang pakar, melalui data yang diperoleh setakat hari ini, isu ini masih belum sampai seriusnya, perlu kita mengadakan seorang pakar khusus untuk mengadakan kaunseling kepada mereka yang mencuba dadah di sekolah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chia Song Cheng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Chong Sin Woon bagi pihak Kementerian Pendidikan dan saya rasa sudah jam 12 lebih saya hendak alih kepada...

**Tuan Chia Song Cheng:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Chia Song Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta soalan tambahan sebab berkaitan dengan soalan saya juga.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sudah habis.

**Tuan Chia Song Cheng:** Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nanti, minta maaf saya hendak alih kepada pertanyaan-pertanyaan ya. Baik Ahli Yang Berhormat sekalian, jam 12 lebih iaitu sudah masanya bagi pertanyaan-pertanyaan lisan dan saya hendak beralih pada Jabatan Perdana Menteri pula. Sila.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)(PINDAAN) 2016****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.04 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 atau Akta 505 suatu akta yang memperuntukkan undang-undang yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang Islam, penubuhan Mahkamah-mahkamah Syariah dan perkara-perkara berkaitan di Wilayah-wilayah Persekutuan. Sesuai dengan hasrat untuk memperkasakan Mahkamah Syariah khususnya di Wilayah-wilayah Persekutuan, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menjalankan kajian teliti dan mendalam untuk membuat pindaan ke atas akta ini.

Justeru, JAKIM telah mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi berkaitan iaitu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Peguam Negara.

Sehubungan dengan itu, Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016 ini dibuat untuk meminda Akta 505 kerana terdapat lompongan dalam peruntukan undang-undang sedia ada. Rang undang-undang yang dicadangkan ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil. Seterusnya dikemukakan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk persetujuan dan telah dipersetujui dalam mesyuarat MAIWP kali ke-136 pada 30 Jun 2016. Cadangan ini juga telah mendapat limpah perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 20 Julai 2016 selaku Ketua Agama Islam bagi Wilayah-wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut. Pertama, mewujudkan peruntukan baharu iaitu memasukkan seksyen baharu 57A ke dalam Akta 505 yang berkaitan dengan tindakan bersaling yang mana membolehkan waran, saman, perintah,

atau penghakiman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan boleh dikuatkuasakan dan dilaksanakan di mana-mana negeri di Malaysia. Dan waran, saman, perintah, atau penghakiman dari Mahkamah Syariah negeri-negeri lain dalam Malaysia dapat dikuatkuasakan dan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan. Dengan adanya peruntukan ini, banyak kes syariah di seluruh Malaysia akan dapat diselesaikan.

Kedua, pindaan kepada Bahagian V dan seksyen 58 Akta 505 yang berkaitan dengan pendakwaan dan penguatkuasaan. Cadangan pindaan ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk memantapkan lagi proses pendakwaan dan penguatkuasaan bagi kes-kes syariah di mana fungsi pendakwaan dan penguatkuasaan diasingkan.

Pindaan seksyen 58 Akta 505 ini adalah untuk menjelaskan bahawa Pendakwa Syarie boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang terletak hak pada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie kecuali hak dan kuasa yang dinyatakan untuk dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri.

Manakala Pegawai Penguin Kuasa Agama boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang terletak hak pada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pegawai Penguin Kuasa Agama kecuali hak dan kuasa yang hendaklah dijalankan oleh Ketua Pegawai Penguin Kuasa Agama sendiri.

Peruntukan ini penting Tuan Yang di-Pertua untuk membezakan antara kuasa yang dimiliki oleh Ketua Pendakwa Syarie dengan Pendakwa Syarie dan kuasa Ketua Pegawai Penguin Kuasa Agama dengan Pegawai Penguin Kuasa Agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wialyah-wilayah Persekutuan) 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Pertama sekali saya minta Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff, dipersilakan.

**12.10 tgh.****■1210**

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang yang dinyatakan tadi.

Izinkan saya imbas kembali rentetan berhubung rang undang-undang 355. Saya merasa kesal dan kecewa dengan rang undang-undang yang hanya bertujuan untuk meningkatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah dan menaikkan taraf hakim-hakim mahkamah itu telah dipolitikkan. Hanya kerana ia dibentangkan oleh Ahli Parlimen daripada PAS maka ada pihak-pihak tertentu cuba bermain dengan politik murahan apabila menggembarkan ia sebagai hukuman hudud.

Kini sudah terbukti ia bukanlah hukum hudud sebaliknya akan melibatkan beberapa perubahan hukuman dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Justeru itu saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini tindakan mempolitisir rang undang-undang 355-tindakan yang tidak bertanggungjawab atau ketakutan yang sengaja direka bagi menakut-nakutkan orang yang bukan Islam.

Dua fakta paling penting dalam Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 ataupun Rang Undang-undang 355 ialah bukan hukum hudud dan kedua, ia hanya untuk orang Islam. Akan tetapi, malangnya ada pihak-pihak tertentu terus bermain dengan api. Mereka sengaja buat-buat tidak faham bahawa undang-undang yang dipinda ini hanya melibatkan orang Islam.

Apa yang lebih malang ada antara kalangan orang Islam sendiri khususnya ahli politik atas dasar mahu menjaga hati sekutu politik mereka yang bukan Islam sanggup menentang rang undang-undang ini sedangkan ia kalau dikaji bukanlah kali pertama rang undang-undang seumpamanya itu dibentangkan. Kali terakhir ia dipinda pada tahun 1984 dan 1965 pertamanya. Ketika itu tidak ada seorang pemimpin parti pembangkang khususnya DAP bangkit menentang.

Mereka bersikap demikian kerana memahami apa yang dibentangkan adalah urusan orang Islam dan tidak ada kaitan sama sekali dengan bukan Islam. Malah sejarah juga telah membuktikan tidak ada pernah berlaku orang Islam dihukum oleh Mahkamah Syariah kerana melakukan jenayah. Mereka dibincangkan di Mahkamah Sivil. Pada pandangan saya kalau mana-mana pihak mahu mencari keuntungan politik carilah modal lain. Janganlah urusan undang-undang yang eksklusif untuk orang Islam pun mahu campur tangan. Oleh itu saya

menggesa seluruh umat Islam tanpa mengira fahaman politik menyokong rang undang-undang ini dan kepada masyarakat Islam pula adalah diharapkan mereka tidak terpengaruh dengan pendekatan politik.

Soalan saya, adakah benar akan wujud ketidakadilan dan diskriminasi terhadap bukan Islam jika Rang Undang-undang 355 ini diluluskan pindaannya kelak.

Kedua, adakah usaha kerajaan untuk terus memperkasakan institusi mahkamah syariah di negara ini selain daripada pindaan yang dibuat pada hari ini.

Ketiga, adakah benar pindaan ini merupakan *backdoor* atau jalan belakang untuk melaksanakan hudud sebagaimana dakwaan orang ramai berkaitan dengan yang saya nyatakan tadi.

Satu lagi yang saya hendak bangkitkan di sini yang Tuan Yang di-Pertua dalam soal rang undang-undang secara khususnya untuk usaha memperkasakan Mahkamah Syariah. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan hal ehwal agama Islam terutama dalam bidang kuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Isu yang paling membimbangkan ialah bagaimanakah kadar perceraian terus memperlihatkan trend yang amat membimbangkan. Data terbaru menunjukkan sekitar 267 kes perceraian berlaku setiap hari. Hal ini bermakna sekitar 11 kes hingga 12 kes perceraian terjadi pada setiap jam. Apa yang membimbangkan, majoritinya melibatkan generasi muda atau mereka yang berusia bawah 30 tahun. Oleh saya ingin mencadangkan supaya kajian dilakukan semula untuk mengenal pasti sesuatu perceraian berlaku.

Salah satu yang boleh dikaji semula ialah kursus perkahwinan yang saya fikir tidak memberi banyak kesan dalam usaha mengekalkan sebuah perkahwinan. Mungkin juga perlu dikaji semula isi kandungan dan tempoh kursus dalam usaha memberi fahaman kepada bakal-bakal suami atau isteri bagi kepentingan mereka menjaga sebuah perkahwinan. Ini kerana bagi saya kursus-kursus yang diberi amat singkat dan ia perlu berikan satu pendekatan lebih bagaimana untuk membina sebuah keluarga kerana kes-kes perceraian kadang-kadang bukanlah disebabkan perkara-perkara yang rumit-rumit ataupun menimbulkan masalah-masalah yang begitu serius. Kadang-kadang tidak reti hendak buat teh tarik pun kes cerai itu berlaku.

Soalan satu yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada pihak JAKIM. Adakah pihak JAKIM dimaklumkan atau dibawa dalam perbincangan bersama dalam hal ehwal berkaitan dengan rancangan hiburan dalam TV yang begitu saya lihat tidak ada pengawalan dengan baik ataupun ia dilakukan terus oleh SKMM tanpa rujuk kepada pihak

JAKIM- *guidelines* tertentu. Ini kerana saya mohon di dalam Dewan yang mulia ini, apa sahaja rancangan-rancangan mohon rujuk kepada pihak JAKIM, buat *guideline* dia, buat cara dia supaya kita ini tidak terdedah dengan hiburan-hiburan yang boleh mendatangkan perkara-perkara yang tidak baik pada generasi-generasi pada masa yang akan datang.

Jadi saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff dan Ahli Yang Berhormat dalam senarai saya ini ramai yang hendak bercakap dan saya masih menerima siapa hendak bercakap hari ini hantar nama-nama.

Saya pergi ke nombor kedua iaitu Yang Berhormat Dato' Fahariyah binti Md Nordin, silakan.

#### 12.18 tgh.

**Dato' Fahariyah binti Md Nordin:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan atas peluang yang diberikan untuk membahas mengenai pindaan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

Tuan Yang di-Pertua, pemerkasaan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 ini adalah sejajar dengan status agama Islam sebagai agama rasmi negara. Ia mempunyai fungsi penting dalam pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang Islam dan sekali gus mencerminkan kredibiliti undang-undang Islam serta konsep keadilan dalam agama Islam itu sendiri.

Tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas pembentangan rang undang-undang ini sekali gus memberi signal bahawa proses pemantapan pentadbiran undang-undang Islam sedang diteruskan. Umum juga mengetahui bahawa kedaulatan undang-undang syariah amat bergantung pada keberkesanan penguatkuasaan undang-undang tersebut dan pindaan ini amat dialu-alukan untuk mengatasi salah satu sebab kelewatan penyelesaian kes-kes di Mahkamah Syariah pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 2 pindaan menjawab kepada kritikan yang sering kita dengar di Mahkamah Syariah yang dikatakan lewat menyelesaikan kes-kes yang dituntut oleh Mahkamah Syariah terutamanya kes-kes tuntutan taklik dan juga tuntutan nafkah penceraian.

Ini adalah kerana apabila timbul tuntutan-tuntutan sebegini, pihak suami selalunya sukar dihubungi sama ada dengan sengaja menghilangkan diri atas pelbagai sebab seperti tidak

mahu melepaskan talak mahupun mengelak membayar nafkah penceraian dengan menghilangkan diri kerana tidak berkemampuan.

#### ■1220

Oleh sebab tatacara mahkamah memerlukan saman dan waran apabila perlu kepada suami dan penyerahan saman atau waran menjadi sukar apabila tidak dapat diserahkan kerana wujudnya peraturan Mahkamah Syariah yang menghalang saman atau waran luar bidang kuasa dapat disampaikan kepada pihak yang berkenaan. Ini tentu sekali melewatkkan prosiding Mahkamah Syariah.

Dengan pindaan ini bermakna salah satu sebab kelewatan dapat diatasi yakni tindakan bersaling antara Wilayah Persekutuan dengan negeri-negeri mengenai pelaksanaan waran dan penyampaian saman dapat dilaksanakan dengan lebih efisien. Walau bagaimanapun, untuk memastikan keseragaman perundangan pindaan ini agar ia dapat lebih berkesan adalah cadangkan bahawa saman dan waran bersilang ini terpakai kepada semua negeri. Ini bermakna dicadangkan perlulah ada satu arahan melalui amalan Mahkamah Syariah yang terpakai bagi semua negeri dan yang terbaik adalah melalui pindaan kepada semua negeri dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam sekiranya belum dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai fasal 3 yang mana memperluaskan skop Bahagian 5, Akta 505 dengan memasukkan skop penguatkuasaan kepada skop yang sedia ada iaitu skop pendakwaan. Sesungguhnya pindaan ini juga amat diperlukan kerana pendakwaan tidak mempunyai makna apabila tidak dapat dikuatkuasakan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, inilah dilema dalam pentadbiran undang-undang syariah masa kini kerana tahap penguatkuasaan yang sangat lemah. Walaupun di Mahkamah Syariah telah banyak melalui evolusi, perubahan saman sejak zaman Almarhum Profesor Tan Sri Abdul Ibrahim, namunkekangan-kekangan yang menghambat keberkesanannya masih perlu tindakan yang lebih dinamik dan agresif sesuai dengan roh syariah yang syumul itu.

Pindaan ini *insya-Allah* dapat diharapkan akan menghasilkan matlamat keadilan yang dituntut dalam syariah. Namun adalah dicadangkan bahawa setiap Mahkamah Syariah memastikan cukup pegawai penguatkuasaan. Antara cara yang boleh memastikan skop penguatkuasaan, saya ingin mencadangkan supaya penswastaan bailif mahkamah dilaksanakan. Peguam swasta yang berkelulusan undang-undang boleh diberikan lesen oleh mahkamah untuk bertugas sebagai bailif untuk membantu tugas penguatkuasaan di mahkamah ini. Ini menjadi amalan dalam sistem kehakiman di Morocco yang dilihat sebagai efisien.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 4 pula membawa pindaan untuk mendedikasikan kuasa-kuasa pendakwaan syarie kepada kuasa penguat kuasa agama kecuali yang ditetapkan oleh

dirinya adalah merupakan satu pindaan yang dinantikan kerana beban berat dipikul oleh seorang ketua pendakwa syarie banyak menjadikan kerja-kerja tertangguh. Penangguhan kerja ini menyebabkan keadilan tidak dapat dilaksanakan dan undang-undang syariah dilihat tidak berkesan dan tidak dihormati terutama bagi mereka yang dikehendaki oleh Mahkamah Syariah untuk mematuhi hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim.

Adalah dicadangkan untuk keberkesanan pihak penguatkuasaan bukan sahaja bertindak dalam kes-kes untuk menguatkuasakan kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam akta tetapi juga bertindak untuk menguatkuasakan hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim-hakim Mahkamah Syariah agar memastikan undang-undang syariah bukan sahaja dilihat adil tetapi sebenarnya memang benar-benar adil.

Sudah sampai masanya Mahkamah Syariah mengamalkan prinsipal syariah yang tidak mencedok kepada prinsip-prinsip barat seperti Teori *Montesquieu* mengenai pemisahan kuasa iaitu tidak mengasingkan kuasa eksekutif dan *judiciary*, dengan izin, dalam hal penguatkuasaan hukuman Mahkamah Syariah contohnya penghakiman nafkah kerana Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa kebanyakan kes-kes yang telah diberi penghakiman tidak dapat dilaksanakan kerana ia diasingkan antara kuasa *judiciary* dan juga eksekutif.

Namun Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bagi tujuan penguatkuasaan penghakiman nafkah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mewujudkan bahagian sokongan keluarga iaitu BSK. BSK ini adalah untuk membantu hukuman nafkah dapat dilaksanakan dan bayaran nafkah dibuat kepada wanita dan anak-anak. BSK adalah untuk membantu membayar pendahuluan nafkah dan pegawai BSK sepatutnya jugalah diberi kuasa untuk penguatkuasaan nafkah tersebut.

Pegawai BSK tersebut diberi tauliah sebagai peguam syarie kepada yang berkelayakan. Malangnya di Wilayah Persekutuan, saya difahamkan tauliah ini tidak diberikan dan membantutkan usaha-usaha pelaksanaan penguatkuasaan penghakiman tersebut. Adalah dicadangkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan diberikan tauliah ini kepada pegawai-pegawai BSK untuk membolehkan mereka berfungsi mengikut matlamat BSK ditubuhkan seperti di Johor, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya dalam memperjuangkan keadilan kita terpaksa memperjuangkan hak wanita dan kanak-kanak kerana realitinya merekalah yang didapati paling teraniaya terutama dalam kes-kes nafkah apabila berlaku penceraian dalam keluarga. Walau bagaimanapun, kita perlu ingat keadilan perlu menyeluruh melampaui gender dan status lapisan masyarakat.

Adalah dicadangkan satu transformasi perundangan dalam bidang kuasa penguatkuasaan perlu dibuat. Bagi kes kekeluargaan, saya mencadangkan supaya perlunya wujud mahkamah keluarga khas untuk suasana yang lebih mesra keluarga dan bentuk perbicaraan yang tidak *rigid* kerana ia hal ehwal kekeluargaan. Ini kerana kalau kita tengok sekarang ini, mahkamah-mahkamah syariah lebih kepada seolah-olah mahkamah jenayah cara prosidingnya. Namun kita minta kalau boleh lebih baik pendekatan, dengan izin, pendekatan *inquisitorial* di mana hakim sendiri boleh melakukan soal balas dan juga *inquiry* kepada defendant dan juga plaintiff sebab sekarang ini kebanyakan mahkamah hanya mendengar dan kemudian membuat *judgment*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu pindaan yang dibentangkan pada hari ini amat menepati perjuangan untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang dan penghakiman dapat dilaksanakan lebih efisien dan diharapkan merupakan perintis perubahan yang lebih manfaat demi keadilan dan meningkatkan syiar Islam. Dengan ini saya menyokong pindaan tersebut. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah binti Md Nordin. Saya jemput pula sekarang Yang Berhormat YM. Engku Naimah, dipersilakan.

## 12.27 tgh.

**YM. Engku Naimah binti Engku Taib:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan untuk saya turut serta dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah-wilayah Persekutuan (Pindaan) 2016.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan langkah kerajaan untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993, Akta 505 yang hasrat untuk menyelaraskan penguatkuasaan dan pendakwaan antara Mahkamah Syariah negeri-negeri dengan Mahkamah Syariah dalam Wilayah Persekutuan. Langkah kerajaan ini adalah tepat masanya kerana Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993, Akta 505 telah melalui perubahan semenjak sebelum merdeka lagi.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa Akta 505 ini adalah berasal dari Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 yang dirujuk sebagai *Administration of Muslim Law Enactment 1952*, dengan izin, iaitu Selangor *Enactment No. 3, 1952*, dengan izin. Kemudiannya diubahsuai pada tahun 1974 untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagaimana pindaan oleh *Federal Territory (Modification of Administration of Muslim Law Enactment) Orders 1974*, dengan izin. Melalui PU 4474 dibuat mengikut Seksyen 6,

Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), Akta 1973, Akta A206, dan dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan mengikut seksyen 6(1) akta berkenaan.

Seterusnya pindaan dibuat pada tahun 1984 bagi Wilayah Persekutuan Labuan, bagaimanapun Akta 303 ini yang diluluskan pada 22 Mac 1984 tidak terpakai bagi Wilayah Persekutuan Labuan kerana Wilayah Persekutuan Labuan hanya diwujudkan pada 16 April 1984. Oleh itu cara yang teratur dan sah bagi pelaksanaan akta tersebut di Wilayah Persekutuan Labuan, maka pindaan kepada tersebut telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 20 Mei 1992 dan kemudiannya di Dewan Negara pada 2 Jun 1992. Akta berkenaan telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 9 Julai 1992 dan diwartakan pada 16 Julai 1992. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 telah mendapat perkenan diraja pada 7 Julai 1993 dan diwartakan pada 15 Julai 1993.

#### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, saya membawakan kronologi perkembangan Akta 505 ini bagi menimbulkan kefahaman dan kesedaran betapa akta ini begitu penting dalam menyediakan kerangka Undang-undang Pentadbiran Islam, bukan sahaja dalam Wilayah-wilayah Persekutuan tetapi juga di negeri-negeri lainnya. Oleh kerana hal berhubung dengan hukum syarak dan Undang-undang Diri dan Keluarga bagi orang Islam adalah di dalam Senarai II senarai negeri di dalam Jadual Kesembilan, sebagaimana dinyatakan dalam Perkara 74 dan Perkara 77, Perlembagaan Persekutuan, telah menyebabkan setiap negeri mempunyai Undang-undang Kekeluargaan Islam dan pentadbiran undang-undang Islam sendiri yang berbeza setiap negeri. Keadaan ini telah menyebabkan kekeliruan daripada segi pelaksanaan, penguatkuasaan dan pendakwaan hukum Islam.

Terdapat juga kelemahan daripada pelaksanaan fatwa yang telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan tetapi tidak dapat dilaksanakan di peringkat negeri kerana kegagalan negeri menerima, mengesahkan dan mengiktiraf keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan ini. Ketidakseragaman Undang-undang Pentadbiran Kekeluargaan Islam antara negeri menjadi meruncing dan menimbulkan kekeliruan bukan sahaja di kalangan orang Islam tetapi juga bukan Islam khususnya yang berhubung dengan pemelukan agama Islam oleh bukan Islam dan isu murtad di kalangan orang Islam.

Saya ingin mendapat penjelasan yang pertama, memandangkan berlaku ketidakseragaman dan ketidakselaras daripada segi pentadbiran, pelaksanaan dan penguatkuasaan Undang-undang Islam di antara negeri-negeri juga daripada segi penghakiman dan pendakwaan, adakah kerajaan bercadang untuk menyeragamkan di antara

negeri-negeri? Kedua, apakah langkah yang diambil bagi menyeragamkan Undang-undang Islam di antara negeri-negeri dan Wilayah-wilayah Persekutuan?

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pindaan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] ini khususnya memasukkan seksyen baru 57A untuk memperuntukkan tindakan bersaling antara Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan dan Mahkamah Syariah negeri-negeri daripada segi pelaksanaan waran dan penyampaian saman.

Waran yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah negeri boleh disampaikan dan dilaksanakan seolah-olah telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan begitu juga sebaliknya. Pindaan ini bukan sahaja membolehkan Undang-undang Islam khususnya daripada segi penguatkuasaan dilaksanakan atau diselaraskan antara Mahkamah Syariah negeri dan Mahkamah Wilayah-wilayah Persekutuan.

Selain itu Mahkamah Syariah negeri-negeri boleh membuat perintah dan penghakiman di bawah undang-undang negeri seolah-olah penghakiman dikeluarkan dengan sah oleh mana-mana Mahkamah Syariah dalam Wilayah-wilayah Persekutuan, begitu juga sebaliknya. Maka seksyen baru 57A ini memperkuatkan tindakan pendakwaan dan penghakiman di Mahkamah Syariah negeri dan Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan.

Oleh itu tindakan berpindah atau lari ke negeri lain untuk penguatkuasaan atau penghakiman sesuatu kes itu dapat dikurangkan. Saya ingin mendapat penjelasan pertama, adakah rundingan telah dibuat dengan pihak berkuasa agama Islam negeri sebelum pindaan akan dibawa ke Dewan yang mulia ini? Kedua, sejauh manakah penerimaan Mahkamah Syariah negeri-negeri dalam menerima pakai pindaan Akta 505 ini dan seterusnya dapat dilaksanakan secara berkesan?

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat, suatu tindakan yang wajar meminda tajuk Bahagian V dengan memasukkan perkataan “penguatkuasaan” selepas perkataan “pendakwaan”. Ini menunjukkan kesungguhan kerajaan bukan sahaja dalam tindakan pendakwaan tetapi juga daripada segi penguatkuasaan. Pindaan ini memperkasakan kuasa Ketua Pendakwa Syarie dan Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama. Pindaan subseksyen (3) dan memasukkan subseksyen baru (3A) adalah penting untuk membezakan kuasa yang dimiliki Ketua Pendakwa Syarie dan Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama.

Langkah untuk memasukkan subseksyen baru (5) adalah penting untuk mengawal dan menyelaras tindakan Pegawai Penguatkuasa Agama yang ada kalanya bertindak di luar bidang kuasa mereka. Maka segala tindakan mereka sewajarnya mendapat arahan dan dalam kawalan Ketua Penguatkuasa Agama.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993, Akta 505 ini langkah permulaan yang baik bagi menangani pelbagai isu-isu sensitif termasuk penukaran agama dan menyelesaikan konflik bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil.

Akhirnya saya ingin mendapatkan penjelasan, setakat manakah kerajaan komited untuk meminda tiga akta yang penting iaitu Akta Memperbaharui Undang-undang Perkahwinan Pencereraian 1976 [Akta 164], Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-undang Kekeluargaan Islam Wilayah Persekutuan 1984 [Akta 303] sebagai langkah kerajaan bagi menangani pelbagai isu sensitif termasuk isu yang berkaitan dengan individu yang memeluk agama Islam dan murtad di kalangan umat Islam. Sekian, terima kasih. Saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Engku Naimah binti Engku Taib, terima kasih.

Yang Berhormat, saya jemput pula sekarang Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, dipersilakan.

### **12.36 tgh.**

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1993 [Akta 505].

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini telah dicadangkan oleh pihak kerajaan, khususnya JAKIM untuk memasukkan seksyen baharu 57A bagi meminda tajuk Bahagian V dan meminda seksyen 58. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai beberapa persoalan.

Pertama, dalam seksyen baharu 57A(2), apabila disebutkan tentang Mahkamah Syariah mengeluarkan waran tangkap, siapakah yang akan melaksanakan tugas penangkapan tersebut?

Adakah PDRM terlibat sama ataupun khusus diberikan kepada penguatkuasa di bawah Institusi Jabatan-jabatan Agama Islam di Wilayah Persekutuan? Apakah sudah ada prosedur yang sentiasa dikemas kini bagi melaksanakan tugasan tersebut? Ini ialah kerana kita hendak mengelakkan daripada orang-orang yang terlibat dalam konteks saman itu tidak dimalukan. Ini kerana kita mengetahui bahawa di dalam Islam, agama Islam sangat memprioritaskan persoalan kehormatan diri bagi seseorang, sama ada dia bersalah ataupun tidak bersalah.

Saya juga ingin meminta penjelasan mengenai apakah jenis-jenis jenayah yang boleh menyebabkan mereka ditangkap? Secara khusus saya juga ingin mendapatkan penjelasan lanjut tentang (4) mengenai penghakiman di negeri-negeri lain di dalam Malaysia? Ini ialah kerana kita tidak mahu seseorang pesalah tersebut terpaksa menghadapi hukuman berbeza untuk jenayah yang sama. Ini ialah satu perkara yang boleh menjelaskan imej Islam, terutamanya dalam konteks sistem perundangan Islam yang sentiasa menegakkan prinsip keadilan dan kesaksamaan untuk semua pelaku jenayah tanpa mengira agama.

Selain itu terdapat juga perbezaan dengan Mahkamah Sivil. Oleh sebab itu saya juga mahu menekankan penjelasan tentang jenayah. Apakah yang dianggap sebagai di bawah kuasa bidang negeri dan di mana pula di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan?

Pada hemat saya, seperti mana juga yang disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, penyelarasan undang-undang dan prosedur adalah sangat perlu bagi menjamin keadilan dan memelihara imej Islam. Bahkan ini telah menjadi salah satu isu yang begitu serius dalam persoalan konteks pentadbiran agama Islam di peringkat Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri, oleh sebab kerajaan-kerajaan negeri lazimnya begitu sekali terikat kepada kuasa mutlak daripada Ketua Agama yang menjaga Islam di negeri-negeri tersebut.

#### ■1240

Saya juga hendak bertanya tentang pindaan seksyen 58. Di mana dalam (5) disebut tentang pegawai penguat kuasa bertindak di bawah kawalan ketua pegawai penguat kuasa agama. Saya juga ingin bertanya dalam pembentangan undang-undang tadi, siapakah pula yang akan memantau dan mengawal ketua pegawai penguat kuasa?

Terakhiri, adalah lebih umum di mana saya juga ingin mendapat penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri tentang apakah cadangan pindaan yang sedang dibincangkan ini sudah dibawa dalam satu Jawatankuasa Khas bersama di kalangan semua hakim mahkamah syariah di peringkat negeri. Kita bimbang mereka tidak dimaklumkan tentang cadangan pindaan ini. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty dan saya pergi kepada Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin. Dipersilakan.

#### 12.41 tgh.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.*  
*Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam sehati sejiwa.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan. Saya juga ingin mengambil peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016.

Pertama, saya mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan langkah kerajaan untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993. Akta 505. Berkaitan penguatkuasaan pendakwaan dan pentadbiran undang-undang Islam antara mahkamah syariah negeri-negeri dengan mahkamah syariah di dalam Wilayah-wilayah Persekutuan. Langkah kerajaan ini, adalah wajar dan tepat pada masanya untuk memperkasa dan memartabatkan mahkamah syariah. Bukan sahaja di Wilayah-wilayah Persekutuan, tetapi mahkamah syariah negeri-negeri sesuai dengan perkembangan semasa yang membabitkan hubungan umat Islam dan bukan Islam seperti pemelukkan agama Islam oleh bukan Islam dan isu hak penjagaan anak-anak seperti isu murtad di kalangan orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan peruntukan baru iaitu seksyen baru 57A ke dalam Akta 505, berkaitan dengan tindakan bersaling yang membolehkan waran ataupun saman perintah ataupun penghakiman yang dikeluarkan oleh mahkamah syariah di Wilayah Persekutuan boleh juga di kuatkuasakan dan dilaksanakan di mana-mana mahkamah syariah di negeri-negeri di dalam negara kita ini dan begitu juga sebaliknya. Langkah ini saya percaya dapat menyelesaikan banyak kes syariah yang masih tertangguh dan tertunggak di seluruh negara.

Malah saya juga mengesyorkan kalau boleh biarlah waran-waran ini tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah. Mahkamah sivil sekalipun. Pilihan ini juga amatlah baik bagi menyelesaikan kes mahkamah syariah di Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri walaupun pindaan ini telah dibincangkan oleh Jabatan Kemajuan Agama Islam (JAKIM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (WAIMP), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Peguam Negara. Akan tetapi, tidak melibatkan kerajaan-kerajaan negeri.

Oleh itu saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah penglibatan dan komitmen pihak berkuasa agama Islam negeri ke atas pindaan akta ini kerana akhirnya pihak berkuasa negeri juga yang akan merealisasikan dan melaksanakan pindaan Akta 505 ini. Saya berpendapat, pada masa kini terdapat ketidakseragaman undang-undang pentadbiran dan keluarga Islam antara negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan yang menyebabkan tidak ada penyelarasan daripada segi penguatkuasaan, pendakwaan, penghakiman dan pelaksanaan undang-undang Islam. Ketidakseragaman ini menyebabkan penghakiman yang berbeza antara

mahkamah syariah negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan yang boleh menyebabkan kekeliruan dan tidak puas hati di kalangan umat Islam.

Malah ini menunjukkan kelemahan mahkamah syariah negeri-negeri dan juga Wilayah Persekutuan dan saya ingin mendapat penjelasan, adakah kerajaan bercadang untuk menyeragamkan undang-undang Islam ini di antara negeri-negeri dan Wilayah-wilayah Persekutuan? Jadi kita sudah lama berbincang dalam soal undang-undang pentadbiran wilayah ini dan kita harap langkah yang di ambil oleh kerajaan ini dapat sekurang-kurangnya dapat kita seragamkan di antara negeri dan wilayah ini dan juga dapat- tidak boleh dicabar oleh mana-mana mahkamah seperti mana yang saya sebutkan sebentar tadi. Seperti waran, kalau dalam mahkamah sivil waran itu sah di seluruh negara tetapi sekarang ini baru kita hendak buat undang-undang ini di dalam pindaan yang disebutkan ini.

Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan pindaan Akta 505 ini khususnya memasukkan seksyen baru 57A untuk memperuntukkan tindakan bersaling antara Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan Mahkamah Syariah Negeri-negeri. Daripada segi pelaksanaan waran dan penyampaian saman bagi memastikan tidak ada sesiapa yang boleh terlepas daripada pelaksanaan undang-undang dengan melarikan diri ke negeri lain kerana tidak ada keseragaman undang-undang syariah selama ini. Maknanya, kalau berlaku di Kuala Lumpur dia boleh ke Terengganu ataupun Kelantan. Jadi, kita harap perkara ini tidak lagi berlaku selepas daripada ini.

Seterusnya, saya mengalu-alukan pindaan pada Bahagian VI daripada seksyen 58 akta ini, Akta 505 berhubung dengan pendakwaan dan penguatkuasaan dengan memasukkan perkataan penguatkuasaan. Selepas perkataan pendakwaan yang memantapkan lagi proses pendakwaan dan penguatkuasaan, langkah kerajaan ini menunjukkan komitmen kerajaan bukan sahaja dalam tindakan pendakwaan tetapi juga daripada segi penguatkuasaan. Pindaan ini, memperkasakan kuasa ketua pendakwa syarie dan ketua pegawai penguat kuasa agama. Begitu juga, tanggungjawab dan kuasa yang dimiliki oleh ketua pendakwa syarie dan pendakwa syarie dan ketua pegawai penguat kuasa agama dan pegawai penguat kuasa agama bagi menyelaraskan tindakan-tindakan pegawai penguat kuasa agama.

Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mengemukakan pindaan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993, Akta 505 ini. Ini kerana saya percaya ini langkah yang baik bagi menyeragamkan lagi undang-undang syariah di negeri-negeri dan di Wilayah Persekutuan. Sekian, terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin. Ahli Yang Berhormat, saya minta pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Harun. Dipersilakan.

### **12.49 tgh.**

**Puan Hajah Azizah binti Harun:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan memberi kesempatan kepada saya untuk turut sama membahaskan usul-usul Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016.

Saya ingin mengambil kesempatan ini, di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan dan Yang Berhormat Menteri ke atas rang undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita pada hari ini. Pindaan Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016, ini haru dipuji memandangkan ia usaha berterusan yang baik demi memperkasakan undang-undang Islam di negara ini.

### **■1250**

Tuan Yang di-Pertua, akta ibu bagi pindaan di hadapan kita ini telah dibentangkan pada 20 Mei 1993. Sebelum akta ini mendapat perkenan Diraja pada 7 Julai 1993 dan diwartakan pada 15 Julai 1993, sebelum akta ini digubal dengan tujuan memperkemaskan lagi peruntukannya dalam pentadbiran undang-undang Islam yang terdapat di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 sebagaimana yang diubahsuai pada tahun 1997, untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 1984 bagi Wilayah Persekutuan Labuan. Transformasi pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia ini berkembang memandangkan undang-undang ini ciptaan manusia dan ia berkembang mengikut peredaran masa dan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita menurut susur galur sejarah undang-undang Islam di negara ini, bukanlah satu undang-undang baru. Pelbagai sumber sejarah melalui buku-buku teks Sejarah telah membuktikan kedatangan Islam telah bermula sejak pada zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi, seawal abad ke-15. Ini dibuktikan melalui kehadiran pedagang Islam dari Timur Tengah, India, Aceh dan sebagainya ketika itu. Ketika itu agama Islam berkembang dengan pesatnya apabila Sultan Melaka memeluk agama Islam dan undang-undang Islam diadun bersama dengan undang-undang setempat dalam Buku Kanun Melaka dan Undang Laut Melaka. Bahkan perkembangan agama Islam menjadi semakin baik apabila sebelum Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957.

Suruhanjaya Perlembagaan Reid telah mendraf Perlembagaan Persekutuan dengan mengambil perhatian khusus berhubung agama Islam. Desakan Parti Perikatan agar

peruntukan Islam ialah agama persekutuan dimasukkan di dalam Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan manakala agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, di hadapan kita pada hari ini ada satu Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Pindaan) 2016 dan terdapat dua pindaan penting yang dibuat di dalamnya. Pertama adalah pindaan memasukkan seksyen 57A, dan pindaan terhadap seksyen 58. Pindaan seksyen baru 57A akan membolehkan tindakan bersaling antara Wilayah-wilayah Persekutuan dengan negeri-negeri mengenai pelaksanaan waran dan penyampaian saman. Manakala seksyen 58 adalah pindaan kepada memperjelaskan dan membezakan kuasa yang dimiliki oleh Ketua Pendakwa Syarie dan kuasa Ketua Pegawai Penguat kuasa Agama.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum di Malaysia, peruntukan Islam di bawah Perlembagaan Persekutuan diperjelaskan di dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai negeri. Ia merupakan bidang kuasa negeri dan bagi negeri-negeri yang mempunyai Raja dan Sultan. Ia adalah di bawah bidang kuasa Tuanku sebagai Yang di-Pertua agama Islam bagi negeri masing-masing. Saya akui pindaan terhadap kedua-dua seksyen ini adalah baik dan tepat masanya. Ia dibuat penambahbaikan memandangkan undang-undang syariah di negara ini ditadbir secara berbeza-beza di antara satu buah negeri dengan satu buah negeri yang lain atas sebab latar belakang sejarah negara kita.

Justeru, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan agensi lain seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Kehakiman Syariah Malaysia dan Jabatan Peguam Negara agar pelaksanaan pentadbirannya dapat diselaraskan di kalangan negeri-negeri pada masa hadapan kelak.

Tidak ada gunanya kita mempunyai peruntukan undang-undang yang baik tetapi kita gagal di dalam menyelaraskan prosedur operasi standard (SOP) di kalangan negeri walaupun ia berkaitan perkara yang sama, kita tidak mahu mendengar masalah dan persoalan daripada rakyat, mengapa prosedur di negeri ‘A’ berbeza dari negeri ‘B’ mahupun negeri ‘C’.

Kewujudan ketidakselarasan ini boleh diatasi di peringkat awal lagi sekiranya para pentadbir agensi agama Islam yang kita *proposed-kan* bersama-sama dengan pakar undang-undang, di peringkat persekutuan dan negeri-negeri bergabung tenaga di dalam memastikan penyelarasannya dapat dilaksanakan dengan lancar dan baik. Hal ini penting agar Islam dapat dilihat bukan sahaja dilihat daripada syariahnya semata-mata tetapi dipuji daripada juga tadbir urus adalah yang terbaik.

Oleh itu, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia dan Menteri atas rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini. Saya akhiri ucapan saya dengan terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Harun dan yang kita tetapkan giliran Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Silakan.

### **12.58 tgh.**

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera.... [Membaca sepotong doa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya baru sampai dari London semalam dan masih tidak terlewat untuk mengucapkan jutaan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini binti Ahmad yang telah memenangi jawatan *President Commonwealth Women Parliamentarians* [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas izin restu untuk saya membahaskan rang undang-undang pindaan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan saya berhubung dengan pemurnian dan kerja-kerja yang telah dibuat bagi meminda akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ketetapan yang diperuntukkan di bawah seksyen 46 yang menetapkan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah dan seksyen 47 bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan, peruntukan pindaan dengan menambah klausa pada seksyen 57A bagi fasal 2 rang undang-undang ini iaitu dengan memasukkan tindakan bersaling di antara Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dengan pentadbir agama Majlis Agama Islam Negeri mengenai pelaksanaan waran dan penyampaian saman amat dialu-alukan.

Ini kerana berdasarkan perbicaraan berkenaan kes-kes yang mana berhubung dengan pentadbiran keluarga Islam amat kompleks dan menimbulkan banyak rungutan orang awam kerana kekangan penyeragaman atau tindakan bersaling bagi seseorang pihak penuntut menyampaikan waran atau saman.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan ketiadaan peruntukan tindakan bersaling ini, banyak kes yang dirujuk ke Mahkamah Syariah gagal mencapai penyelesaian muktamad dalam tempoh masa yang singkat dan mewujudkan keadaan di mana ramai isteri yang ditinggalkan atau menghadapi krisis rumah tangga berstatus digantung tidak bertali. Begitu juga dengan nasib anak-anak yang menjadi mangsa kes-kes krisis rumah tangga ini kebanyakannya akan hidup

terumbang ambing, berada dalam krisis kesempitan hidup dan kemiskinan serta kebajikan dan sara hidup persekolahan mereka akan menjadi tidak sempurna.

Justeru, saya memohon untuk mendapatkan perincian maklumat oleh kerajaan berhubung perkara-perkara berikut untuk dimaklumkan kepada Dewan yang mulia tentang perkara berikut:

- (i) jumlah kes tuntutan perceraian atau permohonan pembubaran perkahwinan yang sedang dibicarakan di seluruh negara;
- (ii) jumlah kes-kes yang melibatkan tuntutan hadanah dan nafkah anak-anak yang sedang dibicarakan;
- (iii) jumlah perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah mengenai perintah komited bayaran nafkah serta jumlah pematuhan dan ketidakpatuhan yang direkodkan; dan,
- (iv) jumlah kes penyelesaian harta sepencarian, harta pusaka sama ada berwasiat atau tidak berwasiat yang telah dan sedang dalam perbicaraan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya daripada umat Islam di seluruh negara kita masih tidak lagi celik perundangan apabila berurusan dengan sistem perundangan Islam, lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan pentadbiran keluarga Islam. Kebanyakannya kes memuktamadkan pembahagian harta pusaka dan memuktamadkan penyelesaian pembahagian hak harta terbitan mengambil proses yang sangat lama kerana beberapa sebab berikut:

- (i) pertikaian dan perebutan hak kerana harta yang ditinggalkan si mati tidak meninggalkan surat cara amanah penjagaan dan pewarisan harta mengikut panduan syariah dan ketetapan wasiat pemegang harta;
- (ii) tuntutan bertindih apabila si mati terutama orang lelaki yang menyembunyikan status perkahwinan kedua, ketiga atau keempat yang mana prosiding pembahagian harta akan ditadbir urus oleh Mahkamah Syariah; dan
- (iii) kes-kes khas di mana waris tidak mengetahui atau mempunyai maklumat mengenai butiran harta daripada segi duit simpanan, KWSP, Tabung Haji, faedah kemalangan atau bantuan pengurusan kematian PERKESO, faedah atau imbuhan insurans atau hartanah yang masih lagi mempunyai dalam kaveat cagaran bank atau institusi pinjaman harta atau pajakan.

Oleh itu, melalui tindakan bersaling ini, saya berharap kerangka kerja pentadbiran harta pusaka di Malaysia akan lebih dinamik dan kecekapannya akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi Islam Malaysia.

Oleh itu, sesuai dengan pindaan dan kuasa Mahkamah Tinggi Syariah yang diperuntukkan dalam seksyen 46(2)(b) mengenai urusan penetapan dan prosiding pembahagian harta, saya memohon permohonan dan penjelasan daripada kerajaan tentang perkara-perkara berikut:

- (i) adakah kuasa Mahkamah Syariah ini meliputi pengurusan harta pusaka kecil yang dikawal selia oleh pejabat pembahagian harta pusaka iaitu di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan Amanah Raya Berhad yang meliputi harta pusaka kecil atau pusaka ringkas yang termaktub di bawah Akta Wasiat 1959, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1995 dan Peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955;
- (ii) berapakah kes-kes pentadbiran harta kecil yang telah dan masih dalam proses perbicaraan yang mempunyaikekangan bagi penyempurnaan penyampaian sama atau waran; dan,
- (iii) kegagalan orang yang kena saman untuk bekerjasama untuk menghadirkan diri bagi berunding dan mencari formula bagi memuktamadkan pembahagian harta.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Ada panjang lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu boleh sambung sekejap lagi. Boleh ya?

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi Ahli Yang Berhormat, saya dengar cukup baik hujah-hujah yang disampaikan. Saya tengok tadi Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi perhati dengan tekun, saya nampak. Catat satu-satu sebab dia akan jawab itu. Saya tengok serius sahaja hari ini dipandang. Mungkin dicatat apa yang patut. Terima kasih, bagus.

Saya rasa Ahli Yang Berhormat, sekarang sudah pun sampai jam 1 petang lebih. Dengan demikian, saya tangguhkan Majlis Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.03 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**▪ 1430**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff.

**2.32 ptg.**

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi kebiasaan bagi orang Islam dan orang Melayu berurusan dengan Pejabat Tanah dan Daerah atau Pejabat Tanah dan Jajahan bagi negeri Kelantan untuk memuktamadkan perintah mendapatkan hak milik terbitan tanah bagi pembahagian harta pusaka kecil. Mimpi-mimpi ngeri yang dihadapi oleh waris-waris adalah tidak mendapat kerjasama semua waris dan sukarnya penyampaian waran atau saman untuk memastikan semua waris yang terlibat dalam hak pembahagian harta pusaka kecil. Kesudahannya, banyak harta tanah dan tanah milik orang Islam dibiarkan tanpa di usaha dan tidak menjana ekonomi umat Islam. Justeru, saya menyokong pindaan di bawah fasal 2 ini dan saya mencadangkan agar melalui pindaan yang bakal diwartakan ini akan:

- (i) juga disokong oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri bagi tujuan penyeragaman dan kecekapan proses;
- (ii) harta-harta pusaka milik orang Islam ditadbir urus secara cekap dan prosiding perbicaraannya akan terus diperkasakan dalam sistem perundangan negara; dan
- (iii) pemurnian beberapa perundangan negara bagi pengurusan wakaf, pembahagian harta dan Amanah Raya Berhad akan terus diperkasakan, sesuai dengan kecekapan teknologi ICT dan media elektronik agar semua kekangan atau birokrasi perundangan akan dihapuskan segera.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih saya kepada Menteri Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum dan Timbalan Menteri Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki. Serta saya lihat ramai pegawai beliau di luar sana tadi yang bertanggungjawab dan penuh komitmen terhadap pembangunan dan pemodenan undang-undang serta pengurusan agama Islam. Hendaknya dengan lulusnya pindaan akta ini, keunggulan institusi pentadbiran Islam akan menjadi contoh dan ikutan di peringkat antarabangsa. Sekian, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad.

### 2.34 ptg.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim... [Membaca sepotong doa]*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini. Cuma saya hendak mengambil masa yang sedikit, pendek untuk yang pertama, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Ini kerana saya dengar ramai di kalangan rakan-rakan yang menyebut tentang keseragaman undang-undang Islam di seluruh negara.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau benar apa yang saya katakan ini, boleh atau tidak kerajaan mengambil tindakan atau membetulkan keadaan. Ini kerana undang-undang Islam di seluruh negara ini memang kita lihat ada yang berbeza-beza di antara negeri dan negeri. Ini oleh sebab perundangan Islam ini ditentukan oleh Raja-Raja di negeri masing-masing dengan Majlis Agama Islam di negeri tersebut.

Jadi, apa kata kalau kerajaan mengambil satu inisiatif sewaktu Majlis Persidangan Raja-Raja umpamanya, untuk Raja-Raja dahulu menentukan supaya perundangan Islam ini diselaraskan, diseragamkan di seluruh negara dan barulah pihak kita boleh mengutarakan perkara ini supaya ia menjadi seragam. Kalau tidak, kita rasa malulah kerana kita berbeza-beza, padahal Islam itu sama tetapi kita berbeza-beza di antara negeri dengan negeri, itu satu.

Kalau kita boleh seragamkan, umpamanya Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji, kita boleh menentukan menyambut Ramadan bersama-sama.

Kenapakah kita tidak boleh menentukan supaya perundangan Islam ini diseragamkan di seluruh negara? Kalau boleh Yang Berhormat Menteri, tolong huraikan, apa benar atau tidak apa yang saya katakan. Kalau itu menjadi satu perkara yang benar, jadi kita perlulah mengambil satu tindakan daripada sekarang supaya orang tidak ketawakan kita seperti Yang Berhormat Shahanim tadi sebut. Boleh menjadi contoh kepada negara-negara luar, negara-negara Islam yang lain untuk melihat kita sebagai satu contoh untuk mereka adaptasikan ke negara-negara mereka.

Akan tetapi kalau kita sendiri bercanggah di antara negeri-negeri yang kita tidak boleh satukan, jadi ini boleh memalukan masyarakat Islam di seluruh negara. Jadi, saya berpendapatlah, kalau boleh Yang Berhormat Menteri, tolong huraikan, kalau benar, satu tindakan diambil lebih awal lagi sebelum ia terlambat. Sekian, itu sahajalah Tuan Yang di-

Pertua. Saya ucapkan jutaan terima kasih dan saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Silakan.

### **2.38 ptg.**

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat sekalian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam 1Malaysia.*

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016. Juga saya patut mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan, kepada pihak Menteri berkenaan kerana mengambil inisiatif untuk meminda akta ini.

Saya melihat pindaan ini sangat perlu dan bersesuaian untuk memastikan pertindihan kuasa yang berkaitan undang-undang pentadbiran Islam dapat dielakkan. Jika kita lihat sebelum ini cukup banyak konflik, bahkan banyak persepsi negatif yang telah berlaku yang melibatkan kes Mahkamah Syariah di negeri dan juga di wilayah. Saya percaya dengan pindaan akta ini, kes yang melibatkan undang-undang Islam dapat diselesaikan dengan secepat mungkin dan diseragamkan dengan baiknya. Agar institusi ini akan sentiasa dihormati dan diyakini sepenuhnya.

### **■1440**

Kita mengharapkan rang undang-undang ini akan menjadi satu titik permulaan bagi institusi berkenaan untuk benar-benar serius dan meneliti kembali segala kelemahan yang ada selama ini agar dapat kita memperbaiki kedudukan dan maruah institusi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan bersaling membawa satu bahagian baru iaitu seksyen baru 57A, tindakan bersaling antara Wilayah-wilayah Persekutuan dengan negeri-negeri mengenai pelaksanaan luaran dan penyampaian saman merupakan satu aspek yang sangat baik khususnya untuk memastikan pesalah tidak boleh lari ke tempat lain. Jika tidak dipinda undang-undang ini, maka ramai pesalah dapat mlarikan diri ke tempat lain semata-mata untuk mengelakkan daripada mematuhi segala perintah yang telah dikeluarkan oleh mahkamah syariah di Wilayah Persekutuan atau sebaliknya.

Bagaimanapun, sebaliknya pula terdapat juga beberapa ketidakseragaman prosedur, tatacara yang menyukarkan yang menyebabkan seorang yang tidak bersalah juga menghadapi

masalah yang sama dan terpaksa berhijrah ke tempat lain. Contohnya, kita terdengar banyak kes tertentu iaitu seorang bukan Islam yang ingin memeluk agama Islam yang ingin berkahwin dengan seorang jejaka Islam pergi ke sebuah negeri tetapi tidak dilayan dengan baik oleh pegawai-pegawai agama.

Bahkan apabila ditanya, “*Mengapakah kamu hendak memeluk agama Islam?*”, jawab perempuan itu, “*Saya hendak berkahwin dengan seorang jejaka Islam*”, jawapan itu tidak diterima dan ditanya lagi “*Adakah kamu tahu membaca niat mandi junub?*” Kawan itu baru hendak masuk Islam, tidak tahu. Maka gagal. Maka terpaksalah si perempuan tadi lari ke negeri lain. Ini telah memberikan satu implikasi yang cukup buruk kepada institusi agama kita.

Terdapat juga banyak kes yang seperti kita ketahui, kes-kes seperti dahulu di UMC, Damansara Utama Methodist Church di mana dikatakan walaupun institusi agama Islam mempunyai kewangan yang cukup kukuh, tetapi orang-orang Islam, ibu-ibu tunggal yang bermasalah dikatakan cukup sukar untuk mendapatkan bantuan, apatah lagi dengan mengenakan berbagai-bagai prosedur. Walhal, dengan melalui agama-agama lain, dikatakan melalui gereja ataupun di kampung saya bahkan melalui satu gerakan Buddhist, lebih mudah mendapat tanpa mengisi apa-apa borang.

Ini beberapa contoh yang saya katakan telah melemparkan cukup banyak persepsi yang negatif. Sama ada betul atau tidak betul, saya mengharapkan perkara-perkara seumpama ini tidak patut berulang lagi. Kita tidak mahu kelemahan institusi agama kita ini akan menjadikan orang Islam terpaksa lari kepada tempat lain untuk meminta bantuan. Walhal, kita memiliki keupayaan yang cukup kukuh untuk membantu orang-orang Islam sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah menyebabkan undang-undang syariah kita dipandang lemah dan tidak kuat. Melalui pindaan ini, sistem perundangan Islam dapat ditingkatkan. Selain itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan berkaitan pertindihan kuasa di antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah khususnya mengenai penguatkuasaan undang-undang ini.

Saya melihat usaha kerajaan sangat bagus untuk orang Islam. Akan tetapi dalam isu ini, saya yakin kerajaan boleh menyelesaikan dengan baik untuk memastikan persepsi orang bukan Islam terhadap mahkamah syariah dapat dielakkan. Di akhir zaman ini, banyak permainan persepsi dan fitnah untuk menjatuhkan kerajaan dan saya yakin puak-puak sana mahu memastikan kerajaan jatuh melalui pelbagai cara.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini telah lama didengari, dibunyikan dan saya bersyukur Kerajaan Barisan Nasional mendengar dan berusaha untuk memastikan undang-undang Islam

dapat diangkat dengan lebih tinggi selaras dengan Perlembagaan iaitu Islam sebagai agama rasmi negara.

Pada pendapat saya, pindaan ini sangat penting untuk sistem syariah agar tidak berlaku kekeliruan antara pendakwaan dan penguatkuasaan. Cuma, saya mahu mendapat kepastian mengenai kes-kes sebelum ini, apakah kesannya dan adakah selepas pindaan ini berlaku? Perkara ini sangat penting agar keadilan yang melibatkan kes syariah dapat ditegakkan.

Di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin menyatakan saya sangat bersetuju dengan penguatkuasaan dan pendakwaan dipisahkan kerana konflik selalu berlaku. Pada dasarnya, ia merupakan satu teori ataupun praktis yang baik kerana konflik yang berlaku ini, kerajaan telah mengkaji dan mencari satu resolusi yang sangat baik untuk memantapkan sistem Islam ini. Jadi saya rasa sistem Mahkamah Syariah telah lebih ke depan daripada sistem yang lain di negara kita.

Selain itu, saya melihat juga mengenai kuasa yang berkaitan Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie dan Ketua Pegawai Penguin Kuasa Agama dan Pegawai Penguin Kuasa Agama. Penjelasan yang lebih tepat mengenai dua perkara ini sangat penting sekali agar sistem syariah menjadi lebih berkesan dan teratur. Sebelum ini, tidak ada satu penjelasan yang jelas mengenai Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie dan Ketua Penguin Kuasa Agama dan Pegawai Penguin Kuasa Agama yang menyebabkan berlaku kekeliruan arahan dan sebagainya. Hal ini telah memberi kesan yang tidak baik kepada sistem syariah. Melalui pindaan ini, perkara ini dapat diselesaikan dengan pindaan akta yang jelas.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersyukur Kerajaan Barisan Nasional telah berusaha memantapkan sistem perundangan syariah dan melalui akta ini, ia dapat meningkatkan kualiti sistem ini. Saya sebagai umat Islam berasa lega dan berharap usaha kerajaan untuk memartabatkan sistem diteruskan dan saya menyokong penuh Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016.

Sebelum saya sudahi ucapan saya, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas segala usaha yang dilaksanakan dalam membantu membangunkan negara dan mendahuluikan kebajikan rakyat. Saya menyokong rang undang-undang ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad, silakan.

**2.47 ptg.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan perbahasan, saya mengalu-alukan kedatangan MIC Bahagian Gopeng negeri Perak ke Dewan Negara... [Tepuk] Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan izin bagi saya membahaskan satu rang undang-undang bagi meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas pembentangan rang undang-undang ini. Pindaan yang dibuat ini merupakan reformasi dan komitmen berterusan kerajaan bagi memastikan kedaulatan agama Islam dan pentadbiran agama Islam diperkuuh dan dipercekap.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan yang dibuat, walaupun hanya kandungan yang dibuat adalah membabitkan lima pindaan fasal-fasal baru tetapi signifikan dan kepentingan pindaan akan mengubah nasib-nasib ibu tunggal yang teraniaya atau menghadapi seribu permasalahan berkaitan krisis rumah tangga dan memuktamadkan dengan segera kes-kes gantung tidak bertali. Melalui pindaan ini juga, saya harapkan sikap *accountability* dan mengambil mudah oleh sesetengah suami terhadap institusi kekeluargaan Islam yang dibina atas dasar agama dan komitmen yang tinggi.

Menyentuh mengenai pindaan dalam fasal 2 yang memperuntukkan kaedah tindakan bersaling antara Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan Mahkamah Syariah Negeri akan mengoptimumkan perjalanan prosiding sesuatu kes syariah agar tempoh masa pelupusan atau memuktamadkan penghakiman dibuat dalam tempoh masa yang lebih cepat dan cekap.

**■1450**

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tindakan bersaling yang dibuat pindaan dalam rang undang-undang ini, saya ingin mendapat penjelasan tentang beberapa perkara berikut agar kaedah tindakan bersaling ini akan memastikan keadilan kepada penuntut ataupun plaintiff.

- (a) mengikut seksyen 46 akta ibu di mana Mahkamah Tinggi Syariah boleh membicarakan kes-kes jenayah syariah atau kes-kes Mal terutama mengenai perkahwinan dan urusan keluarga Islam. Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan, apa tindakan bersaling tidak boleh dipanjangkan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan PDRM, terutamanya apabila mengendalikan kes-kes

- keganasan rumah tangga dan Akta Kanak-kanak. Sebagai contoh, bagi kes-kes perceraian yang melibatkan berlakunya kes penderaan seksual di bawah Kanun Keseksaan atau keganasan rumah tangga; dan
- (b) bagaimana tindakan bersaling ini dapat menyepadukan kerangka kerja yang lebih efektif apabila sesuatu perintah dan hukuman bagi kes-kes tuntutan nafkah, pelaksanaan yang dibuat dapat dipantau dan pematuhan kepada perintah Mahkamah Syariah lebih tegas? Tindakan bersaling ini meliputi semua agensi kerajaan agar hak dan tuntutan wajib yang dikenakan ke atas lelaki dapat dipastikan pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam institusi keluarga Islam ini, akan wujud pelbagai pertikaian apabila melibatkan hal berkaitan dengan kewangan, pembahagian harta pusaka dan wakaf. Apa yang menjadi persoalan saya, adakah melalui pindaan ini, prestasi akauntabiliti pihak defendant yang telah dijatuhkan hukuman, meremitkan nafkah anak-anak bagi pasangan yang bercerai, akan dipatuhi dan prestasi pematuhan boleh dibanggakan?

Untuk itu, saya mohon pencerahan daripada segi berapakah kes-kes melibatkan kemungkinan pelaksanaan bayaran nafkah anak-anak dan tunggakan nafkah yang dibicarakan dan tindakan tegas ketidakpatuhan dibuat.

Dalam kes-kes pembahagian harta pusaka kecil mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa, bagaimana cara perundungan ini dapat memanfaatkan jalinan tindakan bersaling dengan Pejabat Tanah dan Daerah agar kes-kes pembahagian harta mendapat perhatian dan tindakan prosiding pemuktamadan yang cepat dan sempurna.

Bagi pengurusan harta wakaf yang melibatkan kes-kes di mana pengambilan tanah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, bagaimana fungsi dan perjalanan Mahkamah Syariah sebagaimana seksyen 46 dan 47 digunakan dengan komprehensif tanpa kes dirujuk ke Mahkamah Sivil. Saya juga memohon pandangan dan penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang bagaimana kita dapat memaksimumkan Kumpulan Harta Wakaf yang dipegang oleh institusi amanah agar melalui pindaan yang dibuat ini menjadikan kerangka kerja perundungan Islam lebih cekap dan efektif.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fasal 4 peruntukan ini dibuat untuk memastikan ada perbezaan atau *set of demarcation*, dengan izin, di antara Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguat Kuasa Agama. Justeru, melalui pindaan ini saya berharap kerja-kerja pendakwaan lebih cekap dan kes yang disiasat oleh penguat kuasa disiasat dengan penuh integriti bagi mengelakkan wujudnya kesangsian awam.

Beberapa tahun lepas, terdapat ura-ura untuk menubuhkan Polis Penguatkuasa Agama Islam yang mana akan mewujudkan satu buah kerangka kerja penguatkuasaan yang lebih komprehensif dan bersepada untuk menangani isu kesalahan jenayah syariah Islam. Keperluan khas untuk meningkatkan keupayaan operasi penguatkuasaan ini amat-amat diperlukan pada masa kini kerana berleluasnya kes jenayah ajaran sesat Islam dan fahaman *terrorism* yang menyebabkan punca keganasan dan persepsi orang bukan Islam terhadap umat Islam terjejas.

Di sini, saya ingin mendapatkan perangkaan tentang berapakah kekuatan pegawai dan kakitangan penguat kuasa Islam di seluruh negara. Bagaimana komitmen Kerajaan Persekutuan dalam membantu kerajaan-kerajaan negeri dalam isu pelantikan pegawai-pegawai untuk skim perkhidmatan syariah ini, dan bagaimana pula dengan pakej skim perkhidmatan dan laluan kemajuan kerjaya agar liberalisasi dan pemurnian perkhidmatan syariah ini terus diperkasa bagi menjamin keunggulan sistem perundangan Islam di Malaysia?

Dengan manfaat kemajuan teknologi ICT kini, saya juga mohon mendapat penjelasan, bagaimana kendalian bahan-bahan bukti, Kertas Siasatan dan rekod prosiding perbicaraan disimpan dan diurus? Oleh itu dengan kecekapan integrasi dan kesepaduan sistem siasatan dan pendakwaan, rekod-rekod perbicaraan akan lebih sempurna dan menjadi rujukan bagi hakim-hakim membuat semakan bagi tujuan membuat keputusan sesuatu prosiding penghakiman.

Oleh itu, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan semua warga kerja yang menjayakan pindaan akta ini. Harapan saya, semoga dengan pindaan ini pentadbiran agama Islam akan lebih cekap dan sempurna. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Silakan.

## 2.56 ptg.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk turut sama berbincang dan berbahas berhubung dengan akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 iaitu dengan dikenakan Akta 505.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* kita adalah juga termasuk orang-orang yang mempunyai saham dalam pelaksanaan sesebuah atau sesuatu akta, di mana sesuatu akta akan dibincang dan dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Kerana itu walaupun kita tidak

menggubal daripada awal, namun kita adalah di antara orang yang ada saham secara langsung dan tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa negara kita merupakan negara yang unik di dunia dan saya rasa tak sama di antara negara kita dengan negara lain. Kalau kita tengok dalam akta ini pun, kita melihat kedudukan negara kita ada keistimewaan tersendiri dan kita rasa kita bersyukur dengan apa yang ada iaitu kita ada negeri-negeri, wilayah dan juga persekutuan. Kerana itu kita melihat akta yang dibawa ini ialah Akta Wilayah-wilayah Persekutuan Pentadbiran Undang-undang Wilayah-wilayah Persekutuan yang dia adalah khusus di dalam negara kita, di sana ada negeri-negeri. Kerana itu kita melihat ini satu keunikan yang ada di dalam negara kita dan mungkin tidak ada pada negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang telah dibentangkan dalam pembentangan tadi oleh Yang Berhormat Menteri kita, sebelum itu saya hendak ucap terima kasih dan penghargaan yang tinggi kepada pengamal undang-undang yang telah melalui pengalaman yang begitu lama, mereka merasakan bahawa satu perubahan perlu dilakukan dan ini untuk melicinkan kerja-kerja dalam pelaksanaan undang-undang. Ini lebih kepada teknikal daripada undang-undang itu sendiri.

Saya melihat bahawa kedua-dua perkara yang telah dikemukakan ini adalah merupakan arah untuk melicinkan pergerakan Mahkamah Syariah. Perkara yang pertama kita tengok ini ialah bersaling. Perkara bersaling ini merupakan satu perkara yang sangat diperlukan di mana waran ataupun saman yang telah dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah di wilayah perlu diterima pakai oleh negeri dan juga begitu sebaliknya dan saya rasa apabila perkara ini dapat berjalan dengan baik, maka sudah semestinya keselarasan daripada segi implementasi dengan Mal atau pelaksanaan di dalam masyarakat kita berhubung dengan mahkamah akan berjalan dengan sebaiknya walaupun mungkin dari sisi yang lain nampak dia tidak ada, dapat disatukan.

#### ■1500

Walau bagaimanapun, saya melihat kebanyakan undang-undang atau enakmen di dalam negara kita ini dari negeri-negeri hampir sama. Tidak banyak berbeza. Cuma mungkin angka-angka sahaja yang berbeza. Kedudukan yang berbeza tetapi bagi saya semuanya saya rasa hampir sama antara satu sama lain. Oleh sebab itu, untuk penyelarasannya itu, dia akan berjalan dengan sebaiknya, *insya-Allah* nanti. Cuma satu saya hendak tanya. Dalam hal ini kita tengok penghantaran saman begitulah juga penyampaian waran dan penyampaian saman. Waran ini kalau kita tengok ialah meminta atau saman ini meminta supaya orang yang di saman itu datang ke mahkamah. Saya tengok ada satu lagi yang ada kaitan dengan saman dengan mahkamah ini iaitu penangkapan.

Kalau sekiranya orang yang berada di Wilayah umpamanya pergi ke satu buah negeri, saman boleh disampaikan. Waran boleh disampaikan tetapi adakah pihak yang satu lagi boleh bersama-sama untuk menangkap orang yang berkenaan? Ini kerana dia tidak akan selesai menyampai saman, menyampai waran tetapi akhirnya orang yang tidak mahu datang ke mahkamah apabila di saman mesti kena tangkap. Adakah itu termasuk dalam hal-hal ini kerana ia ada mempunyai kaitan ataupun perlu ada *clause* lain yang perlu diwujudkan atau kalau sekiranya ia telah berada di sini, maka ia adalah selesai.

Perkara yang kedua berhubung dengan saman, Tuan Yang di-Pertua ialah pegawai yang akan menyampaikan saman itu dan begitu juga orang yang berkenaan itu perlu mengetahui dengan tepat dan benar. Kita pun tahu kaedah-kaedah menyampai saman atau waran ini kepada pihak-pihak yang perlu disampaikan.

Perkara kedua dalam hal ini ialah untuk memisahkan struktur antara pendakwa syarie dengan penguat kuasa dan ini sangat penting. Saya bersetuju dengan semua kawan yang telah membincangkan sebelum saya bahawa sebelum ini dia semacam duduk sebumbung. Pendakwa syarie pun duduk situ, penguat kuasa pun duduk situ. Jadi orang tidak tengok sebagai satu pemisahan yang nyata. Seolah-olah dua kerja tadi berada di bawah satu bumbung yang sama sedangkan perkara itu dibimbangi akan berlakunya ketidakadilan atau tidak kena di dalam keadaan pendakwaan dan juga penguatkuasaan. Apabila ia dipisahkan, berada di bumbung yang berbeza, maka pendakwa syarie mempunyai *authority* yang jelas. Begitu juga penguat kuasa mempunyai *authority* yang jelas.

Jadi masing-masing mempunyai rumah sendiri. Tidak menumpang antara satu sama lain. Ini perlu untuk menyatakan keadilan kepada masyarakat bahawa mahkamah syariah sama juga operasinya dengan mahkamah-mahkamah civil sebagaimana yang dikenali dalam negara kita. Ini satu yang baik. Satu langkah yang bagus dan saya memuji langkah ini dan kita mahu melihat bahawa mahkamah ini dipandang sama tinggi dengan mahkamah-mahkamah lain.

Perkara seterusnya, walaupun dalam perkara yang nombor enam ini, implikasi kewangan ini disebut tidak ada apa-apa tetapi saya kata ada apa-apa. Saya berpendapat ada apa-apa. Ini kerana apabila kita hendak melaksanakan dua- kita pecahkan antara dua bahagian ini, sudah pasti yang pertama kita perlu pegawai yang berasingan. Sudah pasti pegawai tadi kalau dulunya dia menanggung dua kerja tetapi sekarang perlu dipisahkan dan perlu ada jawatan-jawatan baru.

Dari pada segi jawatan ini juga, saya melihat perlu di-upgrade-kan kedudukan penguat kuasa. Begitulah juga dengan pendakwa. Ini kerana penguat kuasa juga kita perlu lihat kepada gred-gred tertentu supaya mereka mempunyai wibawa dalam pelaksanaannya. Sebagai contoh,

penguat kuasa perlu memberi pangkat yang sesuai seperti kalau dalam polis seperti inspektor. Perlu kepada pangkat seperti itu dan kalau kita melihat bahawa kalau sekiranya untuk membuat tangkapan dan sebagainya, perlu kepada pegawai polis yang berpangkat sebegitu untuk memastikan dia menjalankan tugas dengan baik dan tidak salah daripada segi peraturannya.

Keranalah itu saya merasakan ia perlu dilihat bersama tentang keperluan jawatan-jawatan dan sebagainya dan kita tahu wilayah ini walaupun daripada segi geografinya tidak luas tetapi rakyatnya ramai. Maka kalau kita tengok untuk melaksanakan, untuk pelaksanaan masyarakat yang ramai, perlu kepada pegawai yang ramai juga mengikut keperluan. Kalau kita tengok *ratio*-lah dalam erti kata sebenar. Begitu juga saya melihat di sini pendakwaan juga perlu dilihat jawatan-jawatan dalam gred-gred yang tertentu dan kakitangannya supaya dia boleh berjalan dengan licin dan lancar dan penuh dengan efisien.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin satu lagi, yang saya hendak sebut di sini ialah berhubung dengan kalau kita tengok ini, untuk Wilayah ke negeri-negeri, bagaimana pula yang sebaliknya. Adakah ia perlu di-endorse di negeri-negeri lain? Kalau dia datang ke Wilayah, sekarang kita buat Wilayah ke negeri, begitu juga negeri-negeri lain. Setakat ini adakah semua negeri di dalam negara kita ini sudah ada semacam ini? Peruntukan seperti ini yang boleh kita laksanakan peruntukan-peruntukan yang telah dipinda ini dan apabila ia adalah sama, maka saya yakin dan percaya perjalanan mahkamah nanti dan juga pelaksanaan undang-undang ini akan berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini salah satu perkara untuk kita didik masyarakat. Bukanlah undang-undang itu dibuat untuk menghukum sesiapa tetapi tujuan sebenar mendidik masyarakat supaya jangan membuat kesilapan. Sebagaimana yang telah disebut oleh Datin Rahimah tadi, ramai di kalangan isteri-isteri ataupun- hendak kata apa? Isterilah biasanya. Isteri-isteri ramai yang terperangkap dalam masalah perundangan ini.

Ada yang ditinggalkan gantung tidak bertali, ada yang nafkahnya tidak diberi, ada mutaah yang tidak dilaksanakan dan berbagai-bagai lagi. Dengan kuasa mahkamah ini yang telah dilebarkan ini dan telah diatur susun ini, maka bagi saya pihak penguat kuasa dia akan lebih dapat melakukan kerja-kerja untuk memastikan supaya mereka yang terbabit dapat dipanggil ke mahkamah dan menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang lelaki atau sebagai seorang suami atau sebagai seorang ayah. Begitulah juga sebaliknya. Si ibu atau isteri pun juga dia akan dapat pembelaan dan suami juga akan dapat pembelaan dalam akta yang sedang kita bincangkan ini.

Kerana itu saya mengalu-alukan perubahan ini dan pindaan ini. Semoga dengan berlakunya pindaan ini dan akan diluluskan nanti, maka perjalanan mahkamah syariah dan juga penguatkuasaannya akan berjalan dengan baik dan licin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Dipersilakan.

### 3.09 ptg.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dalam membahaskan rang undang-undang pada kali ini, hanya dua isu sahaja yang ingin saya kemukakan khususnya pertamanya berkait dengan seksyen baru 57A- tindakan bersaling.

#### ■1510

Di mana kita telah faham bahawa ia memperuntukkan jika Mahkamah Syariah dalam mana-mana negeri di Malaysia mengeluarkan waran atau saman atau membuat suatu perintah atau penghakiman di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dalam negeri itu terhadap seseorang atau orang itu berada atau dipercayai berada di Wilayah-wilayah Persekutuan, maka hakim Syarie jika dia berpuas hati bahawa perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sewajarnya oleh suatu Mahkamah Syariah yang berwibawa dalam mana-mana negeri di Malaysia, boleh men-endorse-kan waran, saman, perintah atau penghakiman itu dan boleh kemudian dilaksanakan atau disampaikan mengikut mana-mana yang berkenaan dan seolah-olah saman, waran, perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan secara sah oleh Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan dan begitulah pula sebaliknya. Justeru ia dinamakan tindakan bersaling.

Alhamdulillah sebenarnya tindakan bersaling ini sebenarnya telah banyak mengurangkan kerumitan dalam penyempurnaan dan pelaksanaan saman, waran, perintah dan juga penghakiman. Kita perhatikan dalam 10 tahun kebelakangan ini, pihak-pihak yang berada di luar kawasan liputan bidang kuasa Mahkamah Syariah terlepas daripada tindakan undang-undang kerana tiada peruntukan yang membenarkan tindakan tersebut dibuat di negeri lain. Sejak peruntukan ini diperkenalkan beberapa tahun lalu, masalah ini telah diselesaikan dan pihak yang tidak berada di negeri yang mana saman atau perintah itu dikeluarkan boleh dilaksanakan seperti mana ia berada dalam negeri tersebut.

Saya kira pindaan ini adalah pindaan yang sangat baik di mana ia secara tidak langsung saman, waran, perintah atau penghakiman daripada sesebuah Mahkamah Syariah Negeri

diiktiraf keesaan dan *authority*-nya oleh Mahkamah Syariah Negeri yang lain. Seterusnya dalam suatu aspek ia telah memartabatkan kuasa Mahkamah Syariah Negeri juga.

Justeru saya ingin memohon dalam mendapatkan status peruntukan tindakan bersaling ini bagi Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri seluruh negara. Ini kerana saya difahamkan terdapat beberapa buah negeri lain yang masih belum mengadakan peruntukan khas bagi memasukkan peruntukan tindakan bersaling ini. Saya dimaklumkan negeri tersebut Perak dan Kedah, jika saya silap, sila betulkan. Ada juga Mahkamah Syariah Negeri yang melaksanakan tindakan bersaling ini hanya melalui arahan amalan sahaja dan tiada peruntukan khas sebagaimana yang kita gubal pada hari ini. Saya mohon status.

Persoalan yang ingin saya kemukakan juga melibatkan perintah pelaksanaan penghutang penghakiman bagi tuntutan nafkah anak ke atas bapa yang bekerja tanpa gaji tetap seperti seorang bapa yang bermiaga. Saya selalu menerima rungutan terdapat kesulitan dalam melaksanakan perintah sebegini memandangkan tiada pelaksanaan potongan gaji kepada majikan boleh dibuat. Bagaimana kerajaan melihat kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh para ibu ini terutamanya tindakan terhadap bapa yang berkemampuan tetapi tidak memahami tanggungjawab memberi nafkah dan tidak mahu memberi nafkah.

Seterusnya isu yang kedua yang ingin saya kemukakan berkait juga dengan rang undang-undang yang kita bahaskan pada hari ini iaitu aspek memperkasakan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri di mana perlu diwujudkan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri sebagai sebuah entiti khas yang tertentu di mana mana-mana bahagian pendakwaan perlu dan hendaklah di naik taraf sebagai Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri.

Pertamanya saya melihat daripada aspek pelaksanaan doktrin pengasingan kuasa yakni *separation of power*. Sistem pentadbiran negara kita adalah berdasarkan doktrin pengasingan kuasa yang terbahagi kepada *legislative*, *executive* dan *judiciary* dan di peringkat Persekutuan ia diamalkan melalui pengasingan kuasa antara penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak polis, pendakwaan oleh Jabatan Peguam Negara dan penghakiman oleh institusi mahkamah. Saya yakin pengasingan fungsi ini adalah bertujuan untuk menjamin wibawa, integriti dan ketelusan pentadbiran keadilan sama ada daripada aspek penguatkuasaan, pendakwaan dan juga kehakiman.

Ia juga dapat mengimbangi peranan setiap agensi yang bebas dan telus dalam pelaksanaan keadilan selaras dengan prinsip keadilan dalam perundangan. Oleh yang demikian, perwujudan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri suatu usaha merealisasikan doktrin pengasingan kuasa dalam perundangan syariah. Ia bukan sahaja bertepatan dengan prinsip

pengasingan kuasa sebagaimana pelaksanaan pengasingan kuasa di peringkat Persekutuan, bahkan ia juga selaras dengan prinsip ketelusan keadilan dalam perundangan.

Keduanya saya ingin melihat dari sudut bidang kuasa Ketua Pendakwa Syarie (KPS). Jika kita lihat dalam Akta 505 ini, seksyen 58 menyatakan dan saya kira dalam enakmen di peringkat negeri juga mempunyai peruntukan yang sama di mana Ketua Pendakwaan Syarie mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya bagi memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi satu kesalahan di hadapan Mahkamah Syariah dan kuasa ini tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak.

Oleh yang demikian, perwujudan Jabatan Pendakwaan Syariah akan memberi ruang kebebasan kepada KPS seperti mana yang telah diperuntukkan oleh undang-undang dan hukum syarak untuk melaksanakan budi bicaranya dalam menjamin keadilan dan seterusnya melaksanakan pendakwaan tanpa perlu tertakluk kepada arahan dan pentadbiran JAIN.

Ketiganya saya ingin melihat daripada aspek pengukuhan keupayaan institusi agama Islam dan pelaksanaannya. Sektor awam khususnya pentadbiran agama Islam perlu mengukuhkan keupayaan institusi dan meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatannya. JAKIM telah menyahut seruan tersebut dengan melancarkan Pelan Strategik JAKIM khususnya Teras Ketiga Pelan Strategik JAKIM iaitu pemantapan penyelarasan dan penyeragaman undang-undang ke arah mendaulatkan pelaksanaan syariah Islam sebagai langkah pertama bagi mengukuhkan kedudukan institusi agama Islam di seluruh negara supaya lebih sistematik dan profesional.

Oleh yang demikian, perwujudan Jabatan Pendakwaan Syariah akan memberi ruang kepada perkembangan fungsi keadilan dan meningkatkan keupayaan pendakwaan yang lebih baik, profesional, efisien dan lebih sistematik. Ia juga dapat membantu proses pengukuhan keupayaan pendakwaan untuk menambah baik perkhidmatan yang diberikan, meningkatkan kecekapan pengurusan pendakwaan serta meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan secara lebih fokus dan komprehensif.

Keempat, pemantapan struktur organisasi pendakwaan syariah. Melalui Jabatan Pendakwaan Syariah, struktur organisasi pendakwaan dapat dikukuhkan secara holistik dan bertepatan dengan keperluan agensi perkhidmatan perundangan syariah. Ia bukan sahaja memberi ruang kepada pemantapan struktur melalui penstrukturkan semula organisasi, bahkan Jabatan Pendakwaan juga dapat bebas merancang dan mengukur strategi yang bersesuaian dengan keperluan pendakwaan syariah tanpa tertakluk kepada mana-mana dasar dan polisi Jabatan Agama Islam.

Melalui pemantapan struktur organisasi juga, kualiti modal insan dapat distrukturkan semula bersesuaian dengan keperluan agensi dan keupayaan modal insan dapat ditingkatkan seperti kemahiran penguatkuasaan, kemahiran menganalisis kes-kes dan kepekaan terhadap peruntukan undang-undang syariah dan juga undang-undang sivil.

■1520

Akhirnya justifikasi pemeriksaan Jabatan Pendakwaan Syariah bebanan tugas sedia ada yang semakin bertambah dan mencabar. Pada umumnya terdapat empat Undang-undang Syariah yang dikuatkuasakan di setiap negeri iaitu Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah, Undang-undang Keluarga Islam, Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah dan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam.

Selain itu, terdapat undang-undang yang telah dan sedang digubal sama ada pada peringkat negeri ataupun melalui kerjasama JAKIM seperti Undang-undang Zakat dan Fitrah, Undang-undang Wakaf, Undang-undang Wasiat Orang Islam dan lain-lain.

Melalui penguatkuasaan undang-undang ini, bebanan tugas kepada pendakwaan akan meningkat dan kompleksiti tugas juga semakin mencabar. Atas dasar itu adalah wajar Jabatan Pendakwaan Syariah diwujudkan bersesuaian dengan bebanan dan tugas yang dipikul oleh pendakwaan.

Akhir sebagai penutup, saya ingin mohon status juga daripada Yang Berhormat Menteri berkait dengan cadangan ataupun penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah di negeri-negeri ini. Apa status penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah di peringkat negeri-negeri, jumlah negeri yang telah berjaya menujuhkan Jabatan Pendakwaan Syariah ini dan apakah status negeri-negeri lain yang masih belum ada Jabatan Pendakwaan Syariah di peringkat negeri? Sekian, itu sahaja perbahasan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih diucapkan kepada 14 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dalam Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016. Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

### 3.22 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 12 orang sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil

bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016.

Ini kali pertama saya mendapat sambutan sebegini ramai. Saya ucap tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana begitu berminat dalam aspek pemerkasaan dan mengangkat martabat institusi perundangan dan Mahkamah Syariah. Terima kasih banyak-banyak. Bagi memudahkan jawapan atau penjelasan, saya ingin menjawab berdasarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut hadir dalam Dewan pada ketika inilah sebab terlalu banyak. Jadi siapa yang telah menyoal, saya akan menjawab berdasarkan kepada jawapan-jawapan yang telah kami sediakan.

Pertama sekali sebelum saya menjawab satu per satu, perkara pertama yang saya ingin bangkitkan ataupun sebutkan di sini, seperti mana yang Yang Berhormat Senator Dato Dr. johari sebutkan, inilah sebenarnya keunikan negara kita Malaysia yang tercinta kerana kita unik disebabkan Perlembagaan Persekutuan kita meletakkan status Islam itu pada tahap yang tertinggi dalam Perlembagaan.

Perkara 3 dan Perkara 37 merupakan asas dan tunjang kepada pemerkasaan sistem perundangan Islam dan juga Mahkamah-mahkamah Syariah kerana Islam itu merupakan Agama Persekutuan. Saya hendak betulkan tadi ada Yang Berhormat Senator sebutkan, Islam merupakan agama rasmi. Ia bukan sekadar rasmi, bukan sekadar upacara doa dan sebagainya. Ia merupakan agama bagi Persekutuan tetapi Perkara 3 itu harus dibaca secara keseluruhan bahawa agama-agama lain bebas untuk diamalkan.

Cuma dalam konteks ini kita faham bahawa sebagai pemerintah, bertanggungjawab sepenuhnya terhadap memperkasakan dan mendaulatkan Islam di negara ini. Bahkan kita baru sahaja menerima pengisytiharan ataupun pemasyhuran Yang di-Pertuan Agong yang bersumpah atas nama “*Wallahi, Wabillahi, Wataullahi*”, dan disebut dan dimaktubkan di dalam Perlembagaan. Perkara 37, perkataan, “*Wabillahi wabillahi wataullahi*” untuk menjaga dan memelihara setiap masa Islam sebagai agama negara ini.

Oleh sebab itulah dalam konteks ini, seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi, isu penyeragaman dan penyelarasan berkenaan dengan Undang-undang Syariah ini juga merupakan satu perkara yang unik kerana ia memerlukan kita memahami struktur Islam dalam konteks negara kita Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya merupakan tanggungjawab di peringkat Persekutuan tetapi yang lebih utama sekali kerana agama ini di bawah negeri-negeri.

Oleh sebab itulah untuk pengetahuan semua, memang Raja-Raja dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu kali ke-176 pada 1 Ogos 1997 telah bersetuju dan memberi

penekanan kepada cadangan Kerajaan Persekutuan untuk menyelaras dan menyeragamkan Undang-undang Islam di seluruh Malaysia. Hasilnya, pada tahun 2001 telah diluluskan dan diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja pada 21 Mac 2001 bahawa JAKIM dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara mesti membuat kajian dan melaksanakan penyelarasan dan penyeragaman Undang-undang Islam antara negeri-negeri.

Dari pada enam undang-undang utama, lima sudah pun diseragamkan dan diselaraskan dan termasuklah:

- (i) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam;
- (ii) Undang-undang Keluarga Islam;
- (iii) Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah;
- (iv) Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah; dan
- (v) Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah.

Jadi, tidak timbul isu-isu yang dibangkitkan tadi berkenaan dengan berlakunya ketidakseragaman dan ketidakselarasan antara undang-undang di antara Persekutuan dan juga negeri-negeri.

Cuma dalam konteks pindaan hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita membincangkan soal bagaimana hendak memastikan kelincinan dan memartabatkan sistem perundangan Islam ini dengan lebih baik lagi dan lebih berkesan. Oleh sebab itulah Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal ada membangkitkan berkenaan dengan beberapa isu.

Pertama sekali berkenaan dengan akta ini, apa langkah-langkah yang diambil oleh pihak JKSM untuk memperkasakan Mahkamah Syariah. Saya sebutkan tadi:

- (i) menyeragamkan dan menyelaraskan kehakiman syariah antara negeri-negeri Malaysia melalui mesyuarat Ketua-ketua Hakim dan muzakarah-muzakarah Hakim Syarie seluruh Malaysia;
- (ii) menggubal arahan amalan Mahkamah Syariah untuk sistem pentadbiran dan pengurusan Mahkamah Syariah;
- (iii) menyelaraskan skim perkhidmatan pegawai-pegawai yang berkhidmat di Mahkamah Syariah. Tujuh buah negeri termasuk Wilayah Persekutuan, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang dan Sabah menyertai skim perkhidmatan guna sama pegawai-pegawai syariah ini. Ini juga menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat dan beberapa Senator yang lain; dan

- (iv) Mewujudkan BSK, bahagian sokongan keluarga di semua negeri seluruh Malaysia bagi melicinkan proses penguatkuasaan perintah-perintah mahkamah.

Ini juga untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah sebentar tadi. Yang Berhormat Datuk Mustafa Kamal juga ada membangkitkan berkenaan dengan rang undang-undang 355. Sebenarnya, ia tidak ada kaitan dengan pindaan pada hari ini. Walaupun tadi pun ada Datuk Haji Yahaya berbisik kepada saya, apakah kesan ataupun implikasi akta ini dengan Akta 355?

Sebenarnya, dia tidak ada kesan secara langsung kerana akta yang kita bincangkan hari ini Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016. Akan tetapi secara ringkas, saya ingin menjawab persoalan yang dibangkitkan, adakah Rang Undang-undang 355 ataupun Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah Syariah) menyebabkan berlakunya diskriminasi terhadap orang bukan Islam ataupun yang sering dibangkitkan, adakah ini merupakan ‘jalan pintu belakang’ untuk melaksanakan hukum hudud?

Pertama sekali saya ingin sebutkan bahawa sebenarnya tidak ada isu pendiskriminasian terhadap orang-orang bukan Islam kerana seperti mana Jadual Kesembilan, Butiran 1, Senarai II Senarai Negeri, Mahkamah Syariah ini merujuk kepada bidang kuasa yang hanya melibatkan orang Islam. Jadi tidak akan mungkin orang bukan Islam akan didiskriminasikan kerana tidak ada bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk mendengar maupun menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah terhadap mereka.

Jadi tidak ada isu soal pendiskriminasian. Soal pertindihan pun tidak ada isu kerana apabila kita memahami Butiran 1, Senarai Negeri, yang melibatkan kuasa-kuasa Mahkamah Syariah kita akan sendiri pun memahami bahawa bidang kuasanya adalah berkaitan dengan hal ehwal agama Islam yang mana yang terkait dengan hal ehwal orang bukan Islam termasuklah hukuman-hukuman jenayah.

### ■1530

Itu telah ada dalam Kanun Jenayah yang mana ini terpakai kepada orang Islam dan bukan Islam. Jadi ini tidak akan berlaku pertindihan antara Kanun Jenayah Syariah dan juga kuasa-kuasa di bawah Mahkamah Syariah Negeri.

Begini juga kalau disebut soal *back door* ataupun pintu belakang kepada pelaksanaan hudud. Saya rasa ini pun satu tanggapan dan persepsi yang sebenarnya nakal yang dimainkan oleh media-media massa tertentu untuk membangkitkan sentimen amarah di kalangan orang bukan Islam.

Sebenarnya kalau kita dalam konteks Malaysia, kita kena ingat bahawa negara kita negara berbilang agama dan kaum. Apa juga yang kita hendak laksanakan, kita harus melalui proses perundangan dan kita ada sistem dan struktur negara yang begitu baik sekali iaitu Parlimen negara. Apa juga undang-undang yang hendak kita laksanakan ataupun nak kita gubal, Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Perlembagaan umpamanya yang melibatkan hukuman-hukuman yang di luar bidang kuasa mahkamah syariah, ia perlu melalui proses pindaan di Parlimen ini.

Kalau kita bercakap soal hukum hudud umpamanya, hukum hudud ini melibatkan hukuman yang juga terkait dengan perkara-perkara yang berada di bawah Kanun Jenayah yang sudah ada *Penal Code*, dengan izin, iaitu seperti mencuri, merompak dan juga hukuman mati yang tidak berada di bawah bidang kuasa mahkamah syariah.

Sekiranya kita hendak melaksanakan ataupun hendak menggubal undang-undang yang berkaitan dengan hukuman-hukuman seperti ini, ia memerlukan kita membuat pindaan Perlembagaan Persekutuan di dalam Parlimen yang mulia ini. Dan pindaan ini harus mendapat dua pertiga. Maknanya 148 daripada 222 Ahli-ahli Dewan Rakyat, dan 148 ini termasuk orang Islam dan bukan Islam kerana hari ini kalau di Dewan Rakyat, kalau kita campur semua Ahli Parlimen yang beragama Islam sama ada daripada parti pemerintah maupun parti pembangkang, kita hanya ada 137 orang. Maknanya kita memerlukan *consent*, dengan izin, atau kesepakatan daripada orang bukan Islam juga.

Jadi mana mungkin kita hendak melaksanakan sesuatu itu melalui jalan belakang. Semuanya mesti melalui proses undang-undang, peraturan dan struktur kenegaraan yang sedia ada. Jadi, itulah perkara yang berkaitan dengan 355 yang sentiasa dibangkitkan. Yang Berhormat...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh mencelah?

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Ya, silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, silakan.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cukup rasanya sukacita mendengar penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi khasnya kepada menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal yang membangkitkan isu rang undnag-undang 355.

Jadi sebenarnya kalau kita tengok rang undnag-undang 355 ini, dari kampung ke bandar, dari desa ke kota, semua orang bercakap. Hatta, orang yang faham dan tidak faham pun turut bercakap sama. Tadi saya pun tertarik dengan kenyataan yang telah diberikan oleh

Menteri kita bahawa ada orang nakal. Orang nakal ini bila-bila pun dia nakal sebenarnya tetapi kenakalan itu ada batasnya.

Jadi saya melihat kerajaan pun rasanya mempunyai tanggungjawab yang kita mempunyai tanggungjawab untuk memartabatkan kedudukan mahkamah syariah. Itu konteksnya, itu prinsipnya. Akan tetapi apabila disensasikan dan dipolitikkan, maka apa yang sepatutnya difahami tidak difahami dan apa yang telah difahami tidak betul, dan menjadi mangsa ialah masyarakat. Kita pun sebagaimana diterangkan tadi, kita pun ada pelbagai pegangan agama dan pelbagai bangsa di dalam negara kita yang tercinta ini. Jadi, apabila kesilapan ataupun maklumat yang diterima tidak tepat, sudah pasti ia akan menimbulkan kekeliruan dan ini menimbulkan keresahan.

Maka, bagi saya, apabila penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, diharapkan maklumat ini tersebar dengan luas di dalam masyarakat kita dan dapat memberi penjelasan dan menjelaskan kedudukan yang sebenar dan tidak perlu untuk pihak-pihak yang berkeinginan tinggi menjadikan ia sebagai perkara yang tidak wajar dan tidak baik di dalam negara kita. Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Ya, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat.

Memang sebenarnya tanggungjawab untuk memperkasakan dan memartabatkan institusi perundangan Islam dan juga mahkamah syariah ini merupakan tanggungjawab kita semua sama ada orang Islam maupun bukan Islam kerana, sepertimana saya sebutkan, apabila dalam Perkara 37(1), Yang di-Pertuan Agong bersumpah dengan kalimah, "*Wallahi Wabillahi Watallahi*" untuk memelihara dan memartabatkan agama Islam, dia terikat kepada semua organ kerajaan termasuklah kehakiman, termasuklah perundangan, termasuklah legislatif. Akan tetapi, kena faham bahawa kita tidak sesekali mengambil hak ataupun mencampuri urusan orang lain, agama-agama lain yang sudah pun dijamin hak mereka dalam perundangan.

Cuma dalam konteks memartabatkan mahkamah syariah ini, sebenarnya kita melalui proses yang panjang, Tuan Yang di-Pertua. Kita bermula, kalau kita bercakap soal Akta 355 itu pada tahun 1965, waktu itu mahkamah syariah pun tidak ada lagi. Yang ada ialah mahkamah kadi, mahkamah orang-orang Islam. Perjawatan syariah pun tadi ada banyak dibangkitkan berkenaan dengan bagaimana implikasi kewangan dan sebagainya. Memang peringkat awal dulu tidak ada perjawatan hakim-hakim syarie, tidak ada perjawatan pegawai-pegawai syariah tetapi kita melaksanakan tuntutan syariah dan tuntutan Perlombagaan secara berperingkat-peringkat. Jadi sebab itulah kita mula memperkenalkan Akta Mahkamah Syariah pada 1965

dengan memberikan sedikit kuasa kepada mahkamah syariah untuk menghukum tidak melebihi denda RM1,000 dan penjara tidak lebih enam bulan.

Maka selepas 20 tahun, selepas perjawatan mula diperkenalkan oleh kerajaan, skim-skim perjawatan, latihan-latihan hakim syarie diperkenalkan, Universiti Islam Antarabangsa ditubuhkan pada tahun 1983 melahirkan ramai graduan syariah, maka baru pindaan dibuat pula pada 20 tahun selepas daripada itu iaitu pada tahun 1984 dengan memberikan kuasa tambahan kepada mahkamah syariah sepetimana hari ini. Selepas 32 tahun, maka inilah masanya untuk kita merombak atau meminda Akta 355 ini untuk membolehkan kuasa mahkamah syariah itu dinaikkan supaya tahapnya dihormati oleh sesiapa sahaja di bawah bidang kuasa mahkamah syariah tersebut. Jadi benarlah apa Yang Berhormat Senator Dr. Johari sebutkan tadi.

Yang Berhormat Dato' Fahariyah binti Md Nordin membangkitkan, pertama, berkenaan dengan keperluan untuk mewujudkan arahan amalan berkaitan dengan tindakan bersaling. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada masa ini peruntukan berkaitan dengan tindakan bersaling ini telah wujud dan ada dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri. Justeru, tidak ada keperluan untuk mengeluarkan arahan tambahan amalan berkaitan dengan penyerahan saman ataupun waran.

Berkenaan dengan isu penyelarasan undang-undang syariah di negeri-negeri, saya telah pun menyebutkan daripada awal tadi.

Berkenaan dengan pelantikan bailif swasta dengan memberikan kuasa kepada pegawai-pegawai BSK, umpamanya, dengan diberikan tauliah bailif mahkamah oleh Ketua Hakim Syarie, sebenarnya untuk pengetahuan, memang pegawai-pegawai BSK ini telah pun diberikan tauliahnya oleh Ketua Hakim Syarie untuk menjalankan kerja-kerja bailif mahkamah ini.

Begini juga dengan cadangan agar diwujudkan mahkamah keluarga khas yang dicadangkan supaya pendekatannya supaya lebih mesra keluarga dan bentuk perbicaraan tidak *rigid* dan bersifat *inquisitorial*, dengan izin, iaitu di mana hakim sendiri boleh bertanya secara terus dan soal balas kepada pihak-pihak defendant ataupun plaintiff.

Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat, unik dan istimewanya mahkamah syariah, ia bukan seperti mahkamah sivil. Mahkamah sivil memang sifatnya lebih bersifat *adversarial*. *Adversarial* ini maksudnya peguam bagi kedua-dua pihak akan membentangkan kes, barulah hakim akan membuat keputusan berdasarkan pembentangan yang dibuat. Itu *adversarial*. Akan tetapi dalam konteks mahkamah syariah, sebenarnya kedua-dua bentuk ini diguna pakai kerana dalam Islam itu sendiri pun, hakim perlu mendapatkan jaminan atau persetujuan. Contohnya dalam konteks perceraian. Jadi hakim tidak boleh hanya bertanya

kepada peguam, hakim kena bertanya *direct*, secara terus kepada kedua-dua pihak suami dan isteri yang kata nak bercerai tadi.

■1540

Jadi, ini pun memang sudah diguna pakai, termasuklah dalam konteks faraid dan sebagainya. Jadi, cadangan itu sudah tentulah cadangan yang baik, bahkan untuk ditambah baik, pihak JKSM boleh mengkaji dengan lebih teliti lagi.

Berkenaan dengan isu pegawai BSK di Wilayah Persekutuan yang tidak diberikan status tauliah sebagai Peguam Syarie. Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato', buat masa ini pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan pihak JAWI merasakan tiada keperluan lagi untuk di peringkat Wilayah Persekutuan kerana untuk pengetahuan, kita sudah ada panel peguam yang dilantik bagi mewakili pihak-pihak yang bertikai di mahkamah dan kita mempunyai dana di bawah Skim Bantuan Guaman Syarie Baitulmal.

Jadi, buat masa ini memang kita tidak memerlukan lagi untuk kita memberikan status tauliah kepada pegawai-pegawai Bahagian Sokongan Keluarga ataupun BSK di Wilayah Persekutuan. Akan tetapi mungkin cadangan Yang Berhormat ini boleh dipertimbangkan pada masa-masa akan datang. Yang Berhormat kakanda saya, Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib membangkitkan isu penyeragaman undang-undang antara negeri-negeri yang saya telah pun jawab yang sama dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad.

Saya telah menjelaskan bahawa memang apa yang kita lakukan hari ini merupakan suatu yang memang dititahkan oleh Majlis Raja-Raja. Cumanya untuk pengetahuan, Wilayah Persekutuan negeri yang terakhirlah. Sebenarnya, negeri-negeri lain sudah pun melaksanakan perintah bersaling ini. Apakah boleh atau tidak pegawai BSK dilantik sebagai penguat kuasa? Seperti mana yang sama soalan tadi, memang boleh dilantik sebagai pegawai bailif dan sebagainya. Adakah rundingan telah dibuat oleh pihak berkuasa agama dengan pihak-pihak berkuasa agama?

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, memang proses kita sebelum kita hendak meminda apa juga undang-undang, termasuklah Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam ini, kita telah berunding dan mendapatkan maklum balas daripada semua pihak. Termasuk Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, Majlis Agama Islam Negeri-negeri yang mempunyai kuasa mutlak terhadap hal ehwal yang berkaitan dengan agama Islam, termasuk juga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan pihak-pihak yang berkaitan.

Cuma dalam konteks secara prinsipnya, sudah tentu seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah sebutkan, kita berpegang kepada prinsip

*separation of powers*, dengan izin, ataupun pemisahan kuasa. Kita di Dewan ini mempunyai kuasa mutlak untuk menggubal apa juga undang-undang, sebab kita pihak Legislatif. Kita tidak perlu pun untuk bertanya kepada pihak Eksekutif tetapi amalan kebiasaan kita ialah kita mengambil *feedback* ataupun maklum balas sebelum satu-satu peruntukan undang-undang hendak dipinda ataupun hendak digubal dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty bertanya berkenaan dengan aspek pelaksanaan waran tangkap.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, melalui Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, atau Akta 560, kita ada dua seksyen, seksyen 34(1) dan seksyen 34(2). Sebenarnya, seksyen-seksyen ini memberikan kuasa kepada tiga pihak.

Pertama ialah pihak penguat kuasa agama; kedua- Ketua Polis Negara, untuk maknanya polis-polis juga boleh melaksanakan waran tangkap ini; ketiga, mana-mana pihak lain yang dinamakan oleh mahkamah untuk melaksanakan waran tersebut. Contohnya, macam pihak Kastam ataupun pihak Imigresen, kalau hendak tahan mereka di sempadan dan sebagainya. Ini pun boleh dilaksanakan melalui Akta Prosedur Jenayah Syariah ini.

Berkenaan dengan jenis-jenis jenayah yang menyebabkan mereka yang didakwa boleh ditangkap- sebenarnya, untuk pengetahuan, seksyen 2, tafsiran Akta Tatacara Jenayah sebenarnya telah memberikan suatu definisi yang jelas. Maknanya, mereka yang boleh ditahan ini secara umumnya mereka yang dihukum penjara dengan tempoh lebih daripada satu tahun. Kalau lebih daripada satu tahun ini biasanya mereka boleh ditangkap.

Contoh-contoh kesalahan termasuklah kesalahan yang berhubung dengan akidah seperti yang dibangkitkan tadi seperti pemujaan, doktrin palsu dan sebagainya. Menghina institusi-institusi agama ataupun menghina agama Islam, ini juga termasuk dalam hukuman yang dikenakan penjara lebih daripada satu tahun dan boleh ditangkap.

Termasuk juga ialah mereka yang minum arak, mereka yang terlibat dalam kesalahan khalwat ataupun kesalahan persetubuhan luar nikah ataupun menggalakkan maksiat seperti GRO-GRO- ini pun kesalahan-kesalahan yang mana jenayah yang boleh menyebabkan mereka ditangkap.

Penjelasan Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty minta kepada subseksyen 57A(4). Peruntukan ini adalah berkenaan dengan pelaksanaan dan penyampaian suatu perintah atau penghakiman yang dibuat di Mahkamah Syariah Persekutuan boleh disampaikan dan dilaksanakan kepada mana-mana orang yang berada atau dipercayai berada di dalam negeri-negeri lain.

Sebenarnya, kupasan yang tuntas tadi telah diperjelaskan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah. Saya rasa penjelasan walaupun dia hendak bertanya soalan tetapi dia sudah beri penjelasan yang cukup baik tadi.

Sebenarnya, inilah semangat perintah bersaling. Maknanya, apa juga arahan Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan, boleh dilaksanakan di luar dari Wilayah Persekutuan dan ini dapat melicinkan lagi proses keadilan yang diperlukan. Berkenaan dengan siapa yang memantau Ketua Penguat Kuasa Agama melalui pindaan seksyen 58.

Untuk pengetahuan, dalam konteks Ketua Penguatkuasa Agama ini, mereka sebenarnya bebas untuk membuat sebarang keputusan selagi mana diperuntukkan di dalam Akta 505 ini. Maknanya, kalau kita membaca dengan jelas, mereka ini, Ketua Penguatkuasa Agama ini, mereka boleh buat keputusan mengikut budi bicara dan pertimbangan mereka. Ia lebih jelas apabila perintah-perintah dalam pindaan ini kita memisahkan kuasa antara Ketua Pendakwa Syarie dengan Ketua Penguatkuasa Syarie, Ketua Penguatkuasa Syarie dengan Penguatkuasa Syarie, Ketua Pendakwa Syarie dengan Pendakwa Syarie.

Jadi, ini juga selaras dengan hasrat kita supaya institusi Mahkamah Syariah ini benar-benar dimartabatkan lebih telus dan berlakunya pemisahan kuasa agar keadilan dan kesaksamaan yang dihajatkan tadi oleh kita dapat direalisasikan.

Adakah pindaan ini dibawa kepada suatu Jawatankuasa yang dianggotai Hakim-hakim Mahkamah Syariah? Sama juga jawapan saya sebentar tadi. Secara umumnya, pihak-pihak berkaitan dengan isu pindaan ini memang kita mendapatkan maklum balas dan dirunding oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sebelum draf ini dimuktamadkan.

Akan tetapi hakikatnya seperti mana yang saya sebutkan tadi, kita mempunyai kuasa yang besar untuk tidak perlu merujuk pun, maknanya kita boleh buat undang-undang ini di Parlimen kerana itu merupakan kuasa Eksekutif diberikan dalam perlembagaan.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, bertanya berkenaan dengan apakah perintah bersaling ini boleh dicabar di mahkamah sivil? Untuk pengetahuan semua, di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 121(1A) menjelaskan dan memperuntukkan dengan jelas bahawa Mahkamah Sivil tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa juga kuasa dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Dengan kata lain, Mahkamah Sivil tidak boleh mencampuri urusan Mahkamah Syariah.

Yang Berhormat Senator Puan Shahnim binti Mohamad Yusoff bertanya berkenaan-tetapi Yang Berhormat Puan Shahnim tidak ada ya? Okey, saya jawab secara bertulislah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Boleh ya, okey.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia ada, dia ada.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Dia ada ya? Okey.

Apakah kesan terhadap kes-kes terdahulu sekiranya pindaan ini dilakukan? Untuk pengetahuan, terdapat peruntukan kekecualian dan peralihan dalam seksyen 5, Rang Undang-undang 2016 ini yang menyatakan kes-kes terdahulu tidak terbatal dan boleh diteruskan.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, apakah tindakan bersaling boleh dipanjangkan kepada kementerian dan agensi yang berkenaan?

Peruntukan mengenai tindakan bersaling adalah bertujuan untuk pelaksanaan perintah saman atau waran antara Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dengan Mahkamah Syariah di negeri-negeri lain.

#### ■1550

Ia tidak bertujuan untuk diguna pakai dalam kerjasama antara agensi-agensi. Namun, walau bagaimanapun memang hari ini pun daripada segi pentadbiran kerjasama antara agensi telah pun dan sedang berlaku antara koordinasi antara agensi-agensi yang berkaitan. Berkenaan dengan statistik kes-kes penceraian di seluruh negara, ini pun diminta oleh Yang Berhormat Puan Shahanim tadi. Berdasarkan rekod Sistem E-Syariah, statistik kes penceraian yang direkodkan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan sahaja kerana untuk pengetahuan, seperti mana yang kita tahu rekod-rekod negeri ini di bawah bidang kuasa negeri masing-masing. Jadi saya hanya boleh memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini data yang ada di Mahkamah Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Kes Penceraian
2014	4,108
2015	4,156
2016 (sehingga 7 Oktober 2016)	3,484

Statistik ini hanya melibatkan kes-kes di Wilayah Persekutuan sahaja, memandangkan statistik penceraian di negeri-negeri adalah di bawah pentadbiran Pendaftar Nikah, Cerai di negeri masing-masing. Yang Berhormat Datin Rahimah juga bertanya berkenaan dengan kekuatan pegawai Penguatkuasa Agama di Wilayah Persekutuan.

Untuk pengetahuan, pada ketika ini, bilangan ataupun pegawai Penguatkuasa Agama di Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut: di Kuala Lumpur 84 orang; di Putrajaya 22 orang; di Wilayah Persekutuan Labuan 22 orang; dan jumlah semua sekali 128 orang.

Bagaimana peluang-peluang laluan kerjaya- untuk pengetahuan daripada segi kenaikan pangkat ini, bergantung pada kekosongan jawatan dalam skim-skim tersebut.

Sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat bertanya berkenaan dengan implikasi kewangan. Adakah dengan pindaan ini, akan memberikan implikasi kewangan? Buat masa sekarang, peruntukan sedia ada boleh digunakan untuk menampung segala perbelanjaan yang berkaitan.

Yang Berhormat Puan... *[Disampuk]* Yang Berhormat Dr. Johari, ada soalan tertinggalkah?

Berkenaan dengan perjawatan-perjawatan yang diperlukan sama jugalah, maknanya dengan adanya pemisahan antara pendakwaan dan juga penguatkuasaan dengan sendirinya akan diwujudkan Jabatan Pendakwaan Syariah yang memberikan implikasi daripada segi perjawatan. Akan tetapi seperti mana yang saya sebutkan, dalam konteks ini, kita masih mampu menggunakan peruntukan yang telah diperuntukkan kepada pihak jabatan.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Ada tertinggal sedikit.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Ya, ya.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Saya tadi ada bertanya berhubung dengan- terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Dato' Dr. Asyraf.

Berhubung dengan penangkapan, jadi kita sudah sampai waran begitulah juga berhubung dengan saman. Jadi kalauolah itu kes dalam wilayah dia tidak datang, saman pun datang, waran tidak datang. Jadi, boleh kuasa tadi sampai pada penangkapan kerana dalam itu tidak dijelaskan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Ya ini harus dibaca sama sekali seperti mana yang jawapan saya yang terdahulu. Maknanya aspek penangkapan ini, penguatkuasaan boleh dilakukan oleh dengan adanya Perintah Bersaling- dia boleh dilakukan oleh mana-mana penguatkuasa di negeri-negeri selain dari Wilayah Persekutuan.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah, berkenaan dengan status tindakan bersaling kepada negeri-negeri yang tidak mempunyai peruntukan sedemikian seperti Perak dan Kedah.

Untuk pengetahuan, peruntukan tindakan bersaling telah ada di bawah seksyen 27, Enakmen Mahkamah Syariah, Kedah, 2008. Manakala Perak- peruntukan berkenaan tindakan bersaling telah ada dalam seksyen 64, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004.

Maknanya seperti mana yang saya sebutkan daripada awal tadi, semua negeri sebenarnya Wilayah Persekutuan yang terakhirlah untuk kalau pindaan ini dipersetujui semua, maka melengkaplah semua negeri telah melakukan pindaan terhadap Perintah Bersaling ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini berkenaan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari tadi, boleh ke atau akan ditangkap kalau tidak....

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Kalau ikut dalam peruntukan ini bolehlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh itu *is a derivative*, dengan izin, ‘akan’ itu akan jadi...

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Di bawah Perintah Bersaling ini Yang Berhormat..

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, dalam menepati Perintah Bersaling, dia tidak datang ikut waran dan juga itu, jadi dia akan ditangkap atau boleh ditangkap.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Dia boleh diambil tindakan maknanya termasuklah penangkapan, penguatkuasaan. Sekarang ini isunya ialah penguatkuasaan di negeri-negeri lain yang menjadi halangan kerana kita tidak ada peruntukan Perintah Bersaling tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ok, terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Berkennaan dengan...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** [Bangun] Saya mohon mencelah. Saya bersetuju dengan soalan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari itu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kalau dalam undang-undang sivil, kalau waran dikeluarkan, polis yang tangkap. Ada satu kes di Sungai Petani misal kata, tangkap di Kota Bharu dan kes itu dibawa ke tempat yang berlaku itu di Sungai Petani itu. Apa dalam undang-undang ini, perkara seperti ini boleh dilaksanakan atau tidak itu maksudnya.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Tuan Yang di-Pertua , seperti mana yang saya jelaskan tadi melalui Perintah Bersaling ini, inilah antara hasrat dan aspirasi daripada pindaan yang dilaksanakan supaya kita boleh melaksanakan undang-undang yang telah pun diputuskan oleh Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan untuk dilaksanakan di negeri-negeri lain. Berkennaan dengan Jabatan Pendakwaan Syariah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ia punya peruntukan itu memang ada kalau dibaca dengan keseluruhannya, perlu diambil tindakan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Betul. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan Jabatan Pendakwaan Syariah, seperti mana yang saya sebutkan tadi Wilayah Persekutuan merupakan negeri pertama yang mewujudkan Jabatan Pendakwaan Syariah bermula 1 November 2016 melalui waran yang telah pun diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Manakala di negeri-negeri lain bolehlah mengikut modul yang dilaksanakan oleh Wilayah Persekutuan dan mengikut mana-mana yang bersesuaian, ini terserah kepada negeri-negerilah. Maknanya dengan pindaan ini, *insya-Allah* kita, Wilayah Persekutuan akan mempeloporilah penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah dan mudah-mudahan ini akan juga diikuti oleh negeri-negeri lain. Ini akan mengangkat martabat dan juga taraf Institusi Mahkamah Syariah kita setanding dengan apa yang telah pun dilaksanakan di dalam Institusi Mahkamah Sivil...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon sedikit pencerahan, sebab saya difahamkan Wilayah Persekutuan bukannya negeri yang pertama menubuhkan Jabatan Pendakwaan Syariah tetapi negeri-negeri lain sudah pun ada. Jadi adakah saya silap faham ataupun ini fakta terbaru yang saya kena faham balik.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Setakat ini- ini jawapan yang disediakan oleh pegawai-pegawai saya. Jadi kalau ada tersilap saya akan maklumkan kemudianlah.

Berkenaan dengan Perintah Penghakiman- potongan gaji hanyalah salah satu cara penguatkuasaan. Selain daripada itu, terdapat cara-cara lain dalam konteks penguatkuasaan termasuklah saman penghutang, penghakiman, sitaan dan jualan, *hiwalah* dan juga perintah-perintah pengkomitan. Dan ini merupakan sebahagian daripada perintah-perintah penghakiman yang boleh memastikan penguatkuasaan itu dijalankan supaya hak isteri-isteri yang gantung tanpa bertali ini, seperti mana yang disebutkan oleh ramai Yang Berhormat yang lain dapat dibela dan dibantu secara adil dan saksama.

#### ■1600

Inilah merupakan sebahagian daripada usaha kita yang berterusan untuk memastikan aspek keadilan dan pengukuhan sistem dan perundangan Islam dan mahkamah syariah ini terus dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja masalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang sempat. Oh okey, ini jawapan kepada Yang Berhormat Senator Hajah Khairiah, sampai wahu.

Berkenaan dengan penubuhan jabatan pendakwaan negeri-negeri lain sebenarnya ia hanyalah dilakukan secara pentadbiran. Dia bukan melalui perundangan seperti mana yang kita

laksanakan pada hari ini. Ia dilakukan oleh tiga buah negeri, Kelantan, Terengganu dan Selangor. Jadi betullah apa yang saya sebutkan, saya tidak menceritakan perkara yang tidak betul pada Dewan yang mulia ini.

Terima kasih sekali lagi, saya rasa itu sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana sempat saya jawab. Mana perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, perkara yang banyak juga dibangkitkan tadi telah pun dicatat oleh pegawai-pegawai saya dan *insya-Allah* akan diberikan perhatian sewajarnya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang turut sama berbahas dan menyokong pindaan ini. Mudah-mudahan ini merupakan seperti mana Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari sebutkan tadi, saham-saham kita untuk kita memartabatkan institusi perundangan Islam dan Mahkamah Syariah di negara kita dan merupakan saham-saham akhirat juga untuk kita mendapatkan ganjaran pada hari kemudian, *insya-Allah*. Sekian daripada saya. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal 1 hingga 5 dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Masir Anak Kujat) dan diluluskan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN  
KEMATIAN (PINDAAN) 2016****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita memulakan dengan Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian. Saya nak mengingatkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat bahawa, ada 17 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas dalam rang undang-undang ini. So, kita hadkan kepada lima minit seorang. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**4.03 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016 dibacakan kali kedua sekarang.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tidak payah menyokong pun, terus boleh bagi hurai.

**Tuan Masir Anak Kujat:** *[Ketawa]* Tidak apa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pasal Yang Berhormat duduk saya pun sudah.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Dia ada bangun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Bagi hurai.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1967, Akta 299 merupakan suatu akta berkenaan kelahiran dan kematian yang berlaku di Malaysia dan hanya terpakai di Semenanjung Malaysia sahaja. Akta 299 ini telah berkuat kuasa pada 1 Ogos 1998 melalui penutupan tarikh permulaan kuat kuasa yang disiarkan dalam warta sebagai LM213/1998 dengan pelaksanaan dan penguatkuasaannya adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di dalam Kementerian Dalam Negeri.

Pada masa ini Akta 299 tidak memperuntukkan kuasa kepada pendaftar besar kelahiran dan kematian iaitu Ketua Pengarah Pendaftaran Negara bagi perkara-perkara seperti berikut:

- (a) pendaftaran mana-mana kelahiran dan kematian di atas pesawat, kapal atau yang melibatkan bidang kuasa negara asing;
- (b) pendaftaran anggota kematian mewujudkan daftar anggapan kematian dan pengeluaran sijil anggapan kematian; dan
- (c) kuasa untuk menyiasat, menahan, menyita dan menggeledah tanpa waran bagi kelakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta 299.

Bagi menambah baik proses kelahiran dan kematian sejajar dengan perkembangan teknologi dan transformasi perkhidmatan awam, beberapa peruntukkan telah dipinda untuk mempertingkatkan kualiti pencapaian perkhidmatan kepada rakyat. Penambah baikkan ini turut mengambil kira keperluan untuk memantapkan penguatkuasaan berkaitan pendaftaran. Sehubungan itu, peruntukkan-peruntukkan sedia ada yang perlu dipinda adalah seperti berikut:

- (a) tempoh masa pendaftaran kelahiran dan kematian;
- (b) tempoh masa perakuan kematian dan perpisahan kematian selepas *post mortem* oleh pengamal perubatan;
- (c) tempoh masa pengesahan dan pendaftaran kematian oleh Koroner atau Majistret selepas proses *inquiry* dijalankan;
- (d) pendaftaran semula bagi rekod kelahiran, kematian yang hilang atau kematian yang hilang;
- (e) kuasa pembetulan kesilapan dalam daftar oleh produk terbesar berdasarkan keputusan kesihatan atau *inquiry*;
- (f) pemerluasan kawasan daerah pendaftaran kelahiran dan kematian;
- (g) penambahbaikan jumlah penalti dalam tempoh penjara terhadap kesalahan yang berhubungan dengan pendaftaran;
- (h) kegagalan memberi maklumat atau makluman palsu dan sebagainya; dan
- (i) pemansuhan kuasa bagi pendakwaan bagi penguasa berdaftar atau pegawai yang diberi kuasa oleh pendaftar besar dan lain-lain pindaan kecil yang bersesuaian.

Pindaan akta ini juga merupakan manifestasi komitmen berterusan kerajaan dalam membaiki sistem pendaftaran sivil dan merekodkan ataupun merekodkan statistik penting di negara ini, seperti kelahiran dan kematian bagi menyusuli penerima pakaian *adoption Ministerial Declaration to “Get everyone in the picture”* oleh Malaysia semasa *Ministerial Conference on Civil Registration and Vital Statistics in Asia and the Pacific* di Bangkok pada 28 November 2014.

Tuan Yang di-Pertua, tragedi yang berlaku pada tahun 2014 kepada dua pesawat milik Malaysia Airlines System yang didaftarkan di Malaysia telah mewujudkan keperluan untuk memansuhkan peruntukan bagi membolehkan JPN mendaftarkan kematian dan anggapan kematian serta seterusnya mengeluarkan dokumen yang berkaitan kepada wakil atau waris ahli keluarga bagi kes kematian yang mana mayatnya tidak dijumpai.

Pada masa ini JPN tidak mempunyai punca kuasa bagi mendaftarkan kes sebegini dan ia mendatangkan kesukaran dalam pengurusan seperti pembahagian harta yang melibatkan kebijakan waris dan juga ahli keluarga sehingga dia terpaksa mendapatkan perintah dari mahkamah.

#### ■1610

Pindaan dalam rang undang-undang ini juga menyentuh tentang permasalahan kadar pendaftaran lewat kelahiran. Sepanjang tahun 2010 sehingga tahun 2015 sebanyak 124,762 pendaftaran lewat kelahiran telah direkodkan. Kelewatan pendaftaran kelahiran berlaku antaranya kerana sesetengah ibu bapa atau ibu tunggal yang melahirkan anak memerlukan masa untuk berpantang dan menguruskan bayi sebelum dapat hadir di hadapan pendaftaran. Oleh yang demikian, dengan mengambil kira kepelbagai situasi dan latar belakang masyarakat Malaysia pada masa kini serta bertepatan dengan polisi kerajaan mengenai tempoh cuti bersalin yang mana telah dipanjangkan kepada 90 hari, maka tempoh masa pendaftaran kelahiran sewajarnya dilanjutkan daripada 42 hari kepada 60 hari.

Dalam situasi kematian pula sewajarnya kebijakan waris dan ahli keluarga si mati ditamatkan iaitu dengan melanjutkan tempoh pendaftaran kematian daripada 24 jam kepada 7 hari bagi membolehkan semua ritual kewajipan keagamaan dan adat berkenaan dengan pengurusan kematian dilaksanakan sebelum waris atau ahli keluarga hadir ke JPN untuk proses pendaftaran kematian tersebut. JPN sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk merekodkan data dan peristiwa-peristiwa penting individu di Malaysia telah melaksanakan sistem berkomputer secara atas talian bagi pendaftaran kelahiran dan kematian semenjak tahun 1958.

Kemudahan ini telah membolehkan penerimaan permohonan pendaftaran kelahiran dan kematian dilakukan oleh semua pejabat dan cawangan JPN di Semenanjung Malaysia tanpa perlu mengehadkan kuasa-kuasa pendaftaran tertentu seperti mana yang digariskan oleh Akta 299 pada masa ini. Pelaksanaan ini bakal mengurangkan kerenah birokrasi dan menambahbaikkan peruntukan akta sedia ada yang kurang relevan dengan situasi semasa. Urusan pendaftaran kelahiran dan kematian merupakan urusan rasmi kerajaan yang melibatkan pengeluaran dokumen-dokumen keselamatan seperti Sijil Kelahiran dan Sijil Kematian dan lain-

lain yang berkaitan. Sehubungan itu, pendaftar sewajarnya diberi kuasa menyiasat, menahan, menyita dan menggeledah tanpa waran bagi mana-mana kesalahan menggunakan dokumen dan memberi keterangan palsu.

Perundangan juga wajar dikukuhkan lagi dengan menambah baik jumlah penalti daripada RM250 kepada RM20,000 serta pertambahan tempoh penjara daripada 12 bulan kepada 3 tahun dengan mengambil kira bahawa penalti yang lebih tinggi dikenakan bagi kesalahan yang serupa di bawah Akta Tatanegeara 1999. Pemerkasaan penguatkuasaan ini langkah proaktif untuk memastikan sistem pendaftaran kelahiran dan kematian dalam keadaan terkawal serta integriti data yang optimum untuk diguna pakai bagi tujuan penggubalan dasar serta perancangan ekonomi dan pembangunan negara.

Walau bagaimanapun bagi memastikan pemerkasaan penguatkuasaan ini bersesuaian dengan fungsi dan tanggungjawab JPN, kuasa menjalankan pendakwaan oleh penguasa pendaftar atau pegawai yang diberi kuasa oleh pendaftar besar telah dimansuhkan memandangkan Perkara 15, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa kuasa untuk menjalani atau menjalankan sesuatu pendakwaan telah di bawah kuasa pendakwa raya.

Secara keseluruhannya, sebanyak 25 seksyen dipinda dan 5 seksyen baru dimasukkan dalam rang undang-undang ini. Antara elemen-elemen utama di dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti yang berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan bagi permulaan kuat kuasa akta ini.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 299 untuk memasukkan takrif *Certificate of Presumed Dead* ke dalam Akta 299.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 4, Akta 299 untuk membolehkan daftar kelahiran kematian dan anggapan kematian disimpan dalam bentuk yang akan ditentukan oleh pendaftar besar. Pada masa ini daftar kelahiran, kematian dan anggapan kematian disimpan dan diselenggarakan secara manual oleh JPN. Pada masa yang sama, JPN juga turut melaksanakan daftar berpusat yang berhubungan dengan kelahiran, kematian dan anggapan kematian dalam bentuk pangkalan data komputer.

Walau bagaimanapun, JPN akan terus menyimpan dan menyelenggarakan secara manual daftar kelahiran kematian dan anggapan kematian secara pentadbiran. Berbangkit daripada pelaksanaan daftar berpusat yang berhubungan dengan kelahiran kematian dan anggapan kematian dalam bentuk pangkalan data komputer, beberapa peruntukan Akta 299 perlu dipinda, khususnya subseksyen 4(2) dan (3), subseksyen 7(1), subseksyen 18(1), seksyen 26, subseksyen 27(3), (4), dan (6), seksyen 30.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 4A, Akta 299 untuk membolehkan pendaftaran semula kematian mana-mana orang yang rekodnya atas apa-apa sebab hilang atau musnah.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 6, Akta 299 untuk memberkarkan mana-mana pegawai awam untuk memeriksa daftar dan indeks dalam melaksanakan tugasnya dengan kebenaran Pendaftar Besar. Pindaan yang dicadangkan akan memudahkan perkongsian maklumat di antara agensi-agensi kerajaan.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 7, Akta 299 subfasal 6(a)(i) bertujuan untuk meminda subseksyen 71, Akta 299 untuk membolehkan pendaftaran kelahiran tiap-tiap kanak-kanak yang lahir di Semenanjung Malaysia di mana-mana kawasan pendaftaran. Sebelum pindaan yang dicadangkan, setiap kelahiran hanya boleh didaftarkan di kawasan yang mana kelahiran itu berlaku kerana semua daftar dan indeks disimpan secara manual di Pejabat Pendaftar bagi kawasan di mana kelahiran itu berlaku.

Walau bagaimanapun dengan perlaksanaan daftar berpusat dalam bentuk pangkalan data berkomputer, semua daftar baru tidak lagi perlu disimpan secara manual oleh pendaftar. Oleh yang demikian, pendaftaran kelahiran mana-mana kanak-kanak boleh dibuat di mana-mana sahaja Penjabat Pendaftar di Semenanjung Malaysia.

Subfasal 6(b) bertujuan untuk memotong seksyen 7(3), Akta 299. Pemotongan subseksyen 3, Akta 299 bertujuan untuk menggugurkan peruntukan yang memberkarkan tulisan Cina digunakan dalam pendaftaran kelahiran seorang kanak-kanak berbangsa Cina disebabkan oleh pelaksanaan daftar berpusat dalam bentuk pangkalan data berkomputer yang hanya mengiktiraf tulisan Rumi sahaja.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 8, Akta 299 untuk melanjutkan tempoh untuk memberikan maklumat berkenaan dengan sesuatu kelahiran kepada pendaftar daripada 14 hari kepada 60 hari. Dari tahun 2003 hingga 2014, statistik menunjukkan bahawa 269,075 kes pendaftaran lewat bagi kelahiran telah direkodkan. Sehubungan dengan itu, untuk mengurangkan bilangan kes tersebut dan untuk memberikan lebih masa kepada orang yang layak untuk mendaftarkan kelahiran seorang kanak-kanak, tempoh untuk memberikan maklumat berkenaan dengan kelahiran dicadangkan untuk dilanjutkan kepada 60 hari.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 10A ke dalam Akta 299, untuk memperkatakan peruntukan khas bagi pendaftaran kelahiran. Pada masa ini terdapat keadaan pendaftaran kelahiran dibuat secara pentadbiran kerana ia tidak dapat dibuat mengikut peruntukan sedia ada Akta 299. Seperti kelahiran atas pesawat atau kapal dan yang melibatkan bidang kuasa negara asing. Justeru, pindaan yang di cadangkan ini bertujuan untuk

mengadakan peruntukan yang jelas yang berhubungan dengan kuasa Pendaftar Besar untuk mendaftarkan mana-mana kelahiran jika dia berpuas hati dengan keterangan yang dikemukakan kepadanya bahawa kelahiran itu telah berlaku.

Fasal 9 bertujuan untuk memotong seksyen 11, Akta 299. Pemotongan seksyen ini berbangkit daripada pindaan seksyen 8, Akta 299 dalam fasal 7 yang melanjutkan tempoh pemberian maklumat berkenaan dengan suatu kelahiran daripada 14 hari kepada 60 hari lagi.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 12, Akta 299. Subfasal 10(a)(i) bertujuan untuk meminda subseksyen 12(1), Akta 299 untuk memasukkan peruntukan tentang keperluan kebenaran bertulis Pendaftar Besar bagi pendaftaran sesuatu kelahiran jika pendaftaran itu dibuat selepas habis tempoh 60 hari daripada tarikh kelahiran. Pindaan yang dicadangkan berbangkit daripada pindaan seksyen 8, Akta 299 dalam fasal 7 yang melanjutkan tempoh pemberian maklumat berkenaan dengan suatu kelahiran.

Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk memasukkan peruntukan tentang keperluan kebenaran bertulis Pendaftar Besar bagi pendaftaran kelahiran seorang kanak-kanak baru lahir yang hidup yang dijumpai terdedah jika pendaftaran itu dibuat selepas habis tempoh 14 hari dari tarikh kanak-kanak itu dijumpai terdedah bagi faedah dan keselamatan kanak-kanak itu dan bukannya 42 hari sebagaimana dalam peruntukan sekarang.

## ■1620

Subfasal 10(a)(ii) bertujuan untuk meminda subseksyen 12(1), Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa pendaftaran lewat adalah tertakluk kepada apa-apa fi dan syarat yang ditetapkan oleh Menteri.

Subfasal 10(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 12(1A) ke dalam Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa Pendaftar Besar boleh mengetepikan fi yang ditetapkan bagi pendaftaran lewat, keseluruhannya atau sebahagiannya, tertakluk kepada kriteria dan syarat yang akan ditentukan oleh Menteri.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 299.

Subfasal 11(a) bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 299 untuk membolehkan kematian tiap-tiap orang yang mati di Semenanjung Malaysia didaftarkan oleh Pendaftar di mana-mana kawasan pendaftaran. Sebelum pindaan yang dicadangkan, setiap kematian hanya akan didaftarkan di kawasan di mana kematian itu berlaku kerana semua daftar dan indeks disimpan secara manual di pejabat Pendaftar bagi kawasan di mana kematian itu berlaku.

Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan daftar berpusat dalam bentuk pangkalan data komputer, semua daftar baharu tidak lagi perlu disimpan secara manual oleh Pendaftar.

Oleh yang demikian, pendaftaran kematian boleh dibuat di mana-mana pejabat Pendaftar di Semenanjung Malaysia.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 19, Akta 299 untuk melanjutkan tempoh untuk memberikan maklumat berkenaan dengan suatu kematian kepada Pendaftar daripada 12 jam kepada tujuh hari. Oleh sebab keperluan, hal keadaan, ritual, kewajipan keagamaan dan adat berkenaan dengan pengurusan kematian yang boleh menghalang orang yang layak daripada memaklumkan kematian kepada Pendaftar dalam tempoh 12 jam selepas kematian, tempoh untuk memberikan maklumat dilanjutkan kepada tujuh hari.

Tambahan pula, dari tahun 2003 hingga 2014, statistik menunjukkan bahawa 72,929 kes pendaftaran lewat bagi kematian telah direkodkan. Sehubungan dengan itu, untuk mengurangkan bilangan kes tersebut dan untuk memberikan lebih masa kepada orang yang layak untuk mendaftarkan sesuatu kematian, tempoh pemberian maklumat berkenaan dengan kematian dicadangkan untuk dilanjutkan kepada tujuh hari.

Fasal 13 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu iaitu 19A ke dalam Akta 299 untuk memperkatakan peruntukan khas bagi pendaftaran kematian ekoran daripada insiden MH17 yang kematian penumpangnya tidak dapat didaftarkan mengikut peruntukan sedia ada Akta 299. Justeru, pindaan ini dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang jelas yang berhubungan dengan kuasa Pendaftar Besar untuk mendaftarkan mana-mana kematian jika dia berpuas hati dengan keterangan yang dikemukakan kepadanya bahawa kematian itu telah berlaku.

Fasal 14 bertujuan untuk memotong seksyen 20, Akta 299. Pemotongan seksyen 20, Akta 299 berbangkit daripada pindaan seksyen 19, Akta 299 dalam fasal 12 yang melanjutkan tempoh untuk pemberian maklumat berkenaan dengan suatu kematian daripada 12 jam kepada tujuh hari.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 299.

Subfasal 15(b)(i) bertujuan untuk meminda seksyen 21, Akta 299 untuk memperuntukkan tentang keperluan kebenaran bertulis Pendaftar Besar bagi pendaftaran suatu kematian jika pendaftaran itu dibuat selepas habis tempoh tujuh hari daripada tarikh kematian atau tarikh penemuan mayat. Pindaan yang dicadangkan berbangkit daripada pindaan seksyen 19, Akta 299 dalam fasal 12 yang melanjutkan tempoh pemberian maklumat berkenaan dengan suatu kematian.

Subfasal 15(b)(iii) bertujuan untuk meminda seksyen 21, Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa pendaftaran lewat adalah tertakluk kepada apa-apa fi dan syarat yang ditetapkan oleh Menteri.

Subfasal 15(c) bertujuan untuk meminda seksyen 21, Akta 299 untuk memasukkan subseksyen baharu (2) ke dalam Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa Pendaftar Besar boleh mengetepikan fi yang ditetapkan bagi pendaftaran lewat, keseluruhannya atau sebahagiannya, tertakluk kepada kriteria dan syarat yang akan ditentukan oleh Menteri.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 22, Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa apabila mati mana-mana orang yang pada saat akhir sakitnya dirawat oleh seorang pengamal perubatan berdaftar, tempoh untuk menyerahkan perakuan kepada orang yang layak di bawah seksyen 19, Akta 299 atau kepada Pendaftar oleh pengamal perubatan berdaftar itu dilanjutkan daripada 12 jam selepas kematian kepada tujuh hari selepas kematian. Memandangkan tempoh untuk memberikan maklumat berkenaan dengan kematian kepada Pendaftar di bawah seksyen 19 dilanjutkan daripada 12 jam kepada tujuh hari dalam fasal 12, tempoh di bawah seksyen 22, Akta 299 juga dilanjutkan sama.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda seksyen 23, Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa jika pemeriksaan *post-mortem* ke atas tubuh mana-mana orang yang dibuat, tempoh untuk mengemukakan perakuan kepada Pendaftar oleh pengamal perubatan berdaftar dilanjutkan daripada 24 jam selepas selesai pemeriksaan itu kepada tujuh hari selepas selesai pemeriksaan itu. Memandangkan tempoh untuk memberikan maklumat berkenaan dengan kematian kepada Pendaftar di bawah seksyen 19 dilanjutkan daripada 12 jam kepada tujuh hari dalam fasal 12, tempoh di bawah seksyen 23, Akta 299 juga dilanjutkan sama.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda seksyen 24, Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa jika suatu inkues atau siasatan diadakan mengenai kematian mana-mana orang, tempoh untuk mengemukakan suatu perakuan kepada Pengusa Pendaftar oleh Koroner atau Majistret dilanjutkan daripada 24 jam selepas inkues atau siasatan itu tamat kepada tujuh hari selepas inkues atau siasatan itu tamat. Memandangkan tempoh untuk memberikan maklumat berkenaan dengan kematian kepada Pendaftar di bawah seksyen 19 dilanjutkan daripada 12 jam kepada tujuh hari dalam fasal 12, tempoh di bawah seksyen 24, Akta 299 juga dilanjutkan sama.

Fasal 19 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 24A, dan 24B ke dalam Akta 299. Seksyen 24A yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang telah diberikan suatu perintah berkenaan dengan anggapan kematian seseorang yang hilang di bawah mana-mana undang-undang bertulis oleh Mahkamah boleh mengemukakan perintah itu kepada Pendaftar bagi maksud mendaftarkan butir-butir anggapan kematian orang yang hilang itu.

Apabila menerima perintah itu, Pendaftar hendaklah membuat catatan dalam daftar yang mengandungi nama orang yang hilang itu dan apa-apa maklumat lain yang perlu berhubung dengan anggapan kematian orang yang hilang itu. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk menggalakkan pendaftaran anggapan kematian seseorang yang hilang apabila menerima perintah dari Mahkamah dan untuk membantu ahli keluarga dalam menguruskan perkara berkenaan dengan orang yang hilang itu dengan pengeluaran Perakuan Anggapan Kematian di bawah seksyen 24B yang dicadangkan.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda seksyen 27 Akta 299.

Subfasal 21(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu iaitu 27(3A) ke dalam Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa jika Pendaftar Besar, Pengguna Pendaftar atau Pendaftar berpuas hati bahawa daripada siasatan yang diadakan di bawah seksyen 37B wujud kesilapan fakta atau isi dalam mana-mana daftar, kesilapan fakta atau isi itu boleh dibetulkan oleh Pendaftar Besar. Peruntukan seksyen 27, Akta 299 yang sedia ada hanya membenarkan pembetulan kesilapan fakta atau isi dibuat dalam daftar apabila terdapat permohonan daripada seseorang yang menghendaki kesilapan itu dibetulkan. Pindaan yang dicadangkan akan membenarkan Pendaftar Besar untuk membetulkan apa-apa kesilapan fakta atau isi dalam daftar selepas siasatan tanpa keperluan bagi suatu permohonan dibuat bagi maksud itu.

Subfasal 21(d) bertujuan untuk memotong subseksyen 27(5), dan (6) Akta 299. Peruntukan subseksyen 27(5), Akta 299 yang membenarkan Pendaftar Besar atau Pengguna Pendaftar untuk membetulkan apa-apa tarikh atau nama tempat yang telah dicatatkan dalam bahasa Thai atau Jepun supaya selaras dengan kalender British atau nama tempat yang digunakan sebelum pendudukan Jepun atau Thai dipotong kerana tidak lagi relevan dan tidak lagi diamalkan.

#### ■1630

Fasal 23 bertujuan untuk meminda seksyen 32, Akta 299 untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran Perakuan Anggapan Kematian oleh Pendaftar.

Fasal 24 bertujuan untuk meminda seksyen 33, Akta 299 untuk memperuntukkan bahawa Perakuan Anggapan Kematian hendaklah diterima tanpa bukti selanjutnya atau bukti lain sebagai keterangan fakta dan butir-butir yang berhubungan dengan anggapan kematian.

Fasal 25, dan 26 bertujuan untuk meminda seksyen 34, dan 35, masing-masing pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk menaikkan penalti yang dikenakan ke atas kesalahan yang berhubungan dengan daftar dan kegagalan untuk memberi maklumat dan sebagainya di bawah seksyen 34, dan 35 Akta 299.

Masing-masing dengan mengambil kira bahawa penalti yang lebih tinggi dikenakan bagi kesalahan yang serupa di bawah Akta Pendaftaran Negara 1999.

Fasal 27 bertujuan untuk meminda seksyen 36, Akta 299 antara lain untuk memasukkan sesuatu kesalahan baru iaitu dengan pengetahuannya memiliki atau menggunakan Perakuan Kelahiran, Perakuan Kematian atau Perakuan Anggapan Kematian yang palsu. Pindaan dicadangkan juga bertujuan untuk menaikkan hukuman yang dikenakan bagi kesalahan di bawah seksyen itu dan memperuntukkan bahawa tiap-tiap kesalahan di bawah perenggan 36(1) (a)(b)(c)(h)(i)(j)(k)(m)(n) sebagai kesalahan boleh tangkap.

Fasal 28 bertujuan untuk memotong seksyen 37A, Akta 299 yang berhubungan dengan kuasa Pegawai Pendaftar atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pendaftar Besar untuk menjalankan pendakwaan kerana kuasa untuk menjalankan suatu pendakwaan ialah kuasa Pendakwa Raya menurut Perkara 145, Perlembagaan Persekutuan.

Fasal 29 bertujuan untuk meminda seksyen 37B, Akta 299 untuk memberi Pendaftar Besar, Pengguna Pendaftar atau Pendaftar Kuasa untuk menghendaki apa-apa dokumen diperlukan apabila perlu semasa sesuatu siasatan. Pindaan yang dicadangkan juga mengadakan peruntukan kesalahan bagi kegagalan atau keengganan mana-mana orang untuk hadir mana-mana siasatan atau untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau untuk menjawab apa-apa soalan apabila dikehendaki berbuat demikian.

Fasal 30 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 37C ke dalam Akta 299 untuk memberi Pendaftar Besar, Pengguna Pendaftar dan juga Pendaftar Kuasa untuk menyiasat kelakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta 299.

Terakhir, fasal 31 bertujuan untuk meminda seksyen 38 Akta 299 untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa untuk mengkompaun kesalahan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat sudah bagi ya dan sekarang kita hendak tanya ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat, di sini saya ada 17 Ahli Yang Berhormat hendak bercakap. Tahniah dan saya menunggu kalau ada lagi. Beri saya nama itu, saya akan daftarkan ke sini.

17 orang. Saya minta pertama sekali yang bercakap hari ini ialah Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib. Silakan.

#### 4.35 ptg.

**YM. Engku Naimah binti Engku Taib:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahim.*  
*Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan untuk saya berbahas dalam pindaan Rang Undang-undang Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan langkah kerajaan untuk memindahkan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957, Akta 299 yang merupakan akta berkenaan kelahiran dan kematian yang berlaku di Malaysia dan terpakai di Semenanjung Malaysia sahaja.

Berdasarkan akta ibu, kita dapatkan akta ini pertama, telah digubal pada tahun 1957 melalui *Ordinance No. 61 of 1957*. Akta 299 ini seterusnya mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 1958 dengan melaksanakan dan menguatkuasakan di bawah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara di Kementerian Dalam Negeri. Langkah kerajaan ini adalah tepat masanya kerana Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957, Akta 299 semenjak digubal pada tahun 1957, hanya pernah dipinda pada tahun 1983 yang berkuat kuasa pada 19 Januari 1984. Tambahan pula Akta 299 ini mempunyai pelbagai kekurangan dan kelemahan yang perlu diatasi selari dengan perubahan daripada segi komposisi penduduk dan polarisasi kaum pada masa kini termasuk kehadiran pendatang asing termasuk pendatang tanpa izin ke negara ini.

Selain itu pelbagai keadaan, kejadian dan situasi seperti tragedi MH370 dan MH17 yang memerlukan pengurusan yang lebih cekap, telus dan berkesan daripada segi pengurusan kematian dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pindaan Akta 299 ini, pertamanya saya ingin menyentuh berhubung fasal 6 yang bertujuan meminda seksyen 7, Akta 299 ini. Subfasal 6(a)(i) yang bertujuan meminda subseksyen 7(1), Akta 299 untuk membolehkan pendaftaran kelahiran setiap kanak-kanak yang lahir di Semenanjung untuk didaftarkan di mana-mana pejabat pendaftaran dan tidak sebelum ini yang mewajibkan pendaftaran hanya boleh dilakukan, mendaftar di kawasan di mana kelahiran itu berlaku.

Pindaan ini memudahkan untuk urusan pendaftaran kelahiran tanpa tertakluk pada tempat kelahiran. Langkah kerajaan melaksanakan daftar berpusat dalam bentuk pangkalan data berkomputer membolehkan pendaftaran lebih cekap dan efisien tanpa memerlukan pendaftaran dan penyimpanan data secara manual.

Bagaimanapun saya ingin mendapatkan penjelasan, apa langkah kerajaan bagi memastikan pendaftaran kelahiran yang tulen dan apakah jaminan daripada segi keselamatan maklumat yang disimpan di pangkalan data, termasuk kemungkinan berlaku pencerobohan ke atas pangkalan data? Sebelum ini telah berlaku beberapa kali pangkalan data dan laman web milik kerajaan dicerobohi. Memandangkan pendaftaran kelahiran yang begitu penting, maka aspek keselamatan ini perlu diberi perhatian yang amat serius sekali.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya merujuk kepada fasal 7 yang bertujuan meminda seksyen 8, Akta 299 bagi melanjutkan tempoh untuk melaporkan sesuatu kelahiran kepada pendaftar daripada 14 hari kepada 60 hari.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, kerajaan melaporkan dari tahun 2003 hingga 2014, terdapat lebih 260,000 kes pendaftaran lewat bagi kelahiran telah direkodkan. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah punca atau faktor yang menyebabkan pendaftaran kelahiran lewat dan berapakah jumlah pendaftaran kelahiran yang berpunca daripada kelahiran yang tidak sah taraf dan berapakah jumlah pendaftaran kelahiran oleh warga asing bagi tempoh 2005 hingga 2015?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kelewatan pendaftaran kelahiran ini, saya ingin membangkitkan isu berhubung dengan pendaftaran kelahiran yang melibatkan pasangan yang berkahwin di luar negara, antara warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia dan tidak mengesahkan perkahwinan tersebut di negara ini. Contohnya, pasangan lelaki warganegara Malaysia, manakala wanita pula warganegara Indonesia dan anak dilahirkan di Malaysia. Akibatnya apabila didaftarkan kelahiran sebelum pengesahan perkahwinan, anak berkenaan akan bertaraf warganegara seperti ibunya iaitu warganegara Indonesia.

Inilah yang menjadi masalah kepada kanak-kanak ini, tidak dibenarkan untuk memasuki persekolahan di sekolah kerajaan. Kanak-kanak ini juga tidak mempunyai pasport Indonesia kerana dilahirkan di Malaysia. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, bilangan kanak-kanak yang berstatus seperti ini dan apakah langkah kerajaan bagi menyelesaikan masalah kanak-kanak yang didaftarkan tanpa pengesahan perkahwinan kedua-dua ibu bapa ini, khususnya untuk membolehkan mereka menerima pendidikan?

#### ■1640

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah merupakan hak asasi sejagat kepada kanak-kanak tetapi akibat daripada kecuaian atau apa pun alasan ibu bapa mereka yang tidak mengesahkan perkahwinan di negara ini telah menyebabkan kanak-kanak ini terhalang dari mendapat pendidikan yang wajar dari peringkat rendah hingga menengah seperti kanak-kanak lain walaupun salah seorang dari ibu bapa mereka adalah warganegara Malaysia.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan status kanak-kanak seperti ini yang bapanya warganegara Malaysia dan ibunya warganegara Indonesia tetapi berkahwin di luar negara yang tidak mendapat pengesahan perkahwinan di Malaysia.

Bilangan kanak-kanak seperti ini saya jangka agak ramai dengan kehadiran pendatang warga asing dan berlakunya perkahwinan antara warganegara Malaysia dan warganegara asing. Kemungkinannya pasangan ini akan bernikah di luar negara seperti Thailand mahupun Indonesia. Apa yang malang ialah perkahwinan mereka ini tidak pula disahkan di negara ini.

Anak-anak yang lahir dalam keadaan ini akan menjadi mangsa kerana dihalang untuk mendapat pendidikan seperti saya kata tadi, pendidikan di sekolah kerajaan. Saya ingin mendapatkan penjelasan adakah telah menjadi dasar kerajaan tidak membenarkan kanak-kanak ini mengikuti persekolahan sekolah kerajaan dan apakah langkah kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang membela nasib kanak-kanak seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, mematuhi lima minit akhirnya sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana meminda Akta 299 ini melalui 29 fasal pindaan bagi memperkemaskan lagi akta ini supaya bersesuaian dengan kehendak masa kini. Dengan itu saya mengucapkan ribuan terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak Yang Berhormat mematuhi jangka masa. Tadi Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris.

#### **4.42 ptg.**

**Puan Hajah Rahemah binti Idris:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim.* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* Salam 1Malaysia dan salam muafakat Johor.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan dan memohon pencerahan terhadap beberapa perkara berkenaan dengan Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016 yang telah dibacakan kali kedua di Dewan Rakyat tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, pada sidang pada kali ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi; dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Nur Jazlan bin Mohamed serta pasukan Kementerian Dalam Negeri berkenaan Pindaan Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran, dan Kematian 2016 ini. Syabas dan tahniah diucapkan.

Secara keseluruhannya apabila difahami dan diamati pindaan ini kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional telah melaksana pelbagai usaha untuk kesejahteraan rakyat dari awal hingga sekarang. Sedikit demi sedikit pindaan dibuat kerana tuntutan semasa dan maslahat umum.

Namun fokus atau *refocus*, dengan izin, adalah untuk mendaya usaha yang lebih ke arah keperluan, kesejahteraan, kemakmuran, dan keselamatan rakyat terbanyak. Bersangkutan dengan itu langkah proaktif dan komitmen berterusan kerajaan meminda Akta 299 ini dengan 26 seksyen dipinda dan lima seksyen lima baru dimasukkan haruslah dipuji dan disokong.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan pindaan melanjutkan daftar kelahiran dari 42 hari kepada 60 hari. Ini bermaksud kerajaan peka dengan permasalahan kaum hawa yang terpaksa berpantang selama 40 hari selepas melahirkan anak. Ini selaras dengan polisi kerajaan yang memberikan cuti kepada wanita yang melahirkan anak selama 90 hari. Maklumlah kami kaum hawa dikehendaki melaksanakan perkara-perkara ritual yang memastikan kami sentiasa dilihat cantik pada mata yang memandang.

Di samping pelbagai faktor seperti geografi setempat yang tinggal di pedalaman, faktor semasa individu seperti ibu tinggal atau ibu tunggal yang terpaksa mengurus sendiri semua perkara termasuk prosedur pendaftaran kelahiran ini. Mengikut statistik yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri KDN semasa Dewan Rakyat yang lalu, sepanjang 2010 hingga 2015 sebanyak 124,762 orang-pendaftaran lewat kelahiran telah direkodkan.

Untuk itu saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan, yang pertama, apa kesan kepada individu yang mendaftarkan kelahiran anak-anak mereka selepas tempoh yang ditetapkan. Kedua, apakah prosedur yang wajar diambil kepada individu yang lewat daftar kelahiran anak-anak mereka? Ketiga, berapa lama jangka masa diperlukan untuk mendapatkan sijil kelahiran kepada individu yang lewat mendaftarkan kelahiran anak mereka? Keempat, apakah tindakan Jabatan Pendaftaran Negara dalam memupuk kesedaran rakyat pentingnya daftar kelahiran mengikut tempoh masa yang ditetapkan?

Menurut permasalahan seorang belia perempuan P. Parameswary berumur 21 tahun dari Taman Orkid Kuala Ketil, Baling Kedah yang hanya menerima sijil kelahiran selepas 21 tahun. Ini bermakna Parameswary ini tidak dapat melanjutkan pelajarannya dan tidak dapat menikmati haknya sebagai warganegara Malaysia selama 21 tahun. Permasalahan berkaitan ketiadaan sijil kelahiran umpamanya, “*Sudah jatuh ditimpa tangga, merintih di bumi sendiri*”. Ini kerana sijil kelahiran ini maha penting bagi individu di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perihal yang sama saya ingin menyentuh berkenaan anak tidak sah taraf. Ini kerana dalam kebanyakan kes seorang anak tidak sah taraf atau luar nikah

yang dilahirkan akan dibuang, dicampak dan diperlakukan dengan penuh tragis yang berakhir dengan kematian. Ini dilakukan bagi tujuan menutup keaiban kelahiran anak tidak sah taraf daripada pengetahuan umum. Anak tidak sah taraf ini boleh dibahagikan dengan dua kategori. Pertama, dilahirkan disebabkan oleh perbuatan sumbang oleh dua orang individu lelaki dan perempuan.

Kedua, atau disebabkan oleh individu wanita tersebut dirogol sehingga menyebabkan kelahiran anak. Dalam hal ini, terlalu banyak perkara yang di luar jangka akan berlaku seperti kes pembuangan bayi, anak-anak didera dan diperlakukan dengan penuh tragis dan sebagainya di luar batasan kemanusiaan. Amat sedikit anak tidak sah taraf ini disayangi, dibelai dan dilayan dengan baik.

Mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Negara sebanyak 159,725 pendaftaran berstatus anak tidak sah taraf dalam tempoh masa 2013 hingga 2016. Mungkin banyak lagi kes yang tidak dapat direkodkan kelahirannya kerana untuk menutup aib ibu bapa ini. Kesannya bukan kepada si pelaku ibu atau bapa tetapi kesannya kepada anak-anak tersebut. Untuk itu saya ingin memohon pencerahan daripada kementerian berkenaan berkaitan perkara itu iaitu bagaimana kaedah mendaftar kelahiran bagi anak tidak sah taraf? Siapakah yang berkelayakan untuk mendaftarkan anak-anak ini?

Ketiga bagi anak-anak yang dijumpai atau dibuang siapa yang wajar yang melaksanakan tanggungjawab mendaftarkan anak-anak ini dan apakah tindakan pihak berkaitan pendaftaran ini memudahkan prosedur pendaftaran?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyorot kembali peristiwa MH370 pada 18 Mac 2014 yang membawa 239 orang penumpang dan anak kapal sehingga kini terus menjadi misteri dan tertembaknya MH17 pada 17 Julai 2014 yang mengorbankan 238 orang penumpang dan 15 orang anak kapal.

#### ■1650

Kedua-dua tragedi ini menimbulkan keresahan dan dilema kepada keluarga dan waris yang terlibat. Pelbagai andaian, tanggapan dan spekulasi dilemparkan kepada kerajaan. Ada yang redha dengan ketentuan takdir, ada yang memuji pihak yang terbabit atas usaha yang diambil, malah ada yang mengambil kesempatan dengan mempolitikkan isu ini. Apa pun tanggapan yang dibuat, kredit perlu diberikan kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri yang telah bertungkus-lumus dan tegas dalam menyelesaikan isu ini.

Dilema yang membelenggu ahli keluarga dan waris ibarat, “*Gantung tidak bertali*”. “*Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul*.” Si isteri kehilangan suami, si suami kehilangan

isteri. Anak kehilangan bapa dan ibu. Ibu bapa kehilangan anak. Akan tetapi apakah status mereka? Kenapa tanpa surat pendaftaran kematian, tuntutan tidak boleh dibuat, insurans tidak boleh *claim*, dengan izin, pinjaman rumah dan kenderaan perlu dilunaskan. Apakah yang lebih memilukan apakah status si suami dan si isteri?

Sehubungan dengan tindakan kerajaan meminda akta ini, memasukkan peruntukan bagi Jabatan Pendaftaran Negara, mendaftarkan kes kematian dan anggapan kematian seterusnya mengeluarkan dokumen berkaitan kepada waris dan ahli keluarga bagi kes yang mana mayatnya tidak dijumpai ia membolehkan pihak yang bertanggungjawab melaksanakan tugas dengan lebih efisien dan terbimbing bila mana berhadapan dengan kes-kes sedemikian rupa pada masa hadapan. Inilah amalan Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa mendengar denyut nadi rakyat dan berkomitmen membantu menyelesaikan masalah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai konklusi, pindaan Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016 amat bertepatan dengan tuntutan hari ini. Demikian juga dengan dasar-dasar baru yang disuntik dalam rang undang-undang ini yang bertujuan untuk memperkemaskan pentadbiran, memartabatkan perundangan, menjunjung kedaulatan serta menyejahterakan nitizen.

Izinkan saya mengungkapkan peribahasa Melayu berbunyi, "*Kuat berdirinya pohon kerana akar dan kuatnya akar kerana tanah*". Untuk itu kerajaan sedia ada di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sentiasa dan akan terus memberikan khidmat dan bakti kepada rakyat agar keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang dinikmati hari ini akan berpanjangan.

Sebelum mengakhiri perbahasan ini, suka sya mengingatkan diri saya dengan ungkapan Muhammad Rasyid Ridha berbunyi, "*Marilah kita tolong-menolong pada perkara yang kita sepakati dan marilah kita saling menghargai pada perkara yang kita perselisihkan.*" Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris. Terima kasih, saya bersyukur berterima kasih. Saya minta tadi Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng.

#### **4.53 ptg**

**Tuan Chia Song Cheng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang untuk saya dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian. Saya berpendapat bahawa pindaan rang undang-undang ini adalah baik. Satu kebaikan boleh dilihat penambahan masa untuk mendaftar kelahiran daripada 14 hari

ke-60 hari. Dalam masyarakat sekarang, kelahiran anak merupakan sambutan kegembiraan kepada banyak keluarga. Seiring dengan perkembangan masyarakat dan ekonomi, keperluan dan penyediaan untuk kelahiran anak menjadi banyak dan juga padat.

Penyediaan termasuklah penyiapan hospital bersalin, penyiapan tempoh berpantang, penjagaan kesihatan dan juga kebajikan ibu yang bersalin dan juga urusan bayi serta pendaftaran dan lain-lain termasuk adat resam masing-masing di mana seluruh keluarga akan kerap untuk membantu. Contohnya dalam masyarakat Cina, kebanyakan ibu bapa berharap memberi nama yang baik untuk anak-anak mereka supaya mereka boleh membesar dan juga hidup secara baik dan juga berwibawa. Juga penamaan anak-anak merupakan adat dan juga budaya tradisi keluarga di mana keturunan beberapa generasi yang berasas dari moyang yang sama boleh mengenali sesama saudara mara melalui sistem nama keluarga dan sistem ini berasaskan dari negara China.

Tuan Yang di-Pertua, ibu bapa yang baru akan meminta panduan daripada orang tua dalam keluarga ataupun pakar-pakar yang mahir dalam adat tersebut untuk penamaan anak mereka. Semua ini belum mengira faktor-faktor fizikal yang menyumbang kepada kesusahan mendaftar kelahiran anak dalam masa 14 hari seperti jarak dan komitmen harian di mana anak mungkin dilahirkan sewaktu di luar negara atau kawasan pendalaman di mana pendaftaran dalam masa terdekat adalah susah kalau bukan mustahil. Justeru saya rasa peruntukan ini akan membolehkan semua rakyat lebih senang dalam penyiapan serta memenuhi kewajipan harian serta adat yang tersendiri untuk anak masing-masing tanpa risau akan masalah daftar lewat kelahiran.

Tuan Yang di-Pertua, penambahan masa dalam pendaftaran kelahiran juga akan mengurangkan masalah sosial yang besar dalam masyarakat yang berasaskan daripada pendaftaran lewat kelahiran.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut penerangan Yang Berhormat Menteri sepanjang tahun 2010 sehingga tahun 2015 ada sebanyak 124,762 pendaftaran lewat kelahiran direkodkan dan ini adalah mengejutkan. Setiap kes pendaftaran lewat kelahiran selain daripada membayar sesuatu *fee*, mereka juga perlulah menjalani satu proses siasatan ataupun *inquiry*, dengan izin, dari mahkamah tempatan di mana kelahiran yang berlaku mahkamah tersebut akan melaksanakan *quasi-judicial*, dengan izin, di mana saksi-saksi akan dipanggil untuk memberi keterangan dalam pembuktian kelahiran anak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi prosesnya bukan sahaja panjang tetapi juga ditanggung oleh kes-kes jenayah dan sivil yang lain yang juga dalam bidang kuasa dan tanggungjawab mahkamah dan akibat daripada kes-kes ini, terpaksalah tunggu dua hingga tiga tahun sebelum

didengar dan juga ia mungkin tidak dapat diselesaikan pada waktu itu. Dua tahun hingga tiga tahun masalah panjang untuk anak-anak yang baru lahir dan ia boleh mengubah kehidupan mereka selama-lamanya.

Untuk kebanyakan anak dengan sijil pendaftaran lewat, mereka akan gagal mendapat kad pengenalan tanpa sokongan mahkamah. Mereka juga terpaksa membayar harga mahal untuk pendidikan dan rawatan kesihatan kerana mereka dianggap bukan rakyat Malaysia walhal ibu bapa mereka warganegara.

Akan tetapi kesannya adalah lebih malang di mana anak dengan sijil pendaftaran kelahiran lewat akan menghadapi halangan dalam *social mobility*, dengan izin, dan juga terjebak dalam pelbagai masalah sosial. Jikalau anak-anak ini tidak dilihat dalam isu pendaftaran kelahiran lewat dan menerima pendidikan serta kebajikan yang lain, mereka mungkin menjadi bakal-bakal yang menyumbang kepada negara seperti doktor, peguam, guru dan juga jurutera.

#### ■1700

Tuan Yang di-Pertua, justeru penambahan masa pendaftaran kelahiran dari 14 hari ke-60 hari walaupun tidak akan menyelesaikan masalah ini secara keseluruhan tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cuba ringkaskan.

**Tuan Chia Song Cheng:** Okey, boleh. Ia akan mengurangkan kes-kes dari berlaku, mengurangkan beban mahkamah dan paling penting, ia boleh menyelamatkan beribu-ribu anak-anak pada masa hadapan dari terlibat dalam masalah tersebut. Dalam aspek ini, saya memohon menyokong pindaan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat. Saya minta kita bagi lima minit untuk mematuhi ya. Minta kerjasama, lima minit ya. Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail.

#### 5.01 ptg.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada huraian yang panjang, hanya bentuk soalan. Saya hanya hendak bertanyakan kepada kementerian. Terima kasih kerana memberikan saya sedikit ruang untuk bertanya dalam Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957. Yang Berhormat Menteri, saya hanya ada tiga soalan.

Pertama, daripada segi daftar lewat kelahiran ini, daripada segi undang-undangnya, apakah tindakan yang boleh kita ambil kepada ibu dan ayah yang lambat membuat pendaftaran? Sekiranya telah ada undang-undang, adakah ia perlu diteliti semula agar isu

daftar lewat ini tidak menjadi satu isu yang berpanjangan? Ini kerana ia menjadikan satu isu yang acap kali berlaku dan berulang-ulang. Jadi, apakah perlu kita meneliti semula undang-undang yang lebih ketat agar ibu bapa ini diberikan kesan tanggungjawab dan kesedaran yang lebih?

Soalan kedua ialah isu kelahiran anak luar nikah. Sama juga dengan beberapa persoalan awal yang diajukan oleh Yang Berhormat Senator yang lain. Pertama, saya hendak tahu ialah setakat sekarang, berapa status pendaftaran anak-anak luar nikah yang masih lagi belum selesai?

Kedua, boleh atau tidak kementerian menyatakan prosedur pendaftaran anak-anak luar nikah ini secara teliti? Saya rasa Dewan Negara kali ini kalau dinyatakan sekali lagi akan menjadi suatu yang lebih fokus kepada rakyat di luar sana untuk tahu kalau mereka berada dalam situasi tersebut.

Ketiga, apa formula penyelesaian di peringkat kementerian agar isu pendaftaran anak luar nikah ini tidak lagi menjadi isu yang berpanjangan kerana kesannya itu yang seperti kita sebut tadi, kesannya ialah kepada anak-anak yang bakal membesar ini, yang seolah-olah tidak ada asas kehidupan mereka itu tidak ada jaminan. Jadi, ini juga yang perlu dititikberatkan.

Keempat, akhirnya saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, adakah Jabatan Pendaftaran Negara ini mempunyai *link* dengan SPR daripada segi pendaftaran kematian yang mana setiap kali apabila isu pilihan raya yang timbul ialah isu pengundi yang telah meninggal masih lagi duduk dalam senarai nama daftar pemilih. Jadi, mungkin kementerian boleh nyatakan ataupun buat satu *link* khas di antara Jabatan Pendaftaran Negara dan juga SPR agar isu ini tidak timbul lagi masa pilihan raya dan kita dapat melalui pilihan raya itu dengan lebih baik.

Jadi, itu sahaja soalan saya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya ruang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Siti Aisyah, betul-betul padat. Ringkas dan padat ya. Terima kasih banyak ya. Diambil hanya dua minit sahaja itu. Sekarang kita jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff.

#### **5.04 ptg.**

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga akan mengikut langkah yang diambil oleh Yang Berhormat Puan Siti Aisyah iaitu terus kepada isinya. Jadi, sebelum saya masuk kepada dalam perkara-perkara isi ini, saya hendak bawa sikit daripada penelitian saya di bawah rang undang-undang ini, daripada *gistnya* ataupun isi utama inti

patinya adalah daripada cadangan untuk diubah daripada sistem manual kepada sistem komputer. Kedua, daripada segi tempoh masa lahir untuk dilaporkan iaitu daripada 14 hari ke-60 hari. Ketiga, tempoh masa kematian. Manual kepada komputer. Jadi, daripada segi inti pati yang telah dicadangkan oleh pihak kerajaan ini, ini amatlah bertepatan dengan sistem ataupun keadaan untuk memodenkan sistem pendaftaran negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu ini melibatkan soal kelahiran dan kematian dan ia melibatkan soal hubungan lelaki dan perempuan. Bagi saya yang bersempadan dengan negara lain iaitu perkahwinan dan juga beberapa perkara ini melibatkan warganegara Malaysia, melibatkan warganegara luar, warganegara yang bersempadan dengan Malaysia.

Jadi, ada perkahwinan rentas sempadan iaitu warga Malaysia dengan warga Malaysia dan juga ada warga Malaysia dengan bukan warga Malaysia. Ia juga melibatkan perkahwinan yang dibuat oleh warga Malaysia dan juga pendatang asing yang dibuat di sebelah sempadan. Jadi, bagi saya dari negeri Perlis ini, perkara-perkara ini telah dipermudahkan oleh Kerajaan Negeri Perlis iaitu urusan pendaftaran perkahwinan. Ini membawa kepada soal menyenangkan apabila berlakunya kelahiran anak-anak ini iaitu daripada segi dokumentasinya. Akan tetapi apa pula terjadi apabila dokumentasi yang telah dibuat ini tidak lengkap?

Apa langkah-langkah yang telah- yang akan diambil oleh pihak kerajaan daripada segi *supporting documents*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu sistem komputer ini adakah ia memerlukan sebarang *supporting documents*, dengan izin? Adakah ia sekadar kita melaporkan soal kelahiran dan kematian tanpa ada sokongan dokumen iaitu kepada- terutama kepada rakyat bukan warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya merupakan pembahas kelima daripada 17 orang, jadi saya juga akan terus kepada soalan saya. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, apa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menangani isu kanak-kanak tanpa dokumen di negara ini yang menyebabkan kanak-kanak tersebut gagal mendapat pendidikan yang sewajarnya, seterusnya terlibat dengan masalah sosial?

Kedua, apakah setiap pendaftaran kelahiran yang dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara melayakkan kanak-kanak diberi taraf sebagai warganegara Malaysia?

Akhir sekali soalannya Tuan Yang di-Pertua, adakah kanak-kanak yang dilahirkan di luar perkahwinan ataupun anak-anak luar nikah ini boleh didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara dan bagaimanakah pendaftaran kelahiran tersebut dilaksanakan?

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang saya bangkitkan iaitu tiga soalan utama yang saya bangkitkan daripada segi kita untuk menjaga kepentingan anak-anak yang tanpa ada salah dan cacat celanya mereka dilahirkan di dunia ini tetapi oleh sebab masalah yang dihadapi

oleh kedua-dua lelaki dan perempuan ataupun suami dan isteri, maka anak-anak yang tidak sah taraf ini, saya bimbang suatu masa kalau kita tidak memberi satu perlindungan kepada anak-anak tidak sah taraf ini, maka dia menjemput kepada pelbagai dan masalah ini akan bertambah dan tidak mungkin dapat diselesaikan dalam jangka masa yang pendek.

Itu sahaja yang saya hendak bahaskan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas- dan saya mengambil peluang ini untuk menyatakan sokongan saya terhadap draf- terhadap Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff, empat minit, terima kasih banyak ya. Saya minta pula Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat.

#### 5.09 ptg.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi keizinan dan juga peluang kepada saya untuk sama-sama turut mengambil bahagian di dalam berbincang berhubung dengan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini merupakan satu akta kegembiraan dan kesedihan. Gembira kerana kelahiran dan sedih kerana mati. Saya rasa dua perkara yang sentiasa berada dalam kehidupan setiap insan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun masa yang diberi lima minit setiap orang dan nampaknya masing-masing tergesa-gesa untuk menyiapkan. Akan tetapi saya tidak nampak saya berbuat demikian.

#### ■1710

Tuan Yang di-Pertua, kehidupan dan kematian atau kelahiran dan kematian merupakan dua perkara yang sentiasa berlaku dalam hidup kita. Mahu tidak mahu, itulah realitinya. Kehidupan dan kematian merupakan dua proses yang berlaku pada setiap waktu dan setiap masa untuk menguji kita adakah kita bersabar atau sebaliknya. Justeru, kita melihat perkara-perkara ini ada kait rapat dengan perundangan yang telah dibentangkan pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat daripada mula lagi bahawa tujuannya ialah untuk memperkemaskin pendaftaran kelahiran dan kematian yang telah diperuntukkan sejak sekian lama dan ia ingin diubah dan dilengkapkan dengan lebih kemas lagi dan cara pentadbir yang lebih terurus.

Namun, persoalan yang telah ditimbulkan oleh sebahagian daripada Ahli-ahli dalam Dewan ini bahawa semuanya ingin dilengkapkan dengan *computerize*. Namun, ada juga

kebimbangan dalam hal ini. Kebimbangan ialah dibimbangi takut-takut komputer kita digodam oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Ini berlaku di mana-mana negara yang maju pun. Dan kerana itu, saya yakin dan percaya walaupun kita mempunyai *backup* yang baik, namun manual itu perlu dipertimbangkan supaya dia kekal sebagai satu rekod yang kita boleh percaya daripada dahulu sehingga sekarang. Kita tidak menafikan kecanggihan yang telah dapat dicapai oleh kita dan dengan apa yang telah dilakukan, namun kadang-kadang ia terjadi tanpa disedari atau tanpa diingini oleh kita.

Saya melihat ada dua perkara yang sama di sini diberi satu keadaan yang baik iaitu pendaftaran daripada 12 jam kepada tujuh hari sama ada kelahiran dan juga kematian. Dan angka pun diberi di sini bahawa dari tahun 2003 hingga 2014, rekod kelahiran yang lewat ialah 269,075 kes. Saya ingin tahu, sebenarnya 269,075 kes ini dari beberapa kelahiran dan beberapa peratus? Kita juga ingin tahu jumlah itu.

Hal yang sama. Saya melihat juga berhubung dengan fasal 12 iaitu bahawa kelewatan untuk memaklumkan kematian iaitu sebanyak 7,929 kes dari tahun yang sama. Jadi, sebenarnya kita yang meninggal di Malaysia, di negara kita ini yang tertakluk dalam akta ini iaitu di Semenanjung, berapa ramai yang telah meninggal dalam tempoh tersebut dan beberapa peratus iaitu 7,929 ini, berapa peratus kelewatan yang telah berlaku?

Perkara yang seterusnya ialah anggapan kematian. Anggapan kematian merupakan satu tragedi yang telah berlaku baru-baru ini yang kita berdukacita dengan keadaan apa yang telah berlaku dan begitulah juga kes-kes yang tidak besar atau kes-kes kecil seperti kehilangan. Tidak kira kehilangan tadi di darat ataupun di laut. Dalam tempoh yang lama, dirasai bahawa mungkin hidup atau mati. Maka dalam hubungan ini, kita melihat pihak keluarga akan melaporkan atau membuat laporan kepada pihak berkuasa seperti polis. Maka, selama manakah kehilangan-kehilangan ini akan diberi Sijil Kematian atau sebaliknya? Selepas pencarian telah dibuat dengan berbagai-bagai usaha, selama mana ia akan dipastikan bahawa seseorang itu masih hidup ataupun telah meninggal?

Ironinya ialah semua orang yang terlibat tadi ialah kalau sekiranya dia mempunyai keluarga dan juga mempunyai harta ataupun tidak mempunyai harta tetapi keluarganya mempunyai harta, dia mempunyai hak ke atas harta ibu bapanya atau adik beradiknya atau isterinya atau suaminya dan begitulah juga sebaliknya. Kalau sekiranya status kematianya tidak dapat dipastikan, maka pembahagian pusaka atau insurans yang telah dibeli dan sebagainya, dia akan terabai dan tidak dapat diselesaikan.

Seterusnya, saya ingin mendapat kepastian dan juga pencerahan daripada pihak Yang Berhormat Menteri berhubung dengan pegawai-pegawai dan kakitangan serta pelajar tajaan

daripada kerajaan yang belajar di luar negara yang kebetulan meninggal dunia di sana. Banyak kes yang telah berlaku kepada rakyat kita. Adakah sebuah dasar oleh kerajaan bahawa semua pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di luar negara, begitulah juga pelajar-pelajar yang menjadi tajaan kerajaan kita, begitulah juga orang-orang awam akan dibawa balik ke negara kita untuk pengurusan pengebumian, adakah sebagai sebuah dasar? Sama ada dasar itu ia tertulis atau tidak, itu soal yang kedua. Akan tetapi, apa yang saya lihat di dalam masyarakat kita, sering berlaku orang-orang yang meninggal di luar negara akan dibawa pulang terutamanya ialah pegawai kakitangan kerajaan dan juga pelajar-pelajar. Saya hendak tahu, apakah ini sebagai satu buah dasar?

Bagi saya, saya melihat kalau kita merujuk kepada kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dan kita perlu lihat perkara ini secara luas di mana kalau menurut Islam, ada tiga perkara yang perlu- semua keadaan kita dalam hidup ini perlu kita buat dengan tenang dan bercermat kecuali tiga perkara sahaja yang perlu disegerakan.

Pertama, apabila meninggal, perlu diuruskan dengan segera, dikebumikan dengan segera. Jangan tangguh dan jangan dilewat-lewatkan kecuali ada halangan-halangan tertentu seperti masalah jenayah atau sebagainya untuk pembedahan post-mortem dan sebagainya. Yang kedua, askar yang berjalan untuk ke medan perang, perlu berjalan dengan cepat dan tangkas. Dan begitulah juga orang yang mempunyai jodoh, perlu kahwin cepat. Tiga perkara sahaja perlu cepat, yang lain perlu tenang.

Berhubung dengan kematian, apabila kita membawa balik jenazah yang berada di luar negara, ia akan mengambil masa berhari-hari. Ia adalah bertentangan dengan anjuran Islam supaya menyegerakan pengebumian itu. Kalau kita tengok pun para nabi, mereka dikebumikan di mana mereka meninggal, tidak perlu dibawa balik. Kecuali dalam kes-kes seperti yang- kes-kes terpencil.

Jadi, apakah kita akan melakukan hal itu sebagai satu- walaupun tidak tertulis tetapi semacam ada begitu? Kalau kita bawa balik pun, ingin mengebumikan mereka, sedangkan di mana-mana pun di bumi ini boleh kita mengebumikan asal sahaja tempat itu menerima kita dan tak ada masalah.

Hal yang sama kalau perkara ini berlaku di negara kita pun, Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat ramai orang yang tinggal di Kuala Lumpur, anak-anaknya juga tinggal di Kuala Lumpur, apabila meninggal dunia di Kuala Lumpur, bawa balik ke negeri masing-masing. Ini satu trend. Lainlah kalau sekiranya Kuala Lumpur itu tak ada dah untuk menerima dia untuk dikebumikan.

Bagi saya, perkara ini perlu kita perjelaskan kepada masyarakat. Kalau boleh, tidak menyusahkan mayat itu untuk dipindahkan dari satu buah tempat ke satu buah tempat dengan

mengambil masa yang lama dan bawa pulang hanyalah semata-mata untuk dikebumikan. Inilah perlu difikirkan dengan sebaik-baiknya. Kerana itulah, bagi saya, dalam hal-hal seperti ini, maka kita melihat kemudahan-kemudahan ini perlu ditingkatkan.

**■1720**

Kemudian, saya hendak tanya pihak kementerian dengan mengambil kira memanjangkan masa untuk membuat laporan kelahiran dan kematian ini. Adakah dengan memberi tempoh yang lebih lama untuk membuat laporan ini akan dapat mengatasi masalah kelewatan seperti yang telah berlaku? Ini kerana pada pandangan penyelidik dan pengkaji, manusia ini tabiat dia semacam sahaja. Kalau beri lama pun dia akan tarik lama lagi kerana itulah saya menyambut baik tindakan-tindakan daripada segi undang-undang...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Apabila tidak membuat pendaftaran apabila cukup waktu yang telah ditentukan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Agak panjang sedikit. Saya pun tidak tahu dan di atas yang lebih itu, saya mohon maaf. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Sekarang, dijemput Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Manakah dia?

**5.21 ptg.**

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap mengenai kelahiran, pendaftaran dan kematian.

Tuan Yang di-Pertua, saya kena bercakap kes ini sebab saya berada di sempadan dan kes-kes ini memang banyak. Kalau di Rantau Panjang itu banyak, ada yang kahwin perempuan Thai, yang tidak ada IC, yang lelaki ini ada IC, ada kad pengenalan. Kemudian bila kahwin dapat anak, bila dapat anak itu tidak daftar lagi sampai anak lima orang tidak ada IC.

Jadi, saya hendak tanya Kementerian Dalam Negeri, bila sudah sampai 30 tahun berada di Malaysia, sampai sekarang anak dia itu bila hendak sampai umur 17 tahun, bila sampai hendak masuk universiti, tidak boleh masuk sudah. Kita hendak peraku untuk masuk universiti tidak boleh sudah sebab tidak ada IC. Jadi, saya hendak minta pandangan KDN, apakah statusnya? Cara mana hendak dapat, hendak buat IC nya?

Kedua, isteri dia ini orang Thailand, sudah 30 tahun di sini, dapat IC merah. Bila tanya saya bila hendak dapat IC biru itu, pergi ke Jabatan Pendaftaran Kota Bharu pun tidak dapat buat IC dia. Jadi, saya hendak tahu, berapa lama ataupun perlu mati di sini baru dapat IC atau

macam mana? Ini KDN kena jawab sebab hari-hari benda ini, kes ini, kalau pergi ke pejabat saya, saya pun pening kepala. Sebab ini bukan macam hendak temu duga jawatan. Ini melibatkan *legal*, undang-undang. Jadi, kalau saya minta Pegawai Pendaftaran Pasir Mas pun, dia tidak tahu hendak jawab.

Ketiga, yang IC merah, IC biru ini, saya hendak KDN jelaskan IC merah, IC biru ini sebab ramai sangat IC merah, IC biru ini, berapa lama syarat tempoh dia hendak dapatkan IC biru, yang merah ini, yang hijau ini macam mana? Jadi benda ini berlegar kebanyakannya di Rantau Panjang sebab ia sempadan, *boundary*.

Kemudian yang ketiga, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, ada yang memelihara anak angkat dari Thailand. Belajar ini, sekolah, masuk Darjah 1, Darjah 2 sampai Tingkatan 5 tidak boleh ambil *exam* sebab tidak ada IC.

Jadi, apa caranya supaya anak ini dapat ambil SPM dengan menggunakan tidak kiralah dokumen apa-apa, yang *valid*, dengan izin, untuk membolehkan pelajar ini mengambil peperiksaan. Jadi benda ini memang banyak. Hari-hari banyak datang ke pejabat untuk menyelesaikan, bertanyakan masalah ini dan saya minta kementerian beri penjelasan supaya senang saya dapat jawab, menyelesaikan masalah ini, lebih-lebih lagi tahun depan kita hendak pilihan raya. Kalau dapat keluarkan IC cepat, IC biru, mungkin dia dapat undi Barisan Nasional. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Saya jemput juga Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya.

## 5.26 ptg.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.*  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua...

*Tuan Yang di-Pertua, segak bergaya,  
 Nampak tua, tetapi ceria gembira,  
 Terima kasih peluang diberi kepada saya,  
 Berbahas demi kepentingan negara.*

Itu pantun untuk Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tahniah.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Dia juga yang mengajar saya dulu Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya untuk sama-sama turut serta berbahas Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016.

Saya terus hendak pergi kepada seksyen 24A dan 24B, fasal 19. Ini merupakan satu seksyen yang baru dimasukkan tetapi sebelum itu, saya hendak sebut fasal peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam negara kita yang ada hubung-kait dengan rang undang-undang yang kita bincangkan pada hari ini.

Pertamanya, soal MH370 yang penumpangnya pada waktu itu lebih kurang dalam 239 orang penumpang dan rakyat Malaysia nya terdiri daripada 50 orang yang berada di dalam MH370. Sebagaimana semua orang tahu, seluruh rakyat negara digemparkan dengan peristiwa ini, MH370 hilang, lenyap entah ke mana tetapi di akhir babaknya, Yang Amat Berhormat Presiden parti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan apabila mendapat berita ataupun kenyataan daripada media dan sebagainya menurut badan siasatan kemalangan udara *United Kingdom*, AAIB dan Inmarsat, katanya MH370 hilang di Lautan Hindi.

Jadi dalam soal ini, saya hendak ajukan beberapa soalan kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat penjelasan tentang kedudukan penumpang-penumpang yang malang sebab saya kira kalau ia berlarutan, berterusan, kita bimbang apa akan jadi pada keluarga. Yang meninggal itu yang pergi tetap sudah pergi tetapi keluarga yang berada untuk menguruskan segala macam kehidupan yang ditinggalkan oleh suami yang ditinggalkan oleh isteri, sudah tentu amat sukar.

Jadi soalan saya, yang pertamanya, apakah faktor penyebab agensi mengeluarkan sijil anggapan kematian sedangkan mahkamah telah mengeluarkan perintah anggapan kematian? Keduanya, setakat ini, berapakah jumlah perintah anggapan kematian dari mahkamah yang telah dikemaskinikan oleh JPN sebelum pindaan Akta 299 ini dilakukan? Ketiganya, adakah kerajaan menerima perintah anggapan kematian dari Mahkamah Sivil sahaja dan apakah JPN turut menerima perintah mahkamah dari Mahkamah Syariah?

Itu tiga soalan.

#### ■1730

Saya hendak pergi kepada seksyen 34, 35 dan 36 iaitu yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi masa pembentangan untuk menaikkan atau meningkatkan penalti. Sebagaimana yang kita tahu selama ini penalti yang dikenakan kepada mereka yang memberi maklumat palsu dan sebagainya ke Jabatan Perdana Menteri hanya RM250. Akan tetapi dalam hujahan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, Yang Berhormat Menteri tidak beritahu kepada kita berapa sebenarnya yang perlu dinaikkan, yang perlu dikenakan penalti kepada mereka seperti mana yang saya sebut sebentar tadi. Saya kira langkah ini amat bijak, langkah ini amat berpatutan kerana situasi hari ini banyak di dalam negara berlaku perkara-perkara yang saya sebut sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita hendak sebut fasal orang hilang ini, banyak yang berlaku sampai tujuh, lapan tahun, 20 tahun pun masih belum selesai. Kes-kes seperti Sosilawati yang hilang, yang tidak tahu ke mana. Walaupun dicaj di mahkamah walaupun dibawa ke mahkamah tetapi badan tubuh yang meninggal itu tidak ada.

Jadi apa tindakan sebenarnya? Sosilawati meninggalkan harta yang begitu banyak tetapi bagaimana pengurusan ahli keluarganya? Juga baru-baru ini macam kes di Pulau Pinang, seorang pengguna jalan raya dengan kereta lalu dihempap oleh kren yang hilang. Bomba cari pun tidak jumpa. Inilah perkara-perkara yang harus kita pinda, kita ubahsuai dalam rang undang-undang ini supaya ia dapat jelas daripada segi penerimaan keluarga dan sebagainya. Jadi harapan saya semoga rang undang-undang ini memberi manfaat yang besar kepada seluruh rakyat.

Saya mengambil kesempatan pada petang ini untuk merakamkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri kerana satu usaha yang baik untuk memindahkan Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016. Saat kelahiran tadi Abang Lah dok cerita soal kelahiran. Abang Lah cerita kelahiran, hendak ambil SPM tidak boleh. Kenapakah pula hendak ambil SPM tidak boleh?

Patutnya daripada Darjah 1 tidak boleh masuk sekolah sudah. Ini sebab Sijil Kelahiran tidak ada. Mak dan ayah, ayah di Malaysia, emak di Thailand. Sudah tentulah daripada segi untuk mengeluarkan Sijil Kelahiran amat sukar, hendak pula kalau dilahirkan di Thailand, dan cari makan di Malaysia. Sudah tentu pelajaran anak-anak akan dimasukkan di sekolah-sekolah yang berada di Malaysia. Saya tidak tahu Abang Lah ini ada juga di sebelah sana. Mungkin ada dua, tiga orang di sebelah sana...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Jadi itulah serba sedikit yang hendak saya utarakan sebab masa tidak berapa panjang yang diarahkan oleh Tuan Yang di-Pertua, hanya lima minit seorang. Ini sebab hari ini saya dikhaskan lebih kurang dalam 18 orang untuk berbahas sehingga selesai. Kalau tidak selesai kita agak-agak dalam pukul 6, pukul 7 boleh selesai, nampak gayanya pukul 10 pun kita tidak balik lagi. Jadi terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya. Saya dengan rasa sangat teruja dengan rasa sangat berpuas hati saya turut sama menyokong Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, terima kasih. Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin.

### 5.35 ptg.

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahi Rahmaanir Rahiim*. Saya dengan ini turut sama membahaskan Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016. Jadi saya ingat saya pun terus ambil masa lima minit Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya- mengikut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik, jadi kelahiran yang dicatatkan dari tahun ke tahun dan juga kematian terus meningkat.

Dengan penambahan kelahiran dan kematian setiap tahun di Malaysia dan kematian ini, maka kementerian tidak lagi boleh mengekalkan prosedur lama iaitu memerlukan pendaftaran secara manual. Dalam seiring dengan era digital ketika ini, jadi saya amat-amat menyokong sekali kerana secara tidak langsung akan membantu kerajaan pada masa kini dan masa akan datang. Untuk kita dapat melihat kembali terutama pihak waris untuk mengemas kini ataupun melihat semula mereka yang telah pun pergi dan juga mereka yang baru lahir.

Cuma persoalan saya di sini, saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan jumlah ataupun mangsa MH370 yang telah pun dikeluarkan Sijil Kematian oleh Jabatan Pendaftaran Negara setakat ini. Berapakah tempoh yang telah diambil oleh JPN untuk mengeluarkan sijil tersebut? Kemudian yang kedua, berkenaan dengan insiden MH17 yang kematian penumpangnya tidak dapat didaftarkan mengikut peruntukan sedia ada. Mengikut peruntukan sedia ada iaitu Akta 299.

Jadi saya ingin mendapatkan maklumat berkenaan perkara ini. Apakah kesukaran yang terpaksa yang dihadapi oleh JPN dalam mengeluarkan Sijil Kematian kepada mangsa MH17 sebelum adanya pindaan kepada akta ini dibuat? Adakah kesemua waris mangsa telah pun diberikan Sijil Kematian sehingga kini?

Ketiga ialah berkenaan pendedahan mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Negara, pendedahan berkenaan bahawa hampir 159,725 kelahiran anak luar nikah atau tidak sah taraf didaftarkan di seluruh negara bagi tempoh tiga tahun bermula tahun 2013. Ini merupakan satu jumlah yang agak membimbangkan. Jadi saya mohon kepada penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Jumlah permohonan Sijil Kelahiran daripada kelahiran anak luar nikah, sama ada permohonannya ditolak ataupun diluluskan bagi tempoh yang sama di seluruh Malaysia?

Kedua, bagaimana JPN menilai dan meluluskan permohonan daripada kes seperti ini yang lahir bukan di klinik mahupun hospital seperti contoh melahirkan bayi di rumah, sekolah dan sebagainya? Saya sangat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff tadi berkenaan dengan ada di kalangan para pelajar kita di sekolah yang

anak-anak mereka ini apabila guru-guru mendaftarkan anak-anak ini mereka tidak mempunyai bin bapa. Maksudnya sebelum ini kita tahu kalau dia tidak mempunyai bapa maka akan dinamakan contohnya Samad bin Abdullah, Rahim bin Abdullah dan sebagainya. Jadi kita tahu bahawa anak ini tidak mempunyai ayah dan dia dilahirkan di luar, tidak sama taraf.

Akan tetapi selepas itu kita lihat di sekolah ramai guru-guru yang melaporkan bahawa anak-anak ini didaftarkan tidak pun mempunyai bin cuma namanya sahaja. Contohnya Zakaria tidak ada bin ataupun Ahmad tidak ada bin. Jadi sini menunjukkan bahawa anak-anak ini secara tidak langsung akan mendedahkan diri mereka kepada bahawa masyarakat termasuklah rakan-rakan mereka di sekolah mengetahui bahawa anak ini anak yang tidak sama taraf, yang tidak sah. Secara tidak langsung apabila mereka membesar lebih-lebih lagi apabila masuk ke sekolah menengah dan universiti. Maka sudah pasti mereka ini akan disindir ataupun diejek oleh rakan-rakan mereka yang lain kerana bukan kesalahan daripada mereka. Akan tetapi kesalahan daripada mungkin ibu bapa mereka ketika itu tetapi natijah dan kesannya adalah ditanggung oleh anak-anak ini.

Saya ingin dapatkan penjelasan daripada pihak Jabatan Pendaftaran Negara ataupun mungkin mengikut hukum syarak adakah dibolehkan meletakkan nama bin Abdullah ataupun nama sahaja. Ini kerana yang ini kita hendakkan supaya ia diketahui oleh masyarakat supaya kita tidak hendak anak ini bila masuk universiti nanti ataupun apabila mereka berjumpa dengan teman kekasih yang hendak berkahwin dengan mereka suatu hari nanti. Kesannya kekasih tengok muka lawa, orangnya cerdik pandai bila senyum ayu, apabila berborak, aduh kita tidak boleh lupa.

#### ■1740

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Ya.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Boleh saya mencelah?

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Boleh, boleh.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu ini bagi saya sangat ketara dan sangat tidak disenangi di peringkat akar umbi. Isunya ialah sekarang ini kalau kita perhatikan dahulu, anak tidak sah taraf dia bin atau binti Abdullah. Sekarang ini kosong sahaja. Jadi cuba kita bayangkan kalaular kata abangnya begitu, sampai adik, adik, adik lagi ada bin ataupun binti Abu Bakar katalah begitu.

Jadi saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat. Apa kata kalau kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara lihat format Sijil Kelahiran ini dan betulkan balik supaya

masyarakat tidak payah tahu status anak itu tetapi data itu ada di peringkat kementerian. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, terima kasih. Cuba ringkaskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Saya hendak minta mencelah juga Tuan Yang di-Pertua. Boleh Tuan Yang di-Pertua? Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tidak berminat juga bin Abdullah saya tahu hamba Allah. saya pun bin Abdullah. Adik-adik saya, kakak saya pun bin Abdullah. Jadi adakah kami ini juga dikategorikan sebagai tidak mempunyai bapa.

Jadi kita kena cari satu pendekatan lain supaya bin Abdullah ini, hamba Allah dan Abdullah ini memang banyak dipakai oleh orang-orang kita. Jadi pendekatan lain. Saya hendak bertanya juga hendak tumpang tanya dengan Yang Berhormat, adakah kerajaan akan mencari pendekatan untuk yang ada bin atau binti Abdullah ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila ringkaskan Yang Berhormat.

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat yang bertanya. Saya amat berbesar hati kerana kedua-duanya adalah otai yang hebat dalam Dewan ini apabila dia mencelah saya rasa amat berterima kasih. Jadi sebenarnya saya mungkin boleh rujuk kepada pihak JPN.

Kemudian yang kedua, saya ingat bolehlah rujuk dengan pihak agama, mufti dan sebagainya. Ini kerana saya lihat melibatkan mungkin hukum daripada segi agama. Terima kasih. Jadi saya ingat selepas ini mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Jadi seterusnya saya pergi ke perkara yang seterusnya bersetuju dengan fasal 25 dan fasal 26 meminda seksyen 34 menaikkan penalti yang dikenakan ke atas kesalahan berhubung dengan daftar dan kegagalan untuk memberikan maklumat dan sebagainya.

Saya dimaklumkan denda kepada mereka yang gagal mendaftar kelahiran atau kematian akan dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM20,000 dan penjara dari 12 bulan kepada tiga tahun setelah pindaan akta ini dikuatkuasakan kelak. Saya setuju jika kita lihat dalam akta ini tempoh pendaftaran lewat kelahiran telah pun dilanjutkan dari 42 hari kepada 60 hari. Juga ketika ini pelbagai langkah yang telah diambil JPN dalam memastikan khasnya penduduk luar bandar mendaftarkan kelahiran anak mereka dengan menyediakan kemudahan *mobile* bergerak bagi mendaftarkan mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian untuk diluluskan dan saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin. Kita jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh.

#### 5.44 ptg.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya tengok masa pun sudah singkat, sudah hendak pukul enam. Jadi ramai yang sudah bersuara. Jadi saya satu sahaja perkara yang hendak dibahaskan atau memberi soalan kepada Kementerian Dalam Negeri bahagian Jabatan Pendaftaran Negara.

Jadi macam Tok Lah cakap, macam Tok Lah ini memang sepadan dan juga sahabat saya ini Tuan Ramli bin Shariff di Perlis pun sempadan negeri Thailand. Jadi soalan saya, kes tentang dokumen palsu kelahiran dan juga kematian. Kes-kes pendaftaran kelahiran palsu menyebabkan kanak-kanak dan keluarga menjadi mangsa kepada sindiket pemalsuan dokumen. Adakah pendaftaran semula kelahiran dibenarkan di bawah rang undang-undang ini bagi kes-kes sebegini? Jika tidak, adakah kerajaan mempunyai penyelesaian yang sesuai kepada masalah tersebut?

Soalan yang kedua, mengapa hukuman penjara macam Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin juga sebut tadi, mengapakah hukuman penjara dan denda yang dikenakan ke atas pesalah di bawah akta ini dinaikkan sehingga tiga kali ganda berbanding sebelumnya? Adakah langkah-langkah ini dapat memastikan jumlah kes pemalsuan dokumen dapat dicegah? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh. Saya jemput sekarang pula Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul.

#### 5.46 ptg.

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih diberi peluang untuk berbahas Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016.

Saya ingin mengutarakan hanya beberapa isu yang rakan-rakan belum sentuh khususnya bagi negeri Sabah iaitu negeri Sabah sentiasa memberi cabaran pada Jabatan Pendaftaran Negara terutama berhubung kait dengan urusan pendaftaran.

Ini disebabkan Sabah muka buminya luas, ada kawasan yang tidak ada akses jalan yang sempurna dan memang memberi cabaran kepada pegawai-pegawai kementerian dalam menjalankan tugas mereka dalam negeri Sabah. Saya masih ingat satu ketika apabila kerajaan menjalankan dasar penukaran kad pengenalan lama kepada *MyKad*, ramai pegawai dari

Jabatan Pendaftaran turun padang terutamanya dari Semenanjung sanggup meredah sungai, masuk hutan demi menjalankan tugas untuk rakyat Sabah.

Tahniah saya ucapkan. Soalan saya yang pertama berapa ramai pegawai JPN yang bertugas di Sabah dan pecahan mereka yang berasal dari negeri Sabah? Berapa ramaikah pegawai dari Semenanjung Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, apabila melihat rang undang-undang ini dan menelitinya, saya mendapati ada peruntukan mengenai pangkalan data berkomputer. Ini terkandung dalam fasal 6 di mana pendaftaran kelahiran setiap kanak-kanak yang lahir di Semenanjung Malaysia di mana kawasan pendaftaran serta pelaksanaan daftar berpusat dalam bentuk pangkalan dan data berkomputer.

Saya sebenarnya hairan dengan pindaan ini kerana tidak disebut pula mengenai negeri Sabah. Adakah rang undang-undang ini juga termaktub bagi negeri Sabah dan Sarawak? Seperti semua tahu, Sabah ada enakmennya tersendiri tetapi saya juga ingin tahu daripada segi pelaksanaannya bagaimana bentuk dan kaedah pelaksanaan bagi negeri Sabah?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya telah disentuh mengenai masalah anak luar nikah dan anak yang tidak sah taraf. Bagaimanakah pelaksanaan rang undang-undang ini daripada segi pendaftaran dalam negara ini? Saya juga ingin tahu statistik terkini yang melibatkan anak-anak dalam kategori ini seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita tahu dalam perbahasan yang baru-baru ini saya telah utarakan mengenai dalam borang-borang rasmi kerajaan menyatakan terletak lain-lain. Terma lain-lain ini kadang-kadang ia telah disalahtafsirkan oleh masyarakat dari Sabah dan Sarawak dan seolah-olah kita tidak wujud.

Jadi pada pendapat saya, kita juga mengusulkan supaya perkataan Momogun sebagai terma generik yang digunakan oleh orang-orang asal dari Sabah untuk menggantikan perkataan lain-lain dalam borang-borang rasmi kerajaan dan juga dalam statistik nasional.

#### ■1750

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 6 ada menyebut mengenai peruntukan menggugurkan tulisan Cina dalam pendaftaran kelahiran seorang kanak-kanak berbangsa Cina dan digunakan sepenuhnya bahasa kebangsaan. Masyarakat Cina juga terdapat di negeri Sabah. Kadangkala dalam tulisan Cina ini, membawa konotasi bermakna yang berbeza sekiranya ditulis dalam tulisan rumi. Bunyi sebutan nama dalam bahasa Cina agak berbeza sekiranya ditulis dalam tulisan rumi. Saya ingin juga menyuarakan keimbangan saya sekiranya berlaku ketidakseragaman daripada segi perkataan antara pegawai-pegawai yang bertugas. Ini kerana majoriti pegawai JPN adalah daripada bangsa Melayu dan bumiputera.

Soalan saya, adakah kementerian mempunyai pegawai-pegawai yang sesuai dalam mengendalikan masalah ini dan adakah mereka ini diberi bentuk latihan yang sesuai mengenai bagaimana untuk mentafsir tulisan Cina?

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja perkara yang saya ingin sentuh mengenai rang undang-undang ini. Saya dengan ini mohon menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas, terima kasih banyak. Diminta pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus, silakan.

### 5.51 ptg.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih diucapkan ke atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut sama bangun dan berbahas Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 2016 ini.

Tuan Yang di-Pertua, ringkas sahaja ucapan saya. Saya sebenarnya terpanggil mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini memandangkan banyak isu yang timbul akibat kelewat dan penangguhan mendaftarkan kelahiran dan yang menjadi mangsanya ialah anak-anak berkenaan. Di Sabah atau Labuan dan di sesetengah kawasan terpencil di Semenanjung, bila berlaku kelahiran, bapa dan penjaga terpaksa pergi ke pejabat pendaftaran berdekatan yang biasanya terdapat di bandar-bandar utama dan ini memerlukan kos yang tinggi serta masa yang panjang.

Ini memberi kesukaran kepada bapa dan penjaga. Maka, wujudnya kes di mana anak itu sengaja dilewatkan untuk didaftarkan. Malah tidak didaftarkan langsung atas alasan jauh dan kurang pengetahuan akan prosesnya. Namun, saya memberi pujian pembentangan rang undang-undang ini kerana jika sebelum ini tempoh pendaftaran lewat kelahiran akan dilanjutkan dari 42 hari kepada 60 hari bagi memberi peluang kepada ibu bapa atau ibu tunggal berpantang dan menguruskan bayi sebelum hadir di hadapan pendaftar kelahiran. Langkah ini dilakukan selepas mengambil kira kepelbagai situasi dan latar belakang masyarakat Malaysia pada masa kini serta bertepatan dengan polisi kerajaan yang telah melanjutkan cuti bersalin kepada 90 hari.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin juga saya boleh memberi cadangan agar ini kawasan terpencil mungkin pegawai daripada jabatan pendaftaran selalu dengan kerjasama dari klinik tempatan mempunyai statistik akan tarikh kelahiran dan boleh turun padang membantu proses pendaftaran bayi dan turun padang di samping mengemaskinikan statistik yang ada demi masa

depan rakyat kita sekalian. Kita tidak mahu kanak-kanak tersebut menjadi *stateless*, dengan izin, dan dinafikan hak mereka bila mahu bersekolah. Kebanyakan mereka ini kaum bumiputera.

Saya turut ingin membangkitkan isu pengeluaran Sijil Kelahiran kepada bayi bukan warganegara yang dilahirkan di negara kita, termasuk Labuan. Saya ada bertanya hal ini kepada beberapa orang doktor di kawasan saya sendiri akan kewajaran mengeluarkan Sijil Kelahiran kepada bayi bukan warganegara. Jawapannya ialah untuk merekodkan kelahiran semata-mata dan bukan langkah memberi taraf penduduk tetap atau PR kepada bayi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan mahu menzalimi atau menekan golongan ini tetapi mungkin kementerian mempunyai mekanisme lain yang lebih baik dalam merekodkan kelahiran bayi bukan warganegara Malaysia.

Di Sabah atau Labuan, kes kelahiran bayi seperti ini terlalu kerap, malah sukar dibezakan mana yang warganegara dan mana yang bukan warganegara. Rupa paras dilihat pada ibu bapa juga seolah-olah rakyat Malaysia walaupun hakikat mereka ini pendatang asing tanpa izin.

Soalan saya, adakah kementerian mempunyai statistik berapakah jumlah pengeluaran sijil kelahiran kepada bayi bukan warganegara ini dalam 5 tahun kebelakangan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu ialah bil hospital yang tinggi yang tidak mampu dibayar oleh bukan warganegara yang melahirkan anak di hospital kerajaan. Di tempat saya, kira-kira RM250,000 yang belum dijelaskan pada enam bulan tahun ini sahaja. Mereka ini kena bayar kos penuh tetapi ramai yang tidak mampu menjelaskan bil menyebabkan hospital kita mengalami masalah.

Soalan saya, adakah kementerian turut mempunyai statistik jumlah terkini bil hospital tertunggak ekoran bil yang gagal dijelaskan oleh golongan itu? Hari ini kerap kali kita dengar kes buang bayi, meninggalkan bayi yang masih hidup di tempat-tempat awam seperti gagal mendaftar kematian. Bagi saya, ini merupakan satu bentuk jenayah yang perlu diberi hukuman setimpal...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cuba ringkaskan.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Dalam rang undang-undang, saya difahamkan denda bagi mereka yang gagal mendaftar kelahiran atau kematian akan dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM20,000 dan penjara dari 12 bulan kepada 3 tahun. Saya ringkaskan.

Isu terakhir ialah isu berkaitan jika berlaku kematian daripada kalangan PATI. Saya terpanggil untuk meminta pencerahan dalam Dewan yang mulia ini, benarkah jenazah mereka ini tidak dibenarkan dikebumikan di negara ini jika tidak memiliki MyKad yang sah? Saya ada

dengar pelbagai komen dalam isu ini dan hari ini saya mohon jawapan daripada pihak Yang Berhormat Menteri sendiri. Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

■1800

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Yunus. Sekarang saya minta pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Harun.

**6.00 ptg.**

**Puan Hajah Azizah binti Harun:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam sehati sejiwa.

Terlebih dahulu, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan dalam Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, banyak isu yang saya hendak sampaikan telah disampaikan oleh rakan-rakan Yang Berhormat Senator yang lain.

Saya terus kepada soalan saya. Apa format baru bagi Sijil Kelahiran, sekiranya ada apabila rang undang-undang ini diluluskan? Bagaimanakah pula dengan proses bagi bayi atau anak malang yang ditinggalkan di surau-surau atau di rumah orang? Maksud saya, bayi yang masih sempurna. Dalam kesempatan ini juga, saya mohon statistik bagi bayi-bayi anak luar nikah bagi Selangor khususnya bagi daerah Sepang, sekiranya ada.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai pangkalan data yang ingin diselaraskan di bawah kementerian. Di Malaysia, rata-rata saya lihat pelbagai kementerian dan jabatan telah berpindah kepada keadaan elektronik untuk mengumpul dan menguruskan data. Ini seiring dengan kepesatan teknologi yang bergerak laju. Walau bagaimanapun, saya sering melihat apabila kita hendak melaksanakan data elektronik, pasti akan berlaku masalah rangkaian *internet*. Sebagai contoh, kita boleh lihat bagi sistem PBS di bawah Kementerian Pendidikan, sering kali mengalami masalah sistem dan ini diakui oleh Menteri itu sendiri.

Soalan saya, adakah kementerian bersiap sedia dan siap siaga sekiranya menghadapi masalah rangkaian sistem? Saya ingin mencadangkan langkah sistem sokongan sekiranya berlaku *system down* di peringkat jabatan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana membawa undang-undang ini ke dalam Dewan yang mulia ini. Ini juga mencerminkan keprihatinan kerajaan dalam menyelesaikan banyak masalah yang berhubung kait dengan pendaftaran. Semoga dengan adanya rang undang-undang ini, segala perihal mengenai pendaftaran akan diselesaikan dengan sempurna.

**[Tuan Yang di-Pertua mempergeserikan Mesyuarat]**

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong penuh Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Haji Megat. Dipersilakan.

### 6.03 ptg.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sehati sejiwa. Pertamanya terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah turut memberikan saya peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016 pada petang ini.

Saya pertamanya hendak ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri kerana telah membawa rang undang-undang ini untuk dibahaskan dengan beberapa pindaan. Benarlah kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, dulu kita pernah lihat filem Allahyarham Tan Sri P. Ramlee sebut, "*Hidup susah, mati pun susah*". Ini petang-petang kena ceria sikitlah. Jadi hari ini kita bincang soal ini.

Saya fikir sudah sampai tepat pada masa dan ketikanya benda-benda seperti ini dikaji dan diteliti dengan lebih mendalam lagi sebab seperti mana kata Yang Berhormat Datuk Abbas tadi, MH370, MH17, semua ini dikeluarkan surat anggapan kematian seperti yang disebut tadi, anggapan kematian. Kita juga bersimpati dengan ahli keluarga mereka sebab ada ahli-ahli keluarga ini bila- macam kes yang telah dirujuk, bila sudah berlaku kematian, kalau dulu tujuh tahun baru seseorang itu akan diisytiharkan sebagai- Sijil Kematianya akan dikeluarkan. Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, selama tujuh tahun itulah ahli keluarga terpaksa menanggung hutang, terpaksa menanggung bebanan keluarga, terpaksa menjelaskan hutang-hutang tertentu bagi pihak keluarga. Saya fikir memang sesuai kalau ini diwujudkan.

Cuma, ada pertanyaan sedikit kepada Yang Berhormat Menteri. Kalau sudah dikeluarkan sijil kematian nanti, tiba-tiba orang yang sudah dikeluarkan sijil kematian ini pergi ke JPN, dia wujud, dia kata, "*Macam mana you keluarkan sijil kematian sedangkan saya masih hidup?*" Ini masalah lagi besar. Jadi dia tuntut semua sekali sedangkan sijil sudah diberikan, sudah dikeluarkan sijil kematian dan dia hadir, *declare* tuan punya badan bahawasanya dia masih hidup.

Jadi apakah tindakan yang boleh diambil waktu itu kalau sekiranya kes-kes seperti ini berlaku? Saya ada terdengar...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, minta laluan sedikit, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Sila, sila.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ganggu sedikit. Apa kata kalau dia datang ke JPN, dia hidup kembali dan isterinya telah pun berumah tangga? Ini pandangan Yang Berhormat macam mana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini macam cerita *Bollywood*.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Yang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya baru hendak sampai tajuk itu sebab tajuk itulah yang paling sesuai sebab kalau harta ini boleh cari. Isteri, isteri sudah ada yang baru. Dia menuntut, dia kata, "*Ini saya punya. Bilakah masa awak kahwin? Siapa yang benarkan kahwin?*" Ini nanti akan terkait dengan apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Zali tadi... *[Disampuk]*

Jadi yang ini kita minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Bagaimanakah cara kementerian nanti hendak menangani masalah seperti ini? Keduanya, bagaimanakah cara kementerian hendak mengembalikan status mereka? Apakah tindakan ataupun undang-undang yang boleh dibenarkan untuk mereka ini disahkan kembali hidup?

Saya tengok, Tuan Yang di-Pertua, 18 orang berbahas rang undang-undang ini. Bermakna, rang undang-undang ini rang undang-undang yang amat penting, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau hendak mengesahkan kematian, kelahiran pun kita bincang dengan begini hebat di Dewan yang mulia ini, jadi macam mana- saya pun hendak tanya juga, macam mana isu yang timbul sebelum ini yang ada kata soal pengundi hantu 40,000 itu? Ini terkait. Saya bukan hendak bawa isu politik tetapi terkait. Dulu dituduh 40,000 orang pengundi hantu sedangkan hendak keluarkan satu Sijil Kematian kelahiran pun kita bawa di Dewan ini, inikan pula boleh mendaftarkan 40,000 orang sebagai pengundi hantu. Ini PRU Ke-14 sudah dekat, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin akan datang, *insya-Allah*, saya yakin Barisan Nasional, dengan izin, Allah akan menang lagi sekali. Nanti dituduh 400,000 pula pengundi hantu yang telah dikenal pasti mengundi sedangkan ini pun perkara yang perlu kita bincang dan kita halusi.

Jadi itulah antara perkara yang saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri sebab kita tidak mahu nanti ada kekeliruan apatah lagi melibatkan kita yang beragama Islam ini, ada masalah isu nanti bila mana isterinya yang menganggap suaminya sudah meninggal, kahwin baru, ada anak baru sedangkan suaminya masih hidup dan sihat walafiat, cuma dia larikan diri sekejap. Dia bertapa tujuh lapan tahun, selepas itu dia balik. Hutang-hutang semua sudah

selesai baru dia balik. Ini pun kita hendak kena ambil kira soal-soal perkara seperti ini. Ahli-ahli Yang Berhormat semua setuju dengan saya.

Jadi itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian yang telah pun membawa isu ini yang saya anggap amat penting kepada negara dan saya menyokong Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Hajah Norahan.

#### **6.09 ptg.**

**Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016.

Saya juga ingin menyentuh beberapa perkara yang penting iaitu mengenai dengan menyentuh tentang taraf anak luar nikah.

#### **■1810**

Saya cuma ingin menyentuh mengenai pendaftaran anak luar nikah ini yang mana mereka ini sudah tentu tidak sah taraf dan aspek dia daripada segi undang-undang kerana mereka ini telah pun diserahkan kepada ibu angkat kerana ibu yang melahirkan mereka, bapa sudah memang kita tidak tahu dan mereka ini telah pun ditinggalkan oleh ibu mereka kepada orang lain dan ini akan merumitkan masalah pendaftaran. Apakah pihak pendaftaran dapat membantu proses pendaftaran mereka ini?

Kedua, mengenai dengan masalah kerakyatan terutamanya bagi pemegang kad merah. Golongan ini biasanya terdiri daripada mereka yang telah bermastautin lama di negara kita khususnya bagi masyarakat India, China dan juga rakan-rakan kita dari Indonesia dan juga dari Sabah dan Sarawak.

Bagaimanakah kad pengenalan merah ini? Soalan saya adakah peruntukan yang sedia ada dalam rang undang-undang ini bagi menangani masalah ini. Sejauh mana pelaksanaan bagi menyelesaikan masalah pemegang kad merah di negara kita ini.

Yang Ketiga, mengenai dengan fasal 3, seksyen 4, Akta 299 rang undang-undang ini menyebut mengenai melaksanakan daftar berpusat berhubung dengan pendaftaran kelahiran dan kematian. Saya difahamkan ada pangkalan data secara berkomputer akan diwujudkan. Saya ingin mengetahui mengenai lebih mendalam mengenai pangkalan data ini yang akan diwujudkan.

Selain daripada syarikat yang akan diberikan tender untuk mewujudkan pangkalan data ini, seterusnya di mana pangkalan data ini akan diwujudkan dan berapakah kos yang ditanggung oleh kerajaan bagi menampung kemudahan ini. Jadi itu saja Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri.

#### **6.12 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab, seterusnya saya mengucapkan banyak terima kasih kepada lebih kurang 18 orang Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas mengenai rang undang-undang yang kita bentangkan tadi.

Yang pertama Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib. Ada di sini? Yang Berhormat bertanyakan, bagaimanakah kerajaan memastikan keselamatan data yang disimpan dalam pangkalan data?

Kerajaan memperuntukkan peruntukan yang besar setahun kepada JPN untuk mempertingkatkan aspek keselamatan data dan sistem. Setiap data yang disimpan atas talian juga disimpan dalam simpanan berasingan di tempat yang dirahsiakan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah jawapan itu mengikut senarai Ahli-ahli.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Ya, saya mula yang pertama ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Ya, Yang kedua Yang Berhormat Senator bertanyakan, apah punca atau faktor daftar lewat kelahiran.

Yang pertama antara faktor yang menyebabkan suatu kelahiran lewat didaftarkan adalah seperti berikut. Sikap ibu bapa yang lalai terhadap kepentingan pendaftaran kelahiran.

Kedua, dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran kelahiran gagal dilengkapkan seperti pendaftaran perkahwinan dan lain-lain.

Yang ketiga, beliau bertanyakan kepada pasangan yang berkahwin di luar negara melibatkan pasangan warganegara dengan bukan warganegara yang mana perkahwinannya tidak didaftarkan di Malaysia dan anak dilahirkan di Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia tidak akan memberikan kanak-kanak tersebut taraf kewarganegaraan Malaysia secara automatik kerana ia bergantung kepada status kewarganegaraan dan status perkahwinan ibu bapa.

Bagi ibu dan bapa yang gagal mengemukakan bukti perkahwinan yang sah, kerajaan ingin menegaskan bahawa menjadi tanggungjawab kedua ibu dan bapa kanak-kanak tersebut untuk menguruskan dokumen pengenalan diri serta dokumen perjalanan pasport dengan negara asal ibu kanak-kanak melalui kedutaan negara masing-masing bagi memastikan keberadaan mereka di negara ini adalah secara sah.

Berkenaan isu pendidikan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, perkara ini adalah di luar bidang kuasa kementerian ini dan sewajarnya dirujuk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Statistik pendaftaran kelahiran kanak-kanak yang bertaraf bukan warga negara dan anak tidak sah taraf akan dikemukakan secara bertulis kerana pegawai-pegawai belum ada maklumat sedemikian.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah, kalau dia tidak ada saya tidak akan jawab. Kemuka jawab bertulis ya. Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Ada ya. Yang Berhormat Senator bertanyakan... *[Melihat ke tempat duduk YB Senator Puan Hajah Rahemah]* Ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Nama, nama?

**Tuan Masir Anak Kujat:** Yang Berhormat Puan Hajah Rahemah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Ya. Beliau bertanyakan kesan pendaftaran lewat kelahiran. Apa prosedur yang wajib diambil terhadap individu yang lewat mendaftarkan kelahiran mereka, serta kaedah pendaftaran anak-anak tidak sah taraf dan anak dijumpai atau dibuang dan apakah tindakan JPN untuk memberikan kesedaran kepada rakyat mengenai pendaftaran kelahiran. Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016 memanjangkan tempoh pendaftaran kelahiran daripada 42 hari kepada 60 hari seperti yang dibentangkan tadi bagi memudahkan rakyat terutamanya ibu tunggal menguruskan diri dan anak sebelum membuat pendaftaran kelahiran.

Pendaftaran lewat kelahiran akan mengakibatkan kanak-kanak lewat diberikan dokumen pengenalan diri dan akan menjaskan urusan lain seperti persekolahan dan kesihatan. Bagi sebarang kelahiran yang didaftarkan melebihi 60 hari iaitu 60 hari dan daripada tarikh kelahiran tersebut, dianggap sebagai pendaftaran lewat kelahiran yang membawa kompaun tidak lebih daripada RM50 serta fi RM10. Sesiapa yang mengetahui tentang sesuatu kelahiran hendaklah

mendaftarkan ke JPN terdekat. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1997 atau Akta 299 bagi Semenanjung Malaysia memperuntukkan bahawa setiap kelahiran di Semenanjung Malaysia hendaklah didaftarkan oleh pendaftar bagi pendaftaran di mana kanak-kanak itu dilahirkan.

Dalam hal ini semua kelahiran kanak-kanak di Malaysia termasuk kelahiran anak bagi pasangan bukan warganegara dan anak yang dijumpai terbiar perlu didaftarkan dan dikeluarkan dokumen sijil kelahiran. Ini termasuk kelahiran bagi pasangan yang tidak mendaftarkan perkahwinan mereka secara sah mengikut undang-undang Malaysia. Sebagai contoh, bagi kelahiran anak luar nikah, ia boleh didaftarkan oleh ibu kandung atau mana-mana orang yang mengetahui tentang kelahiran tersebut di mana-mana JPN. JPN juga dalam memastikan setiap kelahiran didaftarkan mengikut masa mengadakan kempen-kempen kesedaran zero daftar lewat dan program-program *outreach* bagi memastikan mereka yang susah dicapai dapat didaftarkan secara tepat pada masanya.

Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng, soalan mengenai prosedur pendaftaran kelahiran dan kematian di Sabah.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, dia tidak ada. Tidak ada ya. Jadi walaupun demikian kerana ini perkara ini adalah menyentuh tentang Semenanjung saja dan Sabah dikecualikan untuk pindaan ini.

Yang Berhormat yang keempat iaitu Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail. Ada sini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Siti Aishah.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Tidak ada. Mungkin dia minum. Nanti saya bagi jawapan bertulis. Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff. Ada? Tidak ada juga. Minum. Tidak apa. Banyak lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bukan bermakna kalau dia orang tidak ada dalam Dewan, Yang Berhormat tidak payah jawab.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak saya jawab, saya boleh jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu terpulang kepada bidang kuasa saya, tetapi untuk menjimatkan masa, kita bagi peluang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk bagi secara bertulis.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi kena bagi secara bertulis.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Okey, saya akan pastikan pegawai-pegawai saya akan membuat secara bertulis untuk mereka yang tidak hadir walaupun tadi menyoal soalan dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Ya, terima kasih. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari, ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Ada. So Yang Berhormat Dr. bertanyakan berapa lamakah tempoh anggapan kematian boleh diperolehi daripada tarikh kehilangan individu. Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016 mengambil kira tempoh masa berdasarkan perintah mahkamah yang diputuskan berdasarkan undang-undang semasa yang diguna pakai sama ada undang-undang sivil atau undang-undang syariah.

## ■1820

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat dua undang-undang berasingan yang berkaitan dengan anggapan kematian. Perbezaan ketara antara kedua-dua peruntukan undang-undang tersebut tempoh masa yang diperlukan. Bagi menentukan anggapan kematian dan undang-undang sivil di bawah seksyen 108 Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan 7 tahun, manakala undang-undang syariah menetapkan 4 tahun sebagai tempoh yang perlu menentukan anggapan kematian. Jadi ada perbezaan 7 dengan 4. Jadi sekiranya ada perintah mahkamah, JPN boleh mengeluarkan anggapan atau Sijil Anggapan Kematian.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, ada? Tak ada juga. Dia ada pergi ke Tabung Haji, kata dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Jadi saya akan beri jawapan untuk secara bertulis.

Yang kelapan, Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya, ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia ada.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Dia ada. Jadi dia bertanyakan apakah faktor penyebab agensi mengeluarkan Sijil Anggapan Kematian sedangkan mahkamah telah mengeluarkan Perintah Anggapan Kematian.

Ahli Yang Berhormat, seksyen 24A Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016 adalah bertujuan mewujudkan punca kuasa kepada Pendaftar untuk mendaftarkan anggapan kematian dan mengeluarkan Sijil Anggapan Kematian. Buat masa ini tiada sebarang peruntukan berkaitan ‘anggapan kematian’ di dalam Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 ataupun Akta 299.

Sebarang perintah berkenaan ‘anggapan kematian’ seseorang yang hilang di bawah seksyen 108, Akta Keterangan 1950 hanya dikeluarkan oleh mahkamah kepada mana-mana waris orang yang hilang tersebut. Sehubungan itu, pendaftar akan mendaftarkan anggapan kematian orang yang hilang itu berdasarkan kepada perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah seterusnya merekodkan anggapan kematian tersebut di dalam pangkalan data JPN sebelum satu perakuan anggapan kematian dikeluarkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Masir Anak Kujat:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebentar, hari ini Timbalan saya cergas sangat *[Ketawa]*

**Tuan Masir Anak Kujat:** Mahu bertukar?

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila sambung tersebut.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Sijil Anggapan Kematian yang dikeluarkan oleh JPN akan membantu ahli keluarga orang yang hilang tersebut untuk menguruskan perkara-perkara yang bersangkutan dengan pihak-pihak seperti bank, insurans dan sebagainya.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya mengemukakan dua soalan. Kedua iaitu setakat ini, jumlah Perintah Anggapan Kematian dari mahkamah yang telah dikemas kini oleh pihak JPN sebelum pindaan Akta 299 dilakukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN telah mendaftarkan sebanyak 138 anggapan kematian sejak tahun 2011 sehingga tahun 2015 dan pecahannya tahun 2011 – 24 Sijil Anggapan Kematian; tahun 2012 – 13; tahun 2013 – 23; tahun 2014 – 21; dan tahun 2015 – 57.

Seterusnya Yang Berhormat mengemukakan satu soalan yang bertanyakan adakah kerajaan menerima perintah anggapan kematian dari mahkamah sivil sahaja. Apakah JPN turut menerima perintah anggapan kematian dari Mahkamah Syariah? Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016 menerima kedua-dua perintah mahkamah sivil dan juga Mahkamah Syariah yang diputuskan berdasarkan undang-undang semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat dua undang-undang yang berasingan yang berkaitan dengan anggapan kematian. Perbezaan tadi saya sebutkan sebanyak peruntukan tujuh tahun dan satu lagi dalam 4 tahun. Jadi tak perlu saya huraikan dengan lebih mendalam lagi. Seterusnya Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin, beliau ada di ruangan- Yang Berhormat ada, okey.

Yang Berhormat bertanyakan jumlah perakuan anggapan kematian yang telah dikeluarkan oleh JPN pada pewaris penumpang MH370.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini sebanyak 53 Perintah Anggapan Kematian telah dikeluarkan oleh mahkamah dan sebanyak 53 Sijil Anggapan Kematian juga telah dikeluarkan oleh JPN bagi kes yang melibatkan MH370 sehingga kini. Yang Berhormat juga bertanyakan apakah kesukaran yang dihadapi oleh JPN sebelum pindaan dibuat terhadap akta sekarang bagi kes pendaftaran anggapan kematian. JPN sebelum pindaan Akta 299 yang tidak mempunyai peruntukan undang-undang untuk mendaftar anggapan kematian, ia dibuat secara pentadbiran. Dengan pindaan rang undang-undang ini maka semua anggapan kematian boleh didaftarkan dan dikeluarkan sijil anggapan kematian seperti mana kematian biasa.

Yang Berhormat juga turut bertanya kepada kelahiran anak yang tak sah taraf didaftarkan. Berapakah permohonan pendaftaran anak luar nikah sama ada yang lulus ataupun yang ditolak oleh JPN? Semua kelahiran kanak-kanak di Malaysia termasuk kelahiran anak-anak tak sah taraf perlu didaftarkan dan dikeluarkan dokumen Sijil Kelahiran. Ini termasuk kelahiran bagi pasangan yang tidak mendaftarkan perkahwinan mereka secara sah mengikut undang-undang Malaysia. Sebagai contoh, bagi kelahiran anak-anak luar nikah, ia boleh didaftarkan oleh ibu kandung atau mana-mana orang yang mengetahui tentang kelahiran tersebut di mana-mana JPN di seluruh Malaysia ini. Jadi mengenai statistik, saya tak dapat keluarkan pada hari ini dan harap JPN akan memberi jawapan bertulis untuk statistik yang seperti dipinta oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Abidullah bin Salleh. Abdullah atau Abidullah?... *[Disampuk]* Yang Berhormat bertanyakan kes-kes pendaftaran kelahiran palsu menyebabkan kanak-kanak dan keluarga menjadi mangsa kepada sindiket pemalsuan dokumen. Adakah pendaftaran semula kelahiran dibenarkan di bawah rang undang-undang ini bagi kes-kes sebegini? Jika tidak, apakah kerajaan mempunyai penyelesaian yang sesuai kepada masalah tersebut?

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pendaftaran semula kelahiran bermaksud pendaftaran yang dilakukan bagi sesuatu kelahiran yang telah didaftarkan tetapi rekod-rekod kelahiran yang disimpan oleh pendaftar pusat dan penguasa pendaftar di negeri-negeri telah hilang atau musnah. Kelahirannya boleh didaftarkan semula di bawah peruntukan seksyen 4A

jika ibu bapa atau penjaga kanak-kanak yang sah dapat mengemukakan bukti tentang pendaftaran kelahiran melalui Sijil Kelahiran yang telah dikeluarkan oleh pendaftar kelahiran. Dalam hal pengeluaran Sijil Kelahiran palsu oleh individu yang tidak bertanggungjawab, kelahiran tersebut tidak dikategorikan sebagai pendaftaran semula bab kelahiran. Ibu bapa dinasihatkan untuk mengemukakan permohonan pendaftaran lewat kelahiran di bawah seksyen 12, Akta 299 dengan mengemukakan bukti-buktii kelahiran kanak-kanak tersebut.

Beliau juga turut menanyakan mengapakah hukuman penjara dan denda yang dikenakan ke atas pesalah di bawah akta ini dinaikkan sehingga tiga kali berbanding sebelumnya. Apakah langkah-langkah ini dapat memastikan jumlah kes pemalsuan dokumen dapat dicegah?

Untuk makluman Yang Berhormat, kenaikan kadar penalti dan tempoh hukuman bagi kesalahan-kesalahan di bawah Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016 adalah bertujuan untuk menyelaraskan kadar hukuman yang serupa bagi kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1960.

Selain itu, kadar kenaikan ini juga turut mengambil kira situasi semasa memandangkan penalti dan denda di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 tidak pernah dipinda. Kadar penalti yang dikenakan adalah jauh lebih rendah berbanding dengan jenis kesalahan yang sama di bawah perundangan lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh 2010 sehingga 2016, sebanyak 160,000 jumlah permohonan daftar lewat kelahiran dan 2,700 permohonan daftar lewat kematian. Daripada keseluruhan permohonan yang diterima, sejumlah 1,900 permohonan daftar lewat kelahiran dan kematian telah dihantar untuk siasatan. Kesemua jumlah tersebut menunjukkan sesetengah golongan rakyat tidak patuh terhadap kehendak bawah setiap kelahiran dan kematian itu hendaklah didaftarkan pada masa yang ditetapkan.

Menjadi satu kesalahan sekiranya kelahiran dan kematian itu tidak didaftarkan. Jadi pada masa yang sama sesetengah permohonan ditolak atas sebab maklumat yang diberikan adalah tidak betul dan tidak sah. Penalti maksimum yang diperlukan dalam peruntukan sedia ada hanyalah sebanyak RM2,000 dan tempoh perbicaraan adalah selama 12 bulan. Sehubungan itu, bagi mengelak jumlah permohonan dan kesalahan daripada bertambah atau berulang, JPN menaikkan kadar denda sebanyak RM20,000 dan tidak melebihi tiga tahun penjara. Dengan kadar peningkatan penalti ini adalah diharapkan ia akan memberikan kesedaran kepada orang ramai berhubung dengan kepentingan pendaftaran kelahiran dan juga kematian.

Yang Berhormat Senator Datuk Lucas, beliau bertanyakan adakah rang undang-undang ini terpakai di Sabah dan Sarawak. Manakah dia? Tak ada... ada?

Untuk makluman Yang Berhormat, memang dari awal tadi saya katakan ini khas untuk Semenanjung sahaja dan kita di negeri Sabah, Sarawak ada ordinan yang berasingan.

■1830

Beliau juga bertanya berapa ramai pegawai JPN di Sabah dan Semenanjung? Begitu juga berapakah bilangan anak-anak tidak sah taraf? Ini saya akan bagi secara bertulis. Soalan yang terakhir daripada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas, apakah JPN mempunyai pegawai yang boleh membaca dan mentafsir tulisan Cina? Prosedur semasa menetapkan bahawa semua maklumat perlu dikemukakan dalam tulisan rumi. Justeru, tiada keperluan lagi untuk mentafsirkan tulisan Cina kerana kita telah membatalkan perenggan itu.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus bertanyakan kepada- ada? Ada ya? Tak nampak. Adakah KDN mempunyai statistik jumlah pengeluaran sijil kelahiran kepada bayi bukan warganegara dalam lima tahun kebelakangan ini? Ini pun saya akan jawab bertulis kerana pegawai saya tidak bekalkan *detail* statistik.

Kedua, beliau bertanyakan sama ada KDN mempunyai statistik jumlah bil hospital dan tunggakan yang tidak dijelaskan oleh warga asing. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini bukan di dalam bidang KDN setakat ini dan ia di bawah Kementerian Kesihatan.

Ketiga, beliau bertanyakan berkenaan jenazah ataupun benar kah jenazah PATI tidak dibenarkan dikebumikan di Malaysia jika tidak mempunyai dokumen? Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1987 memperuntukkan semua kematian hendaklah didaftarkan jika mayat tersebut dijumpai tanpa mengira taraf kewarganegaraan termasuk si mati yang tidak dapat dikenal pasti identitinya. Setiap pengesahan kematian akan dikeluarkan bersekali dengan permit menguburkan bagi membolehkan urusan pengebumian mayat si mati dapat dilaksanakan. Jadi, ini tiada masalah. Boleh dikebumikan di Malaysia

Seterusnya Yang Berhormat Hajah Azizah, ada di dalam Dewan, ada ya? Yang Berhormat bertanyakan apakah format baru sijil kelahiran sekiranya rang undang-undang ini diluluskan? Dimaklumkan bahawa pindaan terhadap rang undang-undang ini tidak memerlukan sebarang perubahan kepada format sijil kelahiran. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa bersedia menambah baik sekiranya terdapat keperluan pada masa hadapan.

Yang Berhormat juga turut bertanya prosedur pendaftaran kelahiran bagi bayi yang ditinggalkan atau dijumpai. Pendaftaran kelahiran bagi bayi-bayi yang ditinggalkan atau dijumpai boleh dibuat di mana-mana JPN seluruh Malaysia oleh mana-mana individu yang

menjumpai atau bertanggungjawab ke atas bayi tersebut. Proses adalah tertakluk kepada prosedur biasa ditambah dengan laporan polis.

Soalan yang ketiga, apakah persediaan KDN sekiranya mempunyai masalah sistem? Soalan ini telah dijawab. Tadi saya jawab kepada Yang Berhormat YM. Engku Naimah. Jadi jawapan saya sudah beri.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain. Ada ya? Yang Berhormat bertanyakan bagaimanakah sekiranya orang yang telah dianggap mati oleh mahkamah dan telah dilaporkan kepada pihak JPN mengikut fasal 19 rang undang-undang ini, sekiranya masih hidup dan membuat tuntutan bagi mendapatkan dokumen pengenalan di JPN.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengakui bahawa masalah ini sememangnya terjadi berdasarkan kes-kes yang dilaporkan oleh JPN. Apa yang terjadi adalah apabila seseorang itu telah meninggalkan keluarganya tanpa sebarang khabar berita dan pergi menetap di tempat atau negeri lain tanpa pengetahuan keluarga. Ini boleh disebabkan oleh pelbagai sebab peribadi yang hanya diketahui oleh orang itu. Apabila genap tujuh tahun, waris kepada orang itu telah ke mahkamah bagi memohon perintah anggapan kematian dan seterusnya mendaftarkan anggapan kematian tersebut di JPN. Selepas itu orang itu akan dianggap sebagai telah mati berdasarkan rekod JPN. Orang ini kemudiannya hadir di mana-mana pejabat JPN yang berdekatan bagi membuat gantian kad pengenalan dan akan dimaklumkan bahawa beliau telah didaftarkan mati oleh ahli keluarga.

Bagi kes ini, kerajaan melalui JPN akan menasihatkan orang itu agar membuat permohonan di mahkamah bagi mengetepikan perintah anggapan mati yang telah dikeluarkan mahkamah terhadap beliau dan seterusnya mengemaskinikan status beliau dengan JPN berdasarkan perintah baru yang diterima. Untuk tujuan ini, orang yang telah dianggap mati itu boleh mendapatkan khidmat nasihat dari Pejabat Bantuan Guaman yang terdekat bagi membuat permohonan di mahkamah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja yang saya sempat jawab dan sekiranya ada kemosykilan, kita akan sentiasa berhubung dan memberi jawapan yang mana yang tertinggal ataupun yang tak sempat dijawab secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Masir Anak Kujat yang telah menjawab panjang lebar dan terang dan kita faham. Jadi, terima kasih banyak.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[**Fasal 1 hingga 31** dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[**Fasal-fasal 1 hingga 31** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga; disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Lee Chee Leong) dan diluluskan]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih banyak. Saya pertama sekali ucapkan syabas dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tunggu sampai akhir ini. Tepuk tangan, dan terima kasih banyak... [Tepuk] Itu fokusnya orang-orang perjuangan ini tadi. Tadi saya sekejap baiknya hati kita punya Tuan Yang di-Pertua tadi, dia bagi saya peluang mengerjakan solat saya. Ha itu dia tadi, nampaknya pada kita dia sedar dan dia hormati masa kita itu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tanggungjawab kita selesai. Bak kata orang Melayu.

*Batang serai pokok selasih,*

*Kerja kita selesai dan banyak-banyak terima kasih [Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 20 Disember 2016. Sekian, assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.]**